

**KIJANG SEBAGAI SIMBOL DALAM REKAAN LOGO
BANK NEGARA MALAYSIA**

MOHD HELMI BIN MOHD ISA

**PUSAT KEBUDAYAAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2020

**SYMBOL OF BARKING DEER ON BANK NEGARA
MALAYSIA LOGO DESIGN**

MOHD HELMI BIN MOHD ISA

**THESIS SUBMITTED IN FULFILMENT OF THE
REQUIREMENTS FOR THE DEGREE OF MASTER**

**CULTURAL CENTRE
UNIVERSITY OF MALAYA
KUALA LUMPUR**

2020

**UNIVERSITI OF MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: Mohd Helmi bin Mohd Isa

No. Matrik: RGB130007

Nama Ijazah: Sarjana

Tajuk Kertas Tesis: Kijang Sebagai Simbol Dalam Rekaan Logo Bank Negara
Malaysia

Bidang Penyelidikan: Seni Rupa

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

ABSTRACT

The main purpose of this research was to identify the symbol of barking deer used in the design logo of Bank Negara Malaysia from the aspects of significant and the elements of art usage that are in it. In this study, the authors selected Bank Negara Malaysia as a sample of the organizations to study the symbol of barking deer designed by the famous sculptor Abdul Wahab. This research covers aspects of understanding and significant of the barking deer and the use of elements of art. In addition, there were also interviews with academicians on the design, arts and the Malay studies to get their views and perceptions of the barking deer symbol on the logo. The result of this research is to analyze the meaning of the use of the actual barking deer symbol in the logo design.

ABSTRAK

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti simbol haiwan iaitu kijang yang digunakan dalam rekaan logo Bank Negara Malaysia dari aspek kepentingan dan unsur-unsur seni yang wujud di dalamnya. Dalam kajian ini, penulis memilih Bank Negara Malaysia sebagai sampel organisasi untuk dikaji kerana simbol kijang yang telah direka oleh pengukir terkenal Allahyarham Abdul Wahab. Penyelidikan ini meliputi aspek pemahaman dan kepentingan simbol kijang serta penggunaan unsur-unsur seni. Di samping itu, turut dilaksanakan beberapa temu bual bersama pakar akademik berkaitan bidang rekaan, kesenianan dan pengajian Melayu bagi mendapatkan pandangan dan persepsi mereka mengenai simbol kijang yang terdapat pada logo tersebut. Hasil dapatan penyelidikan ialah dapat menganalisis makna penggunaan simbol kijang yang sebenar dalam reka bentuk logo.

PENGHARGAAN

Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia, keizinan, petunjuk serta hidayahNya dapat saya melengkapkan penulisan tesis ini. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Dr. Roslina Ismail atas bantuan, seliaan dan panduan sepanjang pengajian. Dr. Ruzaika Omar Basaree dan Dr. Marzudi Md Yunus atas bantuan informasi, sokongan, perkongsian ilmu dan kesarjanaan kalian. Semoga Allah mengurniakan segala kebaikan di dunia dan akhirat kepada anda semua.

Kepada ibu, Puan Hindun Hj. Sidin, setinggi-tinggi penghargaan atas doa dan restu yang tiada penghujung. Semoga Allah SWT mengasihi, melindungi dan merahmati dirimu di dunia dan akhirat. Penulisan tesis ini tidak mungkin dapat dilengkapkan tanpa bantuan rakan sepejabat di Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) yang memahami situasi diri ini kerana menumpukan penulisan tesis semasa bekerja dalam tempoh pengajian.

Kepada Pusat Kebudayaan, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Nasir selaku Pengarah Pusat Kebudayaan yang memberi kepercayaan dan galakkan untuk saya menamatkan pengajian. Diucapkan terima kasih kepada Encik Jeremy Joseph Pinto kerana memberi kerjasama dalam temu bual untuk penyelidikan ini. Kepada kakitangan Pusat Kebudayaan secara langsung terima kasih atas bantuan dan khidmat yang diberikan. Kepada rakan-rakan seperjuangan, Puan Jacquelene dan Puan Maithreyi Subramaniam, terima kasih atas perkongsian ilmu dan semoga kalian sentiasa berkhidmat untuk anak bangsa. Wassalam.

JADUAL KANDUNGAN

Abstract	iii
Abstrak	iv
Penghargaan	v
Jadual Kandungan	vi
Senarai Gambar Rajah.....	x
Senarai Jadual.....	xii
Senarai Lampiran	xii

BAB 1: PENDAHULUAN.....1

1.1 Latar Belakang Penyelidikan	1
1.2 Tujuan Penyelidikan	4
1.3 Objektif Penyelidikan	4
1.4 Penyataan Masalah	5
1.5 Soalan Penyelidikan.....	6
1.5.1 Soalan Penyelidikan 1.....	6
1.5.2 Soalan Penyelidikan 2.....	6
1.6 Skop Penyelidikan	6
1.7 Had Penyelidikan.....	7
1.8 Definisi Terminalogi.....	7
1.9 Ringkasan	8

BAB 2: KAJIAN LITERATUR10

2.1 Pengenalan	10
2.2 Rekaan Logo	11
2.2.1 Apakah Maksud Logo.....	13

2.2.2 Pengkelasan Jenis Logo	14
2.2.2.1 Logo Teks/Abjad	14
2.2.2.2 Logo Motif/Lambang.....	15
2.2.2.3 Logo Kombinasi	15
2.2.2.4 Logo Ikon.....	16
BAB 3: KIJANG MERENTAS SEJARAH	17
3.1 Kaedah Penyelidikan.....	17
3.2 Kaedah Deskripsi	18
3.3 Kaedah Pemerhatian.....	18
3.4 Kaedah Temu Bual.....	19
3.5 Kaedah Analisis Data.....	22
3.6 Definisi Kijang.....	23
3.7 Definisi Bulan Sabit.....	24
3.8 Definisi Matahari	24
3.9 Sejarah Kijang Dalam Numismatik Syiling Emas.....	25
3.10 Sejarah Duit Syiling Emas Kelantan	26
3.11 Sejarah Duit Kijang	27
3.12 Kijang, Rusa, Pelanduk Dan Kancil Dalam Cerita Rakyat Malaysia.....	30
3.13 Kijang, Rusa, Pelanduk Dan Kancil Dalam Lukisan Simbol	33
3.14 Kijang, Rusa, Pelanduk Dan Kancil Dalam Motif Geometri Dan Seramik	35
3.15 Lambang Bank Negara Malaysia.....	36
3.16 Kijang Dalam Fahaman Celtik	37
3.17 Kijang Dalam Kisah Dongeng Eropah	38
3.18 Kijang Dalam Mitologi Kristian	38
3.19 Kijang Dalam Mitologi Yunani	39

3.20 Kijang Dalam Mitologi Hindu.....	40
---------------------------------------	----

BAB 4: ANALISIS HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN.....42

4.1 Pengenalan	42
4.2 Analisis Simbol Kijang Bank Negara.....	43
4.3 Aspek Pertimbangan Simbol Berkesan	45
4.4 Faktor-Faktor Mempengaruhi Tafsiran Simbol.....	46
4.5 Tujuan Utama Logo Dan Simbol.....	47
4.6 Aspek Lain Dalam Logo Dan Simbol	49
4.7 Unsur-unsur Rekaan Seni Dalam Simbol	50
4.7.1 Analisis Unsur Warna Duit Syiling Kijang Kelantan.....	52
4.7.2 Analisis Unsur Rupa Duit Syiling Kijang Kelantan	55
4.7.3 Analisis Unsur Tekstur Duit Syiling Kijang Kelantan	57
4.7.4 Analisis Unsur Ruang Duit Syiling Kijang Kelantan	59
4.7.5 Analisis Unsur Garisan Duit Syiling Kijang Kelantan	60
4.8 Perbincangan.....	62
4.9 Analisis Duit Syiling Kijang Kelantan	63
4.9.1 Ringkasan Duit Syiling Kijang Kelantan	64
4.10 Analisis Duit Syiling Bulion.....	65
4.10.1 Ringkasan Duit Syiling Bulion	66
4.11 Analisis Kijang Dalam Hikayat Sang Kancil	68
4.11.1 Ringkasan Kijang Dan Hikayat Sang Kancil.....	71
4.12 Ringkasan Analisis.....	71
4.13 Ringkasan Motif Pada Simbol	74
4.14 Ikonografi Simbol Kijang Dalam Logo Bank Negara	78
4.14.1 Tafsiran Peribadi.....	80

4.14.2 Ciri-ciri Utama Dalam Logo Bank Negara.....	83
4.14.3 Impak Terhadap Masyarakat Dan Budaya Melayu	89
4.14.4 Aspek Gaya Dalam Simbol Kijang Dalam Logo Bank Negara	91
4.14.5 Falsafah.....	92
4.15 Ikonografi Simbol Kijang Dalam Stupa Borubudur	94
4.15.1 Tafsiran Peribadi.....	95
4.15.2 Ciri-ciri Utama Dalam Stupa Borubudur	101
4.15.3 Impak Terhadap Masyarakat Dan Budaya Melayu Di Asia Tenggara....	102
4.15.4 Aspek Gaya Simbol Kijang Dalam Stupa Borubudur	103
4.15.5 Falsafah.....	104
4.16 Ikonografi Simbol Kijang Dalam Stupa Bharhut.....	106
4.16.1 Tafsiran Peribadi.....	108
4.16.2 Ciri-ciri Utama Dalam Stupa Bharhut.....	109
4.16.3 Impak Terhadap Masyarakat Dan Budaya Melayu Di Asia Tenggara....	110
4.16.4 Aspek Gaya Simbol Kijang Dalam Stupa Bharhut.....	111
4.16.5 Falsafah.....	112
4.17 Ringkasan	113

BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN	115
5.1 Pengenalan	115
5.2 Kepentingan	115
5.3 Kaitan.....	116
5.4 Kesimpulan Kepada Objektif Penyelidikan.....	117
5.5 Kesimpulan Kepada Soalan Penyelidikan	118
5.6 Cadangan	120
5.7 Cadangan Untuk Penyelidikan Lanjutan	123

5.8	Penutup	124
	RUJUKAN	126
	LAMPIRAN	135

SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah 1.1	2
Rajah 1.2	3
Rajah 1.3	3
Rajah 1.4	4
Rajah 2.1	14
Rajah 2.2	15
Rajah 2.3	15
Rajah 2.4	16
Rajah 3.1	19
Rajah 3.2	28
Rajah 3.3	30
Rajah 3.4	32
Rajah 3.5	33
Rajah 3.6	34
Rajah 3.7	34
Rajah 3.8	35
Rajah 3.9	37
Rajah 3.10	38
Rajah 3.11	39
Rajah 3.12	40

Rajah 3.13	40
Rajah 3.14	41
Rajah 4.1	46
Rajah 4.2	53
Rajah 4.3	54
Rajah 4.4	56
Rajah 4.5	57
Rajah 4.6	58
Rajah 4.7	59
Rajah 4.8	60
Rajah 4.9	61
Rajah 4.10	63
Rajah 4.11	66
Rajah 4.12	68
Rajah 4.13	69
Rajah 4.14	74
Rajah 4.15	76
Rajah 4.16	78
Rajah 4.17	86
Rajah 4.18	87
Rajah 4.19	89
Rajah 4.20	94
Rajah 4.21	97
Rajah 4.22	98
Rajah 4.23	102
Rajah 4.24	105

Rajah 4.25	106
------------------	-----

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	22
Jadual 3.2	29

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Sampel Soalan Temu Bual	135
Lampiran B: Surat Pengesahan Menjalankan Kajian.....	137
Lampiran C: Surat Pengakuan	138
Lampiran D: Profil Responden	141
Lampiran E: Transkripsi Temu Bual.....	143

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Penyelidikan

Pengenalan mengenai penyelidikan terhadap sesuatu yang memberikan maksud dan pengertian terhadap sesuatu simbol membolehkan masyarakat dapat memahami dengan lebih mendalam tentang pendekatan dan penekanan yang telah diambil. Oleh itu, bahagian ini akan memperkenalkan dan menerangkan lebih terperinci melalui penyelidikan oleh penulis mengenai penggunaan sebuah simbol dalam mencapai objektif dan matlamat penyelidikan.

Pada masa kini, sektor perniagaan dan komersil terutamanya syarikat perniagaan dan perbankan mengangkat sebuah objek atau simbol untuk menjadi lambang korporat kepada jenama mereka sendiri. Kebanyakan syarikat perniagaan dan perbankan memilih satu atau lebih daripada dua jenis simbol untuk mewakili dan melambangkan imej rasmi jenama korporat mereka untuk dikenali. Oleh itu, adalah amat penting kepada mereka ini untuk membuat pilihan yang tepat dalam pemilihan simbol yang boleh digunakan secara meluas pada masa kini untuk jenama korporat atau syarikat. Kini, terdapat banyak kajian mengenai simbol mewakili dan melambangkan sebuah institusi yang menggambarkan kepelbagaiannya unsur seni, budaya dan rekaan yang terdapat sama ada di Malaysia mahupun luar negara.

Dalam buku yang berjudul “*Logo, Brand, Identity, Culture*” (Morgan, 1999) ada menyebut rekaan logo adalah rekaan asas yang berbentuk ekuiti yang dimiliki oleh sesuatu syarikat dan nama syarikat tersebut. Rekaan logo sebenarnya memudahkan pentafsiran sesuatu objek dan kiasan yang divisualkan.

Rekaan logo adalah satu tanda yang membezakan sebuah syarikat, produk, perkhidmatan atau pelbagai produk atau perkhidmatan daripada sumber yang sama. Rekaan logo terdiri daripada logo berbentuk tipografi, logo kiasan, logo abstrak dan kombinasi kedua-duanya. Rekaan logo boleh direka dalam bentuk dua atau tiga dimensi sama ada mempunyai warna atau monokrom sahaja. Rekaan logo adalah salah satu elemen utama dalam sesuatu identiti korporat dan jenama utama untuk menunjukkan simbol dagangan atau simbol berdaftar syarikat tertentu (Morgan, 1999).

Rekaan objek atau bentuk dengan menggunakan perisian khas seperti Adobe Illustrator atau Corel Draw untuk tujuan komunikasi visual yang berkesan adalah sesuatu yang biasa dalam rekaan sesebuah logo. Walau bagaimanapun rekaan logo yang dihasilkan oleh pereka pada masa kini banyak memasukkan unsur-unsur seni seperti garisan, bentuk, ruang, rupa dan warna agar dapat mewujudkan suatu lambang yang jelas dalam bentuk dua bentuk dimensi (Morgan, 1999).



Rajah 1.1: Simbol-simbol haiwan yang digunakan dalam logo di seluruh dunia (Ilustrasi oleh penulis, 2019).



Rajah 1.2: Simbol-simbol haiwan yang digunakan dalam logo di seluruh dunia (Ilustrasi oleh penulis, 2019).



Rajah 1.3: Simbol-simbol haiwan yang digunakan dalam logo di seluruh dunia (Ilustrasi oleh penulis, 2019).



Rajah 1.4: Logo Bank Negara Malaysia (Ilustrasi oleh penulis, 2016).

1.2 Tujuan Penyelidikan

Tujuan utama penyelidikan ini ialah untuk mencari perkara asas tentang makna sebenar simbol kijang dalam rekaan logo Bank Negara Malaysia (BNM) berdasarkan penggunaan ikonografi serta pendekatan unsur-unsur seni yang diambil dari aspek kesenian. Pencarian dan analisis penyelidikan ini mampu memberikan jawapan yang kukuh mengenai penggunaan simbol kijang dan unsur-unsur seni yang terdapat dalam logo Bank Negara Malaysia. Oleh demikian, satu justifikasi dibuat sebagai rujukan pengetahuan dan memberi kesedaran kepada pembaca terutamanya mereka yang terlibat dalam bidang reka bentuk seni grafik.

1.3 Objektif Penyelidikan

- (i) Untuk mengenal pasti signifikan unsur-unsur rekaan seni yang terdapat dalam simbol yang menggunakan kijang dalam logo.
- (ii) Untuk mengkaji motif kijang di dalam simbol logo Bank Negara Malaysia.

1.4 Penyataan Masalah

Penyelidikan ini dibuat kerana ia bertujuan untuk mengenal pasti, memberi penjelasan dan menganalisis penggunaan simbol dalam rekaan logo sama ada ia memberi kepentingan dalam rekaan sesuatu logo dan adakah simbol kijang itu memberi manfaat dan mengangkat sesuatu rekaan tertentu ke tahap yang dikehendaki atau ia hanyalah sekadar lambang atau simbol sesuatu kepercayaan atau kemegahan semata-mata.

Di samping itu, penyelidikan ini dibuat untuk memberi justifikasi makna penggunaan simbol dan unsur seni dalam menghasilkan sebuah rekaan yang bermutu. Terdapat beberapa pertanyaan mengenai kajian simbol dalam sesebuah logo yang menimbulkan pernyataan masalah dalam penyelidikan. Tujuan kajian rintis tersebut ialah untuk menentukan permasalahan isu simbol yang digunakan dalam rekaan logo perbankan dan mengenal pasti masalah yang dihadapi dengan lebih jelas. Kajian rintis tersebut telah dilakukan terhadap sebuah bank tempatan di Malaysia namun ia masih dalam kajian di peringkat awal.

Kini, penulis memberi fokus utama dan meneruskan penyelidikan lebih mendalam dengan melibatkan Bank Negara Malaysia sebagai perkara asas. Penulis memberikan fokus kepada perbankan kerana bank banyak terlibat dalam urusan kewangan dan pelaburan. Oleh itu pemilik bank berhasrat untuk mereka sebuah identiti korporat yang mengandungi unsur-unsur seni dan simbolik yang dapat dijadikan lambang kemakmuran urusan perbendaharaan.

1.5 Soalan Penyelidikan

Penyelidikan ini terdiri daripada dua soalan yang berdasarkan dari objektif kajian. Soalan penyelidikan adalah berbentuk penerokaan dalam mewujudkan kefahaman terhadap penggunaan simbol dan unsur seni yang dikaji. Oleh yang demikian, penulis telah menyediakan dua soalan penyelidikan seperti berikut:

1.5.1 Soalan Penyelidikan 1

RQ1: Apakah unsur-unsur rekaan seni yang terdapat dalam logo yang menggunakan haiwan sebagai simbol?

1.5.2 Soalan Penyelidikan 2

RQ2. Apakah simbol yang terdapat pada motif kijang?

1.6 Skop Penyelidikan

Tumpuan umum penyelidikan ini adalah berdasarkan kepada penggunaan unsur rekaan dan kepentingan simbol kijang tersebut yang diambil untuk menghasilkan reka bentuk logo. Skop penyelidikan dimulakan dengan memfokuskan makna sebenar tentang simbol yang digunakan terlebih dahulu dan penggunaan unsur rekaan yang terkandung di dalamnya. Penyelidikan dijalankan dengan membuat perhatian terhadap bank-bank tempatan dan institusi kewangan yang terdapat di sekitar Lembah Klang. Bank Negara Malaysia dipilih sebagai perkara subjek dalam penyelidikan kerana terdapat fakta mengenai penggunaan simbol dan unsur rekaan dalam salah satu rekaan logonya.

1.7 Had Penyelidikan

Kekurangan maklumat dan penerangan mengenai simbol kijang dalam rekaan logo Bank Negara Malaysia merupakan masalah yang dihadapi dalam kajian ini. Bank Negara Malaysia menyatakan rekaan logonya diinspirasikan daripada motif seekor haiwan iaitu kijang, bulan sabit dan matahari. Perkara ini telah menimbulkan banyak persoalan dan pertikaian di kalangan orang ramai dan akan diterangkan secara mendalam dalam permasalahan kajian.

Tidak banyak maklumat sokongan yang terperinci dan berkaitan mengenai simbol kijang yang dipilih dalam proses rekaan logo Bank Negara Malaysia. Perkara ini merupakan masalah utama sebenarnya kepada orang ramai kerana simbol kijang dalam rekaan logo Bank Negara Malaysia menyebabkan satu ruang persoalan dan persepsi yang tidak tepat, maklum balas orang ramai yang kurang baik, pentafsiran simbol yang salah dan makna sebenar motif kijang yang dipilih itu terhadap orang ramai.

Maklumat yang terhad dan pemahaman serta persepsi orang ramai terhadap simbol kijang tersebut adalah masalah penyelidikan semasa. Terdapat juga tuduhan liar tersebar di media sosial mengatakan bahawa simbol kijang di dalam logo Bank Negara Malaysia mempunyai kaitan unsur-unsur iluminati dan kepercayaan mistik zaman kuno mesir sewaktu pemerintahan Firaun. Terdapat beberapa kelemahan dari segi rekaan visualnya dalam menggambarkan motif kijang yang tidak tepat seperti gambaran seekor anjing dan pelbagai spekulasi lain yang muncul.

1.8 Definisi Terminalogi

Untuk tujuan penjelasan mengenai sifat dalam kajian penyelidikan ini, beberapa takrifan dan istilah telah disediakan seperti berikut:

- a) Simbol: Isyarat atau “sign” untuk mengumumkan akan sesuatu perihal atau maksud.
- b) Unsur Rekaan: Terdiri daripada lima unsur rekaan (garisan, rupa, bentuk, warna, nilai dan ruang)
- c) Logo: Lambang organisasi yang digunakan dalam bahan paparan dan lain-lain yang terbentuk sebagai identiti.
- d) Formal: Konsep sesuatu karya yang mengandungi nilai artistik atau nilai reka bentuk yang ditentukan dengan bentuk, aspek visual dan mediumnya.

1.9 Ringkasan

Dalam dunia yang mencabar, simbol berkembang dari kepercayaan dan amalan Melayu purba yang dipindahkan kepada kehidupan peribadi, kesihatan, alam sekitar, seni landskap, seni bina, reka bentuk dalaman dan ia turut mempengaruhi proses reka bentuk grafik itu sendiri.

Kajian penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti simbol kijang terhadap reka bentuk logo. Kajian ini memberi tumpuan kepada rupa reka bentuk logo di mana gabungan dan penciptaan bentuk merupakan langkah pertama yang penting untuk memulakan dengan mereka bentuk logo yang berkualiti. Selain mewujudkan logo yang mewakili sifat perniagaan dan imej korporat sesebuah syarikat, simbol juga mampu mewujudkan logo yang bertuah, yang menjadi kepercayaan untuk menghasilkan tenaga dan keuntungan yang baik terhadap syarikat.

Kajian penyelidikan ini adalah untuk menyiasat, mengenal pasti, menjelaskan dan memberi kefahaman makna simbol kijang dalam mereka bentuk logo sama ada rekaan itu baik atau sebaliknya serta mencari unsur-unsur seni yang telah digunakan.

Satu kajian penyelidikan kualitatif yang dijalankan dengan tumpuan kepada syarikat perbankan sebagai sifat entiti perniagaan kewangannya. Bank Negara Malaysia dipilih sebagai subjek kajian ini kerana penciptaan logonya terbukti direka berdasarkan ikonografi. Hasil kajian ini dapat menyumbang pengetahuan tambahan terhadap amalan reka bentuk grafik terutama dalam penghasilan reka bentuk logo. Hasil penyelidikan ini dapat memberikan penjelasan dan justifikasi mengenai simbol kijang dalam reka bentuk logo.

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian literatur ini menjelaskan tentang pemahaman ikonografi yang digunakan dalam penyelidikan untuk memberi gambaran yang baik dalam mencapai matlamat penyelidikan dan objektif penyelidikan. Bab dua menjelaskan kerangka ikonografi yang dilaksanakan dengan pendekatan tertentu dalam penyelidikan ini. Bab ini bermula dengan penjelasan kepentingan simbol dan unsur-unsur rekaan yang terdapat dalam subjek penyelidikan.

Kajian yang pertama dalam kajian literatur ini ialah untuk menjelaskan dan menentukan reka bentuk dan kriteria yang wujud dalam logo. Penjelasan selanjutnya adalah mengenai proses rekaan logo berdasarkan ikonografi yang turut sama diuraikan dengan unsur-unsur seni. Bab ini juga mengandungi definisi simbol, sejarah dan hujahan sedikit dalam menjelaskan lima unsur-unsur seni yang terdapat dalam rekaan logo.

Kajian ini memberi tumpuan kepada kepentingan simbol kijang yang terdapat pada logo Bank Negara Malaysia, perlambangan haiwan terhadap perspektif cerita rakyat dan menganalisis tafsiran penonton mengenai bentuk kijang yang menyalak.

Kajian ini membincangkan kaedah mengenai simbol haiwan yang melambangkan sebuah logo korporat Bank Negara Malaysia yang menjadi logo rasmi pada tahun 1964. Ia juga merupakan sebuah analisis yang ditafsirkan mengenai reka bentuk kijang dari kaca mata seorang pereka grafik. Pada masa ini, isu reka bentuk yang dibangkitkan orang ramai dan reaksi mereka terhadap lambang kijang dalam sebuah logo bank pusat Malaysia. Namun fokus utama dalam kajian ini adalah untuk menyiasat

dan membincangkan dominasi kijang sehingga ia menjadi simbol penting dalam reka bentuk logo bank itu sebagai hasil daripada sesi pertanyaan rambang.

Dalam bab ini akan menerangkan kaedah penyelidikan kualitatif yang digunakan untuk kajian ini. Kajian ini juga akan menerangkan tiga komponen utama berdasarkan perlambangan, kepentingan dan rekaan logo kijang. Selain itu, kajian ini akan membentangkan simbol tertentu haiwan dan penerangannya tentang kijang untuk analisis fakta.

Kajian ini juga akan menerangkan kisah sejarah ringkas yang digunakan dalam pengumpulan data termasuk revolusi, kronologi, peristiwa dan bahan gambar sejarah. Berdasarkan keputusan data penyiasatan, kajian ini akan meneruskan perjalanan ke analisis dan perbincangan dalam bab yang seterusnya.

2.2 Rekaan Logo

Sebelum menerangkan dengan lebih lanjut dalam kajian literatur, pemahaman awal tentang simbol dan reka bentuk logo adalah sangat penting. Bahagian berikutnya menetapkan reka bentuk logo dan sedikit ringkasan sejarah revolusi reka bentuk logo. Di samping itu, penulis turut menjelaskan definisi setiap unsur rekaan seni yang merupakan fokus utama dalam topik penyelidikan.

Morgan dalam bukunya berjudul *Logo, Brand, Identity, Culture* (1999) menyebut rekaan logo adalah rekaan asas yang berbentuk ekuiti yang dimiliki oleh sesuatu syarikat dan nama syarikat tersebut. Rekaan logo sebenarnya memudahkan pentafsiran sesuatu objek dan kiasan yang divisualkan. Rekaan logo adalah satu tanda yang membezakan sebuah syarikat, produk, perkhidmatan atau pelbagai produk daripada sumber yang sama. Rekaan logo terdiri daripada logo berbentuk tipografi, logo kiasan, logo abstrak dan kombinasi kedua-duanya. Rekaan logo boleh direka dalam

bentuk dua atau tiga dimensi sama ada mempunyai warna atau monokrom sahaja. Rekaan logo adalah salah satu elemen utama dalam sebuah identiti korporat dan jenama utama untuk menunjukkan simbol dagangan atau simbol berdaftar syarikat tertentu (Morgan, 1999).

Rekaan objek atau bentuk dengan menggunakan perisian khas seperti Adobe Illustrator atau Corel Draw untuk tujuan komunikasi visual yang berkesan adalah sesuatu yang biasa dalam rekaan sesebuah logo. Walau bagaimanapun rekaan logo yang dihasilkan oleh pereka grafik pada masa kini banyak memasukkan unsur seni rekaan seperti garisan, bentuk dan warna agar dapat mewujudkan suatu imej visual yang jelas dalam logo bentuk dua bentuk dimensi (Morgan, 1999).

Dalam buku bertajuk *How to design Logos, Symbol and Icon* menyatakan logo atau simbol bermula semasa kehidupan pra sejarah dan kesan simbol yang pertama telah ditemui pada dinding gua dan batu-batu pada zaman Neolitik. Pada abad keenam, Pythagoras seorang ahli falsafah Yunani dan ahli matematik yang tersohor menggunakan simbol sebagai kebijaksanaan dan kesucian tuhan. Menjelang abad ke-14, artisan telah mula mengenal pasti ciptaan mereka dengan simbol-simbol yang banyak terdapat di dinding gereja dan istana. Menjelang abad ke-19, penggunaan simbol telah diwujudkan dalam dunia baharu terutama dalam bidang penghasilan iklan dan promosi produk yang kukuh (Gregory, 2000).

Rekaan logo hari ini telah digunakan dalam pelbagai medium dari atas sekeping kertas sehingga ke skrin besar filem dan papan iklan gergasi untuk meningkatkan komunikasi dan visual yang lebih baik kepada orang ramai dan komuniti. Pereka grafik, pengarah seni, pengarah kreatif, ilustrator dan artis visual kebanyakannya menggunakan pelbagai media, dokumen penerbitan dalam talian dan visual berinteraktif (Gregory, 2000).

Pada masa kini bidang rekaan logo banyak memberi peluang pekerjaan terutama dengan kehadiran pelbagai media sosial dan ledakan teknologi digital. John Pemberton, pengasas Coca Cola membuat kemunculan dengan memperkenalkan lambang tandatangan dan logonya yang sangat dikenali di seluruh dunia kerana menampilkan rekaan logo yang konsisten sebagai tanda niaga yang masih kekal bertahan penggunaannya hingga ke hari ini. Satu rekaan logo yang menyeluruh yang direka oleh pereka generasi baru kini akan mampu membawa kepada satu generasi masa depan ke arah yang lebih canggih dan dinamik (Gregory, 2000).

2.2.1 Apakah Maksud Logo

Logo adalah tanda, lambang, atau simbol yang biasa digunakan dalam bidang perusahaan komersil, organisasi dan juga individu untuk membantu dan menggalakkan orang ramai mendapat pengiktirafan. Logo boleh wujud sama ada dalam bentuk grafik ikonik atau terdiri daripada sesuatu nama organisasi dalam logo teks. Oleh itu, logo adalah entiti visual yang mewakili sebuah organisasi, reka bentuk logo merupakan bahagian penting dalam reka bentuk grafik. Logo adalah komponen penting dalam struktur pengenalan yang kompleks yang mesti diperluaskan secara praktikal kepada semua medium komunikasi sebuah organisasi. Oleh itu, reka bentuk logo dan penggunaan sesuatu simbol dalam memperkenalkan identiti visual sesuatu bidang grafik merupakan perkara yang paling sukar dan penting dalam reka bentuk (Dubey, 2014).

Mereka bentuk logo hendaklah menggunakan pendekatan yang logik, menentukan ukuran ketepatan yang sebenar manakala selebihnya logo direka hanyalah dengan menggunakan peraturan-peraturan logik akal atau penilaian berdasarkan pada pengalaman pereka itu sendiri yang menguatkan rekaan atau bentuk visual unik yang ingin diterjemahkan. Adalah penting bahawa makna ini dapat dijelaskan dengan baik

supaya ia dapat difahami, disampaikan dan sererusnya diterima. Walau bagaimanapun, semua bahagian struktur adalah sama pentingnya. Semua unsur reka bentuk logo harus mempunyai kerangka makna dan logik. Logo mestilah menarik dan boleh dibaca secara visual dan bermaklumat (Milton, 2000).

2.2.2 Pengelasan Jenis Logo

2.2.2.1 Logo Teks/Abjad

Tanda huruf adalah tipografi secara eksklusif. Mereka bentuk menggunakan simbol dapat mewakili syarikat sebagai pengesahan atau jenama kepala surat pertama. Banyak syarikat memilih untuk menggunakan jenis logo ini kerana ia boleh menggambarkan dengan baik dari segi grafik syarikat berbanding daripada nama penuh (nama terlalu panjang), namanya adalah sukar untuk diucapkan, atau ia tidak cukup berbeza untuk mewakili identiti sendiri. Ini adalah logo teks yang gayanya unik kerana menjelaskan syarikat atau jenama. Banyak logo jenis ini dibuat khusus untuk jenama yang digunakan untuk keseluruhan pemasaran mereka dan penjenamaan sesuatu jenama (J. Lubliner, 1966).



Rajah 2.1: Contoh simbol haiwan dalam logo teks/abjad.

2.2.2.2

Logo Motif/Lambang

Logo motif atau lambang ialah logo yang memasukkan nama simbol syarikat dalam reka bentuk. Beberapa contoh termasuk Starbucks, Motosikal Harley-Davidson dan lain-lain (J. Lubliner, 1966)



Rajah 2.2: Contoh simbol haiwan dalam logo motif/lambang.

2.2.2.3

Logo Kombinasi

Logo ini menggabungkan tanda kata dan sesuatu ikon untuk memberikan fleksibiliti penggunaannya atau kedua-dua elemen untuk tujuan kepelbagaian. Tanda kombinasi yang direka dengan baik kelihatan sama baiknya dengan unsur-unsur yang dipisahkan seperti yang dilakukan oleh mereka bersama-sama (J. Lubliner, 1966).



Rajah 2.3: Contoh simbol haiwan dalam logo kombinasi.

2.2.2.4

Logo Ikon

Logo jenis ini mewakili syarikat dengan mudah tetapi dengan cara yang berani. Dalam kebanyakan kes, imejnya bersifat abstrak dan bergaya untuk memberi perhatian visual.

Kebanyakan syarikat yang menggunakan logo jenis ini akan mempunyai simbol utama yang sangat mudah dikenali, tetapi ia boleh memilih untuk membuat sifatnya versi alternatif tambahan yang kelihatan sekilas pandang sahaja. Minda manusia akan mudah mengingati bentuk yang lebih mudah berbanding yang kompleks (J. Lubliner, 1966).



Rajah 2.4: Contoh simbol haiwan dalam logo ikon.

BAB 3: KIJANG MERENTAS SEJARAH

3.1 Kaedah Penyelidikan

Perancangan kaedah penyelidikan sangat penting bagi penulis untuk mencari kaedah yang betul. Kaedah penyelidikan boleh dikenal pasti berdasarkan soalan penyelidikan. Kaedah penyelidikan adalah untuk mengenal pasti jenis langkah yang akan menjadi jawapan bagi soalan penyelidikan seterusnya menjawab objektif penyelidikan. Untuk makluman, penulis menyusun gambar rajah penyelidikan, objektif penyelidikan dan soalan penyelidikan kerana semuanya diperoleh dari pernyataan masalah topik penyelidikan. Oleh itu, penulis dan pembaca dapat memahami gambaran menyeluruh mengenai kunci dan kriteria penyelidikan. Selain itu, penulis dapat membezakan metodologi penyelidikan yang paling sesuai dan paradigma dalam menjawab soalan penyelidikan untuk mencapai matlamat penyelidikan. Tujuan **Soalan Penyelidikan** atau **Research Question (RQ)** adalah untuk menyiasat rekod dan mengukur peranan simbol kijang yang direka menjadi logo Bank Negara Malaysia.

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis simbol haiwan yang digunakan dalam logo Bank Negara Malaysia. Disertasi ini bergantung kepada metodologi penyelidikan kualitatif mengenai sumber maklumat utama dan sekunder. Sumber sekunder termasuk buku mengenai simbol dan unsur rekaan, artikel dan esei dalam katalog pameran, majalah serta akhbar. Sumber utama adalah berdasarkan lawatan ke muzium, pusat kebudayaan dan pameran serta Akademi Pengajian Melayu untuk sesi wawancara.

Penyelidikan di perpustakaan bertujuan untuk mengumpul data atau maklumat daripada buku, majalah dan dokumen bertulis. Dalam kajian ini, penulis tidak menggunakan kaedah soal selidik bagi mengumpul data. Penulis hanya menggunakan


kaedah temu bual untuk menyokong beberapa data maklumat. Menurut Moser dan Kalton (1971), dengan menggunakan kaedah soal selidik dan kaedah temu bual bersama-sama maka ia boleh membawa pengaruh yang berat sebelah kepada responden. Oleh itu penyelidik tidak memerlukan kaedah soal selidik, analisis terperinci dan kajian data statistik bagi menyokong kajian ini.

3.2 Kaedah Deskripsi

Penggabungan simbol dan unsur rekaan dalam mereka bentuk logo adalah suatu fenomena yang kompleks dalam penyelidikan. Kaedah yang paling sesuai digunakan ialah dengan kaedah kajian kes di bawah penyelidikan kualitatif di mana penulis dapat mengkaji *trend* di lapangan dan perlu menjelaskan mengapa sesuatu itu berlaku. Yin (1994) menyatakan kaedah penyelidikan yang menggunakan kajian kes ialah kajian penyelidikan berdasarkan pemerhatian atau pencarian dan pengalaman untuk menyiasat fenomena kontemporari dalam konteks kehidupan yang sebenar; apabila sempadan di antara fenomena dan konteks tidak begitu jelas dan di mana kepelbagaian sumber bukti digunakan.

3.3 Kaedah Pemerhatian

Kaedah pemerhatian yang digunakan dalam kajian ini secara khusus memberi tumpuan kepada aspek-aspek yang berkaitan dengan kijang sebagai simbol, ikonografi dan motif yang terdapat dalam logo Bank Negara Malaysia. Maklumat yang telah dikumpul daripada hasil penyelidikan di perpustakaan dan pemerhatian di muzium akan menjadi sumber data utama. Dalam usaha untuk melakukan pemerhatian dan penyelidikan di perpustakaan, penulis melawat Muzium Bank Negara Malaysia dan Galeri Seni di Sasana Kijang, Muzium Kesenian Asia, Muzium Negara dan Muzium Kesenian Islam.



Rajah 3.1: Lokasi muzium (Ilustrasi oleh penulis, 2016).

3.4 Kaedah Temu Bual

Temu bual boleh mewujudkan pengetahuan melalui interaksi manusia dalam perbualan antara penyelidik dan peserta (Kvale, 1996). Jenis temu bual diklasifikasikan sebagai temu bual berstruktur, separuh berstruktur dan tidak berstruktur atau mendalam (Saunders et al., 2007; Ghauri & Gronhaug, 2005). Temu bual dilakukan secara bersemuka dan dalam bentuk perbualan kerana dengan cara ini pihak yang di temu bual dapat menyuarakan perspektif atau pandangannya tentang isu-isu berkaitan. Semua kandungan temu bual telah direkodkan secara digital bagi memastikan data yang dikumpulkan terpelihara dan sebelum ia dapat dipindahkan ke komputer untuk tujuan

penyimpanan. Temu bual juga telah ditranskripsikan kemudian ke dalam satu salinan dan setiap temu bual akan dihantar kepada pihak responden untuk pembetulan atau penjelasan.

Objektif Penyelidikan	Soalan Temu bual	Soalan Penyelidikan	Kata Kunci
<p>I: Untuk mengenal pasti signifikan unsur-unsur rekaan seni yang terdapat dalam simbol yang menggunakan kijang dalam logo</p>	<p>S1: Apakah penggunaan elemen seni/rekaan yang ada yang terdapat pada simbol haiwan seperti kijang dalam logo Bank Negara Malaysia, teknik yang digunakan dan bagaimana simbol tersebut digarap/direka sedemikian rupa.</p> <p>S2: Logo yang menggunakan simbol banyak tertumpu kepada tema kebudayaan Melayu dan bagaimana anda menerapkan simbol haiwan dalam penghasilan sesebuah logo?</p> <p>S3: Apakah makna simbol kijang yang anda lihat dalam logo Bank Negara Malaysia?</p> <p>S4: Untuk menghasilkan logo simbol yang bertemakan/bercirikan kebudayaan Melayu, adakah setiap simbol dihasilkan hanya sekadar sebuah jenama logo semata-mata atau ia mempunyai kesinambungan dan saling-kaitan?</p> <p>S5: Mengapakah terdapat banyak simbol haiwan dijumpai dalam kebanyakan jenama logo tertentu?</p> <p>S6: Apakah mesej yang paling penting yang anda ingin sampaikan dalam pemahaman anda mengenai simbol kijang dalam logo Bank Negara yang penuh bercirikan budaya kemelayuan?</p> <p>S7: Apakah nilai yang dapat dilihat dalam Logo Bank Negara Malaysia, bolehkah anda perincikan?</p>	<p>RQ: Apakah unsur-unsur rekaan seni yang terdapat dalam logo yang menggunakan haiwan sebagai simbol?</p>	Berkaitan
<p>II: Untuk mengkaji motif kijang di dalam simbol logo Bank Negara Malaysia.</p>	<p>S8: Apakah yang boleh disumbangkan oleh dunia seni/pereka/rekaan pada masa kini. Saya percaya anda bukan</p>	<p>RQ: Apakah simbol yang terdapat pada motif kijang?</p>	Peranan dan Pandangan

	<p>sekadar mengajar, tetapi mempunyai perkara lain yang sebenarnya hendak disampaikan/disumbangkan kepada orang ramai?</p> <p>S9: Apakah perbezaan yang anda dapat lihat dalam simbol kijang Bank Negara berbanding dengan simbol haiwan dari jenama lain yang turut menggunakan haiwan sebagai sebuah jenama/logo?</p> <p>S10: Sejauh manakah simbol kijang yang digunakan dalam logo Bank Negara dapat melambangkan sesuatu nilai kebudayaan Melayu. Apakah pandangan anda?</p> <p>S11: Bagi pendapat anda apakah mesej yang hendak disampaikan oleh Bank Negara sebenarnya menerusi pemilihan kijang sebagai simbol utama identiti jenama mereka?</p> <p>S12: Bagi pendapat anda adakah simbol haiwan (kijang) seperti dalam logo Bank Negara menggambarkan kesesuaian/ketepatan yang sebenar?atau adakah simbol haiwan yang lain sebenarnya lebih sesuai?</p> <p>S13: Sejauh manakah anda mengetahui berkenaan logo Bank Negara?</p> <p>S14: Sejauh manakah simbol kijang yang digunakan dalam logo Bank Negara dapat melambangkan sesuatu nilai kebudayaan Melayu? Apakah pandangan anda?</p> <p>S15: Pandangan peribadi anda kelebihan dan kepentingan yang anda lihat dalam logo Bank Negara Malaysia. Boleh anda jelaskan?</p> <p>S16: Apakah pandangan anda tentang Logo Bank Negara tersebut?</p> <p>S17: Apakah pandangan anda mengenai simbol haiwan iaitu kijang yang dijadikan simbol utama dalam logo Bank Negara?</p>		
--	--	--	--

	<p>S18: Apakah pandangan anda tentang penerimaan masyarakat hari ini mengenai simbol haiwan terutama yang berkaitan dengan kebudayaan Melayu?</p>		
--	--	--	--

Jadual 3.1: Tinjauan soalan temu bual untuk kajian penyelidikan.

3.5 Kaedah Analisis Data

Semasa data maklumat dikumpulkan dari sumber-sumber utama hasil penyelidikan di perpustakaan melalui buku-buku, jurnal, artikel dan katalog serta sumber sekunder iaitu pemerhatian dari gambar-gambar yang diambil yang telah dikumpul dan didokumentasikan, penulis juga mendapatkan beberapa dokumen kronologi dan kisah sejarah wang syiling mengikut susunan motif kijang yang terdapat dalam duit syiling lama.

Penulis menganalisis data dari sumber utama dan sekunder melalui rakaman gambar bagi setiap kategori baharu yang muncul. Melalui kaedah analisis, penulis mendapati persamaan dan perbezaan dalam tafsiran reka bentuk logo untuk motif kijang yang dipilih. Keputusan ini jika dikaji secara lebih mendalam mampu membangunkan satu sistem bentuk pengekodan dan mewujudkan topik untuk bacaan analisis yang berjaya.

Kaedah ini telah digunakan untuk pengumpulan data dan analisis mengikut kajian mengenai subjek haiwan iaitu kijang. Semua rakaman gambar yang dikumpul akan digunakan untuk tujuan reka bentuk bidang pendidikan yang boleh digunakan di sekolah, kolej dan universiti bagi memenuhi keperluan sesuatu persembahan. Dalam ringkasan analisis data berdasarkan kajian penyediaan dan penganjuran data secara

kualitatif, dapat menerokai data, menggambarkan tema dan membangunkan kod yang dapat mewakili dan melaporkan serta mentafsirkan penemuan (Creswell, 2012).

3.6 Definisi Kijang

Dalam buku Panduan Penyenggaraan Rusa Tropis menyatakan kijang adalah salah satu spesies dari keluarga rusa, pelanduk dan kancil. Terdapat empat jenis spesies rusa iaitu rusa sambar '*Cervus Unicolor*', rusa timor '*Cervus Timorensis*', rusa bawean '*Paksi Kuhli*' dan akhir sekali ialah kijang '*Muntiacus Muntjak*'. Spesies keluarga jenis rusa ini dijumpai dengan meluas di seluruh kepulauan kecil dan besar di Indonesia dan juga di seluruh Asia Tenggara seperti Malaysia. Spesies keluarga rusa ini mula ditemui sejak kira-kira 12,000 tahun yang lalu (Gono, 2004).

Kijang merupakan antara spesies yang kecil di kalangan keluarga rusa lain. Kijang mudah dikenali dengan postur badan yang berbeza daripada rusa lain. Saiz seekor kijang ialah antara 90 hingga 110 sentimeter panjang dengan ketinggian tidak melebihi 50 sentimeter. Berat seekor kijang pula kira-kira 12 kilogram dan tidak akan mencapai sehingga 23 kilogram. Kijang mempunyai rambut halus dengan warna keemasan pada bahagian punggung dan putih di sebelah sisi badan, tubuhnya berwarna coklat gelap kemerahan dan mukanya pula berwarna gelap keperangan (Gono, 2004).

Kijang mempunyai ciri-ciri khas seperti bunyi menyalak kerana ia menjadikannya sebagai alat penggera terutama jika di dalam bahaya. Kijang juga merupakan haiwan yang sangat sensitif dan ia akan berada dalam situasi tertekan jika habitatnya terancam. Kijang mampu berlari dengan pantas dan akan mengangkat bahagian bawah ekornya yang berwarna putih itu sebagai tanda penggera untuk

memberi isyarat bahaya. Kijang jantan mempunyai tanduk yang pendek manakala kijang betina bertanduk kecil seperti tombol bertulang yang bersaiz kecil dan bulu yang tebal (Gono, 2004).

3.7 Definisi Bulan Sabit

Bulan wujud berbilion tahun yang lalu kira-kira 2,200 batu dari sisi ke sisi alam semesta. Bulan bergerak mengelilingi bumi dengan tarikan grafiti yang kuat. Bulan berbentuk sfera seperti saiz bola namun ia akan berubah bentuknya berpandukan arah kilauan cahaya matahari ke arahnya. Bentuk bulan yang mengalami perubahan dan perbezaan tersebut dipanggil bulan berperingkat atau berfasa. Bulan akan berpaling dari bumi ketika matahari berada disebelahnya dan ia dipanggil masa bulan baharu (Isaac, 1966).

Bulan sabit bermakna apabila matahari bersinar di sebahagian belah bulan tersebut dan berpaling dari bumi manakala di sebahagian belah lagi tidak berpaling ke arah matahari. Bulan sabit yang muncul di langit adalah untuk menetapkan kedudukannya di langit namun selepas matahari tidak berada dalam kedudukan yang tetap maka keadaan bulan sabit yang timbul itu bukanlah gerakan sebenarnya kerana ia hanyalah pergerakan bumi yang berputar pada paksinya. Apabila matahari terbit pada waktu pagi, cahaya bulan sabit akan kelihatan samar kerana kecerahan sinaran matahari (Isaac, 1966).

3.8 Definisi Matahari

Matahari adalah planet terbesar di kalangan semua planet di alam semesta. Ia mengandungi awan-awan gas yang menarik antara satu dengan lain untuk membentuk

matahari dan kadar penyebarannya hanya sedikit sahaja. Matahari merupakan planet yang paling panas berdasarkan fakta sains; dipercayai suhu matahari adalah setinggi 25,000,000 fahrenheit. Matahari membentuk gelombang yang seolah-olah bocor dalam pelbagai arah yang dipanggil radiasi (Isaac, 1971).

Berdasarkan buku '*What Makes The Sun Shine*' menyatakan kira-kira lima bilion tahun yang lalu, matahari akan kelihatan sangat banyak seperti yang berlaku sekarang. Ini kerana berbilion tahun lamanya ia telah mengeluarkan cahaya, menghantar sinaran inframerah dan kesan radiasi ultra ungu. Matahari terdiri daripada zarah kecil yang dipanggil atom dan terdapat lebih 100 jenis atom hidrogen dan atom helium di dalamnya (Isaac, 1971).

3.9 Sejarah Kijang Dalam Numismatik Syiling Emas

Buku '*Kedah and Perlis Currency Heritage*', Major F. Pridmore menyatakan, seorang Inggeris yang menghasilkan pekeliling numismatik dalam syiling di negeri Melayu, memetik satu artikel oleh I.H.N. Evans dalam Jurnal of F.M.S. Museum Vol. XII, Bahagian 3, yang melaporkan penemuan sejumlah besar syiling emas di Kedah kira-kira pada tahun 1920. Daripada rekod simpanan ini, Evans berjaya mendapatkan hanya tiga syiling. Satu adalah berbentuk lembu atau lebih dikenali sebagai syiling emas kijang, yang ditemui di kebanyakan kawasan di Kelantan dan Pattani. Pridmore membuat kesimpulan bahawa peredaran meluas ke atas sebahagian besar negeri-negeri utara Semenanjung Tanah Melayu telah menyebabkan bahawa syiling emas kijang dari Kelantan dan Pattani telah digunakan sebagai medium pertukaran di Kedah (Bank Negara Malaysia, 2006).

Namun hakikatnya bahawa simpanan syiling emas kijang yang ditemui di Kedah itu tidak memberi makna kepada Kedah kerana Kedah hanya mengeluarkan syiling emas sendiri pada abad ke-12. Malah, tidak dapat diketahui sama ada Kedah telah mengeluarkan syiling emasnya sehingga pemerintahan Sultan Dziauddin Mukarram Shah (1661-1698) (Bank Negara Malaysia, 2006).

3.10 Sejarah Duit Syiling Emas Kelantan

Buku yang bertajuk Sejarah Mata Wang Negeri-negeri Tanah Melayu menyatakan tiada rekod yang didapati berhubung dengan sistem mata wang negeri Kelantan sebelum kurun ke-19. Sungguhpun demikian, orang Cina membuat beberapa catatan mengenai perkara itu. Ini adalah kerana orang Cina mengadakan hubungan perdagangan dengan negeri Kelantan sejak berabad-abad dahulu. Catatan yang paling awal setakat ini dibuat oleh Haas mengenai penggunaan dolar Mexico dan kepingan dua setengah ‘*guilder*’ Belanda di pantai timur pada sekitar tahun 1879 hingga 1880. Beliau mendapati bahawa kawasan pedalaman negeri Kelantan menggunakan emas urai untuk membuat pembayaran (Bank Negara Malaysia, 2002).

Buku Sejarah Mata Wang Negeri-Negeri Tanah Melayu juga menyatakan sejarah awal penggunaan duit syiling emas di Kelantan dan Pattani tidak diketahui. Duit syiling emas yang dijumpai tidak dicatatkan tarikh pengeluarannya dan jenisnya sekali kecuali yang tertera dengan perkataan Kelantan bertarikh 1780-an. Selain itu, tiada sebarang petunjuk yang dapat menerangkan tempat pengeluaran asalnya. Oleh demikian, tidak dapat dipastikan pengeluaran dan penggunaan syiling emas dapat mengaitkan negeri Kelantan dan Pattani serta beberapa buah negeri yang saling berhubungan (Bank Negara Malaysia, 2002).

Duit syiling emas yang dikeluarkan di Kelantan dan Pattani dapat dikelaskan kepada tiga jenis utama: duit kijang, dinar matahari dan beberapa siri duit syiling yang tertera dengan tulisan Arab di kedua-dua belah mukanya (Bank Negara Malaysia, 2002).

3.11 Sejarah Duit Kijang

Bank Negara Malaysia (2002) dalam buku Sejarah Mata Wang Negeri-Negeri Tanah Melayu menyatakan nama duit kijang diambil dari motif kijang yang tertera pada muka hadapannya. Besar kemungkinan, duit syiling ini berasal dari Fanam, India Selatan dan dibawa masuk oleh pedagang India. Duit kijang dipercayai dikeluarkan sejak tahun 1400 masihi. Ada pendapat lain menyatakan bahawa keluaran terawal duit kijang mempunyai ciri-ciri persamaan tertentu dengan tulisan Arab yang kasar yang tertera di atasnya. Namun begitu, ramai ahli numismatik berpendapat bahawa duit syiling gambar kijang berekor cabang dua merupakan keluaran yang terawal.

Bentuk haiwan jarang digunakan pada duit syiling negara-negara Islam pada masa itu. Ini kerana orang yang berfahaman konservatif akan menganggapnya sebagai berdosa. Oleh demikian, ahli numismatik mengandaikan duit jenis ini berasal dari India. Duit kijang emas ini juga dikaitkan dengan Che Siti Wan Kembang iaitu seorang pemerintah raja perempuan Kelantan. Mengikut cerita rakyat pula, pedagang Arab telah menghadiahkan seekor kijang kepada baginda permaisuri. Permaisuri begitu menyayangi kijang tersebut dan memerintahkan supaya gambar kijang ditempa dan diukir pada duit syiling emas (Bank Negara Malaysia, 2002).



Rajah 3.2: Duit syiling Kelantan-Pattani yang mempunyai motif kijang.

Versi lain pula mengaitkannya dengan pengaruh Hindu. Ini kerana gambar duit kijang terawal yang dijumpai itu menyerupai seekor lembu India yang berbonggol di bahagian belakangnya. Motif lembu juga boleh didapati pada duit syiling purba India yang turut diedarkan dan digunakan di negeri-negeri Melayu utara (Bank Negara Malaysia, 2002).

Menurut cerita lagenda, lembu ‘Nandi’ muncul di kawasan pedalaman Palembang dan ia ditunggangi oleh seorang putera raja. Lembu tersebut tiba-tiba memuntahkan buih dan peristiwa ajaib itu menandakan pengiktirafan putera raja tersebut sebagai seorang perwaris raja pertama di istana Melaka. Kisah lembu muntah itu kelihatan pada duit kijang dan bentuk buih muntahan kijang itu terdapat pada keluaran awal yang lebih halus dan cantik berbanding keluaran selepasnya. Buih muntahan tersebut kelihatan lurus seperti bola berantai (Bank Negara Malaysia, 2002).

Jika diteliti semua duit kijang yang pernah dikeluarkan mengalami perubahan secara beransur-ansur dari motif seekor lembu yang kemudiannya berubah menjadi kijang. Lehernya diibaratkan menyerupai seekor kijang namun begitu kaki, tanduk dan ekornya masih lagi menyerupai anggota badan seekor lembu. Keluaran duit syiling itu

ditempa di Kelantan dan duit kijang diedarkan dengan meluas di negeri-negeri Melayu sebelah utara (Bank Negara Malaysia, 2002).

Kelas	Muka Hadapan	Muka Belakang
1.	Lembu/Kijang menghadap ke kiri dengan ekornya ke atas dan bercabang dua	Tulisan Arab <i>Malik Al Adil</i> dalam dua baris
2.	Lembu/Kijang menghadap ke kiri dengan ekornya ke atas dan menyentuh matahari	Tulisan Arab <i>Malik Al Adil</i> dalam dua baris
3.	Lembu/Kijang menghadap ke kiri dengan ekornya ke atas dan menyentuh matahari	Tulisan Arab <i>Malik Al Adil</i> dalam tiga baris
4.	Lembu/Kijang menghadap ke kiri dengan ekornya ke atas	Tulisan Arab <i>Malik Al Adil</i> dalam tiga baris
5.	Lembu/Kijang menghadap ke kiri dengan ekornya naik atas dan menyentuh matahari	Tulisan Arab <i>Al Adil</i> dalam dua baris
6.	Lembu/Kijang menghadap ke kiri dengan ekornya ke bawah	Tulisan Arab <i>Al Adil</i> dalam dua baris
7.	Lembu/Kijang menghadap ke kiri dengan ekornya ke atas	Tulisan Arab <i>Ismun Adil</i> dalam dua baris
8.	Lembu/Kijang menghadap ke kanan dengan ekornya ke bawah	Tulisan Arab <i>Malik Al Adil</i> dalam dua baris

Jadual 3.2: Duit syiling motif kijang atau lembu yang dimiliki oleh koleksi Muzium Mata Wang dapat dibahagikan kepada lapan kategori.



Rajah 3.3: Beberapa contoh duit kijang dalam koleksi Muzium Mata Wang.

3.12 Kijang, Rusa, Pelanduk Dan Kancil Dalam Cerita Rakyat Malaysia

Suhaimi Yasin (2014) dalam bukunya yang bertajuk Koleksi Cerita Rakyat Sabah ada menceritakan mengenai keluarga spesies ini iaitu ‘Sang Kancil Dengan Orang Utan’ yang diceritakan seekor kancil yang bijak yang mampu menumpaskan lawannya dengan tipu helahnya sahaja. Ketika ia sedang mencari pokok-pokok di hutan, penduduk kampung ternampak seekor kancil meronta-ronta di bawah ranting-ranting untuk melepaskan diri daripada tersepit. Penduduk kampung bernama Sami cuba melepaskan kancil tersebut dan akhirnya berjaya.

Ali Badron (2004) menerusi cerita rakyat Melayu bertajuk ‘Pengalaman Anak Rusa’ pula menyatakan seorang putera raja amat gembira dan amat menyayangi anak

rusa yang dipeliharanya dan putera raja itu memang mempunyai sikap perikemanusiaan. Putera raja itu bersimpati kepada anak rusa yang tidak mahu makan dan minum kerana merindui keluarganya di hutan. Oleh yang demikian, akhirnya putera raja itu insaf dan sedar apabila mengenangkan nasib anak rusa tersebut lalu putera raja membuat kesimpulan bahawa kasih sayang daripada keluarga adalah amat berharga.

Walter Skeat (2012) dalam bukunya yang berjudul '*Malaysian, Fables, Folk Tales and Legends*' menerusi cerita rakyat '*The Mouse-Deer Shipwreck*' menceritakan pengalaman pelayaran seekor pelanduk dan rakannya Heron ke tanah Jawa. Tiba-tiba Heron berasa mengantuk dan membiarkan kapal tersebut belayar dengan sendirinya mengikut arah angin. Apabila kapalnya tidak stabil seperti hendak karam Heron bertanya kepada pelanduk apa yang telah terjadi kepada kapal tersebut lalu pelanduk menyatakan dia hanya mengerlipkan matanya sahaja untuk beberapa kali. Heron mengarahkan supaya kapal tersebut dikemudikan semula mengikut arah angin. Pelanduk mengikut arahan Heron. Heron akhirnya menasihatkan pelanduk sekiranya kapal tersebut karam tentu mereka akan mati dan sekiranya mereka benar-benar hendak mati Heron berjanji untuk menyediakan lubang yang paling dalam untuk pelanduk itu bersemadi.

Phillip Mckean (1971) dalam sebuah jurnal bertajuk '*The Mouse-deer in Malayo-Indonesian Folklore: Alternative Analysis and Significance of Trickster Figure in South-East Asia*' banyak menceritakan pelbagai himpunan cerita rakyat di Malaysia dan Indonesia ketika itu mengenai 'Sang Kancil dengan Raja Sulaiman' yang sangat terkenal. Kemudian diceritakan lagi mengenai 'Sang Kancil dengan Harimau', 'Sang Kancil dengan Monyet', Sang Kancil dengan Gajah', 'Sang Kancil dengan Kura-kura'

dan cerita yang paling diingati sehingga kini iaitu bagaimana sang kancil memperdaya sang buaya dalam ‘Sang Kancil dan Sang Buaya’ (Rajah 3.4).




Rajah 3.4: Simbol haiwan seperti kancil dalam filem animasi yang cukup popular terbitan Filem Negara Malaysia (Fotografi oleh Hassan Muthalib).

Menurut Sir Richard Winstead dalam kajiannya walaupun terdapat banyak kisah mengenai sang kancil dalam cerita rakyat dan tidak banyak kisah diceritakan mengenai kijang. Menurutnya lagi, dia sudah mengenal pasti pada abad kedua sebelum masih banyak diceritakan mengenai haiwan yang diukir pada stupa di Indonesia tentang kisah rakyat yang dikenali iaitu ‘The Panchatantra’ (Rajah 3.5). Kisah rakyat tersebut telah tersebar luas ke luar Indonesia dan telah melanda negara Afrika, Eropah dan Asia Tenggara.

Sir Richard Winstead menyatakan terdapat dua kisah dongeng mengenai kancil iaitu sebuah kisah kancil yang berlumba dengan seekor siput yang akhirnya berjaya dikalahkan oleh si siput yang kecil itu kerana sang kancil telah tertidur. Sebuah kisah lagi diceritakan sang kancil yang marah dengan petani tentang orang-orang yang dipasang di ladang. Sang kancil akhirnya marah dan menendang orang-orang tersebut


ketika cuba berbual-bual dengannya walaupun tidak mengetahui sebenarnya sang kancil hanya bercakap dengan benda bukan hidup.




Rajah 3.5: Simbol haiwan seperti kijang dalam ukiran stupa “The Panchatantra” Borubudur (Fotografi oleh pengarang Ananjadoti).

3.13 Kijang, Rusa, Pelanduk Dan Kancil Dalam Lukisan Simbol

Rene Smeets (1973) dalam bukunya yang bertajuk '*Sign, Symbols and Ornaments*' menyatakan lukisan atau ukiran di atas batu bermula di Val Camonica, Utara Itali dalam pelbagai era sejak pada zaman Neolitik sehingga ke zaman ais. Lukisan simbol yang berbentuk geometri itu diilustrasi semula mengenai kehidupan awal manusia daripada hidup berburu dan akhirnya bertukar kepada kehidupan bercucuk-tanam (Rajah 3.6 dan 3.7).




Rajah 3.6: Lukisan simbol rusa dalam ukiran bentuk organik.



Rajah 3.7: Lukisan simbol-simbol lain dalam ukiran.

3.14 Kijang, Rusa, Pelanduk Dan Kancil dalam Motif Geometri Dan Seramik

Rene Smeets (1973) menyatakan terdapat (Rajah 3.8) beberapa ukiran yang besar seperti ukiran balang yang terdapat di Dipylyon, berhampiran Athens yang menggambarkan kecenderungan untuk menggunakan haiwan dan figura manusia sebagai ilustrasi. Terdapat figura haiwan yang diukir pada balang tersebut seperti ukiran rusa, kuda, singa, seladang, kambing gurun, harimau bintang dan makhluk misteri yang mempunyai kepala manusia namun badannya berbentuk singa.



Rajah 3.8: Pasu yang mempunyai simbol haiwan dalam koleksi Muzium Metropolitan Art (Fotografi oleh Muzium Metropolitan Art, 2016).

3.15 Lambang Bank Negara Malaysia

Lambang Bank Negara juga telah termaktub di dalam undang-undang Malaysia sebagai AKTA LAMBANG DAN NAMA (MENCEGAH PENGGUNAAN TIDAK WAJAR) 1963. Dalam akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“lambang ternyata” ertinya apa-apa lambang, mohor atau meterai, bendera, gada-gada, lambang kebesaran, tanda kumpulan, panji-panji atau jata yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual;

JADUAL [Seksyen 2 dan 7]

BAHAGIAN I—LAMBANG

1. Jogan, jata dan mohor rasmi Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.
2. Mohor Besar Persekutuan.
3. Jata Persekutuan.
4. Lambang atau meterai rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
5. Darjah Kebesaran, Lambang Kebesaran, Pingat, Lencana dan Bintang Kehormatan yang ditetapkan oleh statut Yang di-Pertuan Agong.
6. Lambang Pertubuhan Polis Jenayah Antarabangsa yang juga dikenali sebagai “Interpol” atau “ICPO-Interpol”.
7. Lambang Bank Negara Malaysia.

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur, bagi Emblems and Names (Prevention of Improper Use) Act 1963. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sahih di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

3.16 Kijang Dalam Fahaman Celtic

Fahaman Celtic mempunyai cerita yang melibatkan rusa ghaib, rusa yang dikaitkan dengan tokoh rohani, roh atau dewa yang boleh mengambil bentuk rusa. Dalam sesetengah kisah dongeng Scotland dan Ireland dilihat sebagai ‘lembu dongeng’ dan bergiring serta dipelihara oleh seorang wanita, orang yang berbakti, baik hati, yang tidak bermoral, yang boleh membentuk rusa merah atau putih. Di West Highlands, wanita ini berasal dari dunia lain telah memilih seekor rusa yang akan dibunuh pada hari berikutnya.

Di Ireland, The Cailleach Bhéara ‘The Old Woman of Beare’, yang tinggal di sebuah pulau di luar pantai County Cork, mengambil bentuk rusa untuk mengelakkan penangkapan dan menghidangkan rusa di tepi pantai. Semenanjung Beare juga dikaitkan dengan pulau-pulau di laut barat yang merupakan tanah orang mati. Tokoh mitologi Celtic lain seperti Oisín dan Sadhbh juga mempunyai hubung kait dengan rusa (Orchard & Andy 1997).



Rajah 3.9: Kijang dalam lapisan kuali logam Gundestrup Cauldron.

3.17 Kijang Dalam Kisah Dongeng Eropah

Saint Giles seorang Katolik yang dihormati di Selatan Perancis yang dilaporkan telah hidup selama bertahun-tahun sebagai pertapa di hutan berhampiran Nimes di mana dia membesar hidup bersendirian dan menghabiskan masanya bersama sahabatnya seperti rusa (Orchard & Andy 1997).



Rajah 3.10: Saint Giles dan Hind, c. 1500, oleh Master of Saint.

3.18 Kijang Dalam Mitologi Kristian

Saint Hubertus atau ‘Hubert’ adalah seorang Kristian, santo pelindung pemburu, ahli matematik, ahli optik, pekerja logam dan digunakan untuk menyembuhkan rabies. Lukisan ini menampakkan seekor rusa dengan salib di antara tanduknya yang sedang melakukan upacara penukaran hubert duniawi dan aristokrat ke kehidupan yang suci (Orchard & Andy 1997).



Rajah 3.11: St Hubertus/St Eustace dalam manuskrip Inggeris abad ke-13 (Biblioteca Marciana).

3.19 Kijang Dalam Mitologi Yunani

Dalam mitologi Yunani, rusa sangat dikaitkan dengan Artemis dalam peranannya sebagai pemburu perawan. Callimachus dalam pengetahuannya ‘Hymn III to Artemis’, menyebut rusa yang menarik kereta kuda Artemis: dalam perisai dan tali pinggang emas, kamu menyandarkan kereta emas, merangkul rusa dalam emas.

Salah satu daripada pekerjaan Heracles pula adalah untuk menangkap Cerynian Hind suci untuk Artemis dan menyampaikannya secara ringkas kepada penaungnya, kemudian mendedikasikan semula kepada Artemis. Mitos ini berkaitan dengan Hyperborea, sebuah tanah utara yang akan menjadi habitat semula jadi bagi rusa. Anak lelaki Heracles, Telephus terdedah sebagai bayi di lereng Tegea tetapi dipelihara oleh Doe (Orchard & Andy 1997).



Rajah 3.12: Diana of Versailles.



Rajah 3.13: Heracles, Telephus dan Doe.

3.20 Kijang Dalam Mitologi Hindu

Dalam mitologi Hindu, Aitareya Upanishad memberitahu kita bahawa Dewi Saraswati mengambil seekor rusa merah bernama Rohit. Saraswati adalah dewi pembelajaran, jadi orang-orang terpelajar menggunakan kulit rusa sebagai pakaian dan tikar untuk duduk. Rusa emas memainkan peranan penting dalam epik Ramayana. Semasa dalam pengasingan di hutan, isteri Rama Sita melihat rusa emas dan meminta Rama dan Lakshmana untuk mendapatkannya. Rusa sebenarnya adalah raksasa yang dipanggil Maricha dalam penyamaran. Maricha mengambil bentuk ini untuk memikat Rama dan Lakshmana dari Sita sehingga anak saudaranya Ravana dapat menculiknya (Orchard & Andy 1997).



Rajah 3.14: Rusa ajaib dalam kisah Ramayana.

BAB 4: ANALISIS HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penulis akan menganalisis tiga rekaan simbol haiwan yang menggunakan simbol yang hampir sama dari koleksi Bank Negara Malaysia dan lain-lain. Analisis ini akan memberi tumpuan kepada simbol haiwan dan motifnya. Penulis akan menggunakan konsep ikonografi dan tafsiran peribadi untuk menganalisis simbol dan makna di sebalik koleksi Bank Negara Malaysia. Falsafah yang digunakan oleh Bank Negara Malaysia juga akan diperincikan untuk mendapatkan jawapan bagi setiap simbol dan unsur yang digunakan dalam setiap koleksi. Simbol boleh menjadi sebahagian daripada metafora dalam karya seni dan imej tertentu. Sesetengah logo menggunakan simbol untuk menceritakan kisah yang berkaitan dengan kehidupan peribadi mereka tetapi sesetengah logo pula menggunakan simbol sebagai cara untuk bercerita tentang sebuah kehidupan orang lain.

Metafora biasanya menggunakan satu perkara untuk menggambarkan sesuatu yang berbeza dan ia tidak boleh mempunyai persamaan. Terdapat kesan puitis tertentu dalam menggunakan metafora. Dalam karya seni, simbol sering digunakan sebagai metafora visual, di mana objek atau bentuk merujuk kepada dan bermaksud sesuatu yang agak berbeza. Metafora yang digunakan sebagai agen dapat mewujudkan hubungan antara perkara di dunia dan memupuk daya kreativiti dalam penghasilan rekaan seni. Metafora memudahkan kita yang tinggal di dunia ini lebih memahami makna yang mendalam dengan cara yang sangat unik. Mereka merupakan satu cara yang mana kita boleh menyambungkan objek, peristiwa dan tindakan yang kelihatan berbeza secara empirikal dan tidak berkaitan serta merupakan sebahagian daripada ekspresi budaya.

4.2 Analisis Simbol Kijang Bank Negara

Dua koleksi Bank Negara Malaysia dari pelbagai siri dan genre dipilih untuk proses analisis. Dua koleksi tersebut adalah duit syiling emas kijang dan duit syiling bulion. Manakala satu koleksi animasi terbitan Filem Negara Malaysia sebagai tambahan kajian analisis. Semua artifak asal tersebut masih dalam simpanan koleksi peribadi Bank Negara dan ia telah memberi inspirasi kepada hasil seni yang lain yang cuba mencipta simbol haiwan yang berbeza namun masih dari perkara pokok yang sama. Kijang telah menjadi inspirasi utama bagi semua terbitan hasil seni Bank Negara dan masih ada yang dalam koleksi peribadi mereka turut memberi inspirasi kepada logo-logo yang bersimbolkan kijang atau pelanduk malah kancil mahupun rusa untuk mencipta hasil rekaan yang berbeza dari subjek yang sama.

Rujukan melalui buku dan kajian pemerhatian telah digunakan untuk mengumpul segala data maklumat yang diperlukan. Simbol seekor kijang dipilih sebagai sampel bagi mencerminkan identiti dan lambang utama dalam sebuah reka bentuk logo Bank Negara Malaysia. Reka bentuk dan simbol kijang yang terdapat dalam logo Bank Negara Malaysia boleh diklasifikasikan kepada beberapa kategori bergantung kepada fungsinya sebagai lambang institusi perbankan dan sebuah organisasi kewangan yang dipercayai. Simbol kijang yang ada pada logo tersebut telah digunakan untuk tempoh yang sangat lama sejak kewujudan penubuhannya bagi membezakan identiti mereka dengan bank yang lain. Data maklumat yang berjaya dikumpulkan secara peribadi oleh penulis diperolehi dari buku dan pemerhatian yang dibuat sentiasa berada dalam keadaan baik. Buku-buku terbitan yang merujuk kepada simbol kijang yang mempunyai logo bank pusat itu juga wajar diteruskan kajian lanjutan mengenainya.

Oleh demikian, seorang pereka harus mempunyai visi dan imaginasi yang baik untuk mencipta simbol yang benar-benar mengandungi nilai-nilai estetika yang tinggi dan dapat diterima oleh orang ramai. Pereka juga perlu tahu mengenai sejarah dan asal usul sesuatu simbol yang digunakan bagi mewakili reka bentuk dan identiti sebuah logo. Semasa analisis ini dijalankan, tiada sebarang nama pereka atau seseorang pun ditulis di mana-mana bahagian sesuatu simbol dalam logo bank tersebut secara mutlak kecuali nama pengukir terkenal di Malaysia iaitu Allahyarham Encik Abdul Wahab bin Haji Tahir. Namun selepas beberapa lama analisis dibuat, simbol-simbol yang terdapat dalam reka bentuk logo jenis ini berubah kepada pelbagai jenis yang mewakili simbol kijang, bulan sabit dan matahari. Tiga simbol utama ini juga dianggap sebagai lambang yang berprestij pada zaman itu terutamanya simbol kijang.

Selain itu, simbol yang digunakan dalam reka bentuk logo juga banyak ditemui dalam seni bina Rom kuno. Simbol atau motif terkenal yang digunakan pada masa itu ialah bulan sabit, roda dan daun anggur. Pada abad ke-12, simbol digunakan secara meluas oleh peniaga pada tanda dagangan produk mereka. Pada masa itu, semua aktiviti perniagaan yang dijalankan seperti perjanjian perniagaan turut menggunakan lambang atau simbol. Selepas abad ke-20 kemudian, hampir semua institusi perbankan telah menggunakan simbol sebagai logo dan identiti bank mereka. Hasil daripada perkembangan itu, semua perkhidmatan, produk, jenama dan tanda dagangan telah menggunakan simbol sebagai amalan piawaian bagi setiap organisasi yang diwujudkan di Malaysia.

Di Malaysia, dari pemerhatian penulis mendapati penggunaan tanda dan simbol haiwan sebagai logo tidak begitu banyak namun ia semakin meluas. Walau bagaimanapun reka bentuk simbol haiwan ini banyak kelihatan pada nama bangunan,

tanda permukaan duit syiling dan tanda khas untuk sebuah bank. Penggunaan tanda dan simbol haiwan sebagai logo bagi sebuah kerajaan pemerintah merupakan perkara lazim ketika zaman kesultanan Melayu dahulu. Pada masa itu, pemerintah menggunakan sesuatu tanda dan simbol berbentuk flora atau fauna sebagai satu identiti untuk membezakan duit syiling keluaran negeri mereka dengan negeri yang lain. Simbol haiwan banyak digunakan secara meluas dalam duit syiling kerana peningkatan jumlah urusan peniaga yang digunakan untuk aktiviti perniagaan mereka. Simbol haiwan-haiwan tertentu itu telah digunakan bagi membezakan duit syiling, barang kemas atau aksesori ketika itu. Simbol kijang dalam reka bentuk logo Bank Negara Malaysia mempunyai beberapa elemen seperti kemelayan, kesederhanaan, keperibadian dan penampilan yang menarik.

Simbol dalam logo merupakan salah satu elemen yang dipanggil motif. Motif boleh dibahagikan kepada lima jenis. Jenis pertama ialah motif abjad dan kedua adalah motif simbol yang terdiri daripada makna berdasarkan nama, contohnya perkataan ‘Pitis Mas’, di mana ‘Pitis’ bermaksud syiling dan ‘Mas’ bermaksud emas. Motif ketiga adalah motif ikon yang menjadi imej syarikat atau produk. Motif keempat adalah motif simbol bercirikan abstrak dan motif kelima adalah gabungan kaligrafi dan abjad.

4.3 Aspek Pertimbangan Simbol Berkesan

Untuk menghasilkan simbol yang berkesan dan baik bagi syarikat, sembilan aspek perlu dipertimbangkan. Aspek pertama adalah kesesuaian makna atau kandungan simbol dan latar belakang bagi simbol dalam logo Bank Negara. Aspek kedua adalah kesesuaian bahan yang digunakan untuk membuat simbol dan kaedah untuk merealisasikan visual menjadi sebuah logo. Aspek ketiga adalah simbol yang khusus berbanding simbol yang sama dengan yang lain.



Rajah 4.1: Contoh logo terkenal dengan ciri-ciri motif abstrak haiwan.

Aspek keempat adalah nilai kontemporari simbol kijang tersebut untuk memastikan daya tarikan dan keberkesanannya dapat bertahan sekurang-kurangnya lima hingga berpuluhan tahun. Aspek kelima adalah nilai yang akan dinikmati oleh orang ramai terhadap simbol kijang itu sama ada ia kelihatan ringkas dan mudah menarik perhatian sehingga diingati sepanjang zaman. Aspek keenam adalah nilai utiliti yang sesuai digunakan di mana-mana sahaja atas faktor konsep rekaan dan keseimbangan setiap elemen yang terdapat di dalamnya. Aspek kelapan adalah nilai rasional simbol kijang dalam logo Bank Negara yang sepatutnya mudah diterima dan mempunyai nilai pemilikan oleh setiap masyarakat, budaya dan negara. Aspek terakhir adalah spesifikasi dan ciri-ciri warna bagi sesuatu simbol yang mempunyai warna tersendiri berbanding warna simbol lain yang serupa dalam pasaran.

4.4 Faktor-Faktor Mempengaruhi Tafsiran Simbol

Tafsiran makna simbol adalah berdasarkan faktor luaran dan dalaman. Faktor luaran dan dalaman adalah faktor utama yang mempengaruhi tafsiran rekaan simbol. Faktor luaran pertama terdiri daripada budaya masyarakat setempat, tempat dan negara dilahirkan. Faktor luaran kedua adalah tempat di mana kehidupan budaya itu berkembang. Faktor luaran ketiga adalah amalan budaya yang bermula di rumah ibu bapa. Faktor luaran keempat pula adalah persekitaran luaran yang mempengaruhi masyarakat dan komuniti. Faktor luaran yang kelima ialah persekitaran kehidupan suami isteri.

Faktor dalaman pertama terdiri daripada faktor fizikal dalam aspek bangsa, jantina dan umur. Faktor dalaman kedua adalah mereka yang mempengaruhi agama dan budaya. Faktor dalaman ketiga adalah tahap intelektual dan keupayaan untuk membuat analisis dan kajian terhadap psikologi yang terdiri daripada jenis reka bentuk logo, ketidakpastian dalam diri serta minat. Faktor yang terakhir adalah aspek psikologi seperti ketidakpastian tentang produk, diri dan keinginan. Orang awam lebih yakin untuk mengenali logo itu dengan simbol yang ringkas berbanding dengan logo yang mempunyai simbol yang rumit dan artistik.

Kesan dari rekaan simbol dan logo yang baik akan dapat memberi impak yang baik juga terhadap orang ramai. Logo yang mempunyai simbol tertentu digunakan secara meluas oleh kebanyakan pengeluar untuk mengiklankan produk atau perkhidmatan mereka. Setiap logo yang mempunyai simbol di dalamnya digunakan untuk sesuatu produk atau perkhidmatan yang mempunyai makna tersendiri. Nilai logo bergantung pada pendapat dan tafsiran pemerhati atau individu. Makna logo seperti kata-kata, huruf, angka, grafik, gabungan perkataan dan grafik adalah untuk tujuan memperkenalkan produk dan perkhidmatan. Imej pada logo biasanya mengandungi perkataan, reka bentuk dan simbol yang boleh menggambarkan secara terus tentang latar belakang identiti dan lambang sesebuah syarikat.

4.5 Tujuan Utama Logo Dan Simbol

Tujuan pertama logo dan simbol digunakan adalah untuk melambangkan jenama dan perkhidmatan. Ia juga sebagai indikator perbezaan antara jenama dan perkhidmatan yang sama yang dihasilkan oleh sebuah organisasi yang berlainan. Tujuan kedua logo dan simbol adalah untuk memperkenalkan nama jenama dan perkhidmatannya. Pengguna dan pelanggan akan mengenal pasti jenama dan

perkhidmatan melalui logo mereka terlebih dahulu. Melalui pemerhatian penulis menjangkakan kira-kira 80% reka bentuk logo yang dihasilkan adalah dari kategori logo tanda huruf.

Tujuan ketiga ialah sebagai tanda dagangan untuk membantu orang awam mengenali logo yang ditawarkan kepada mereka. Tujuan keempat adalah membantu orang ramai untuk mengingati logo tertentu dengan harapan agar mereka terus menggunakaninya. Tujuan kelima adalah memperkenalkan identiti reka bentuk logo tersebut. Ini kerana simbol, imej atau tanda tertentu yang digunakan sebagai logo secara langsung mengandungi elemen kebudayaan dari setiap negara.

Tujuan keenam adalah memberi maklumat dan penerangan ringkas tentang sesuatu motif kepada orang ramai melalui imej dalam logo. Imej reka bentuk logo mestilah yang berkaitan dengan organisasi. Tujuan ketujuh adalah untuk merangsang kepercayaan orang ramai terhadap logo yang dihasilkan. Tujuan kelapan adalah untuk melambangkan suatu jaminan dari organisasi atau syarikat. Motif seperti kijang, bulan sabit dan matahari di dalam logo Bank Negara mempunyai makna dan interpretasi tersendiri. Tafsiran simbol dan motif pada logo bank tersebut bergantung kepada tahap pengetahuan individu itu sendiri.

Simbol dalam logo sepatutnya mempunyai kemampuan untuk bertindak sebagai agen komunikasi antara perkhidmatan dan orang awam secara tidak langsung. Reka bentuk logo sepatutnya mempunyai keseimbangan antara konsep reka bentuk dan warna. Dari segi penampilan dan bentuknya, simbol atau tanda dagangan sebagai logo sepatutnya mempunyai elemen bentuk, komposisi ruang, irama, harmoni dan keseimbangan. Reka bentuk simbol mestilah mempunyai nilai estetika, keanggunan dan kesesuaian dari segi rekaan dan warnanya. Semua bahagian atau elemen pada logo

mempunyai faktor yang berterusan dan bersifat kekal. Logo yang menggunakan simbol huruf tertentu hendaklah memberi makna huruf tersebut sebaik-baiknya dan haruslah sepadan antara satu sama lain.

4.6 Aspek Lain Dalam Logo Dan Simbol

Aspek fungsional dan gaya rekaan dapat menjadikan sebuah logo menjadi terkenal dan sentiasa diingati oleh orang-orang tertentu. Konsep sebuah rekaan logo adalah untuk memberi pendedahan kepada orang ramai tentang bagaimana caranya untuk mengembangkan idea. Aspek fungsional adalah tentang prinsip tanda dagang dan bagaimana untuk mengelakkan penggunaan lebih daripada satu organisasi yang menggunakan logo yang hampir sama. Jika reka bentuk logo itu mempunyai persamaan dan ia digunakan oleh dua entiti berbeza maka pereka yang dipertanggungjawabkan hendaklah menukar rekaan logo lama tersebut kepada rekaan yang baharu atau membayar khidmat pereka yang lebih berpengalaman dengan sejumlah bayaran yang dipersetujui kedua-dua pihak bagi memperolehi hak ke atas sebuah rekaan logo.

Aspek pertama adalah jenis logo yang mempunyai satu jenis kategori logo. Logo yang hanya mempunyai satu jenis kategori ini hanya menggunakan nama organisasi atau syarikat sahaja. Aspek kedua ialah logo yang mempunyai jenis kategori penggunaan reka bentuk huruf, objek dan haiwan terutamanya yang terdapat dalam reka bentuk logo Bank Negara Malaysia. Logo jenis kategori ini dikira tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan sepenuhnya dari segi undang-undang namun logo sedemikian mampu melambangkan sebuah identiti korporat yang kukuh walaupun menyedari akan menghadapi situasi tahap keselamatan logo yang rendah jika berlaku masalah peniruan pada sesebuah tanda dagangan.

Aspek lain yang mampu menjadikan sebuah logo itu kelihatan sangat baik ialah logonya bukan sekadar logo semata-mata. Logo itu hendaklah asli dan tersendiri. Logo sebegini akan mudah difahami dan disenangi oleh orang ramai. Logo sebegini kelihatan mudah tanpa konsep rekaan yang rumit dan ia sebuah logo yang sangat mudah diingati. Perekar harus bijak menggunakan imej yang bersesuaian bagi menentukan kaedah tertentu untuk menghasilkan logo secara bersama. Logo sebegini juga sangat mudah dikaitkan dengan sebuah organisasi ternama seperti Bank Negara Malaysia. Dalam erti kata lain, logo ini mempunyai kaitan rapat dengan firma yang memiliki hak sepenuhnya ke atas logo tersebut. Logo sebegini mampu berfungsi untuk semua medium grafik dan peralatannya. Ini bermakna logo jenis ini boleh diaplikasikan dengan baik ke dalam semua bentuk peralatan syarikat seperti kepala surat, risalah, poster dan pelbagai jenis perkhidmatan lain sebagai bahan promosi dan publisiti.

4.7 Unsur-unsur Rekaan Seni Dalam Simbol

Unsur-unsur rekaan seni seperti rupa, bentuk, garisan, tekstur dan warna mempunyai maknanya yang tersendiri. Berdasarkan *feng shui*, prinsip bentuk bulat seperti matahari merujuk kepada nombor sembilan, putih dan emas. Bulan sabit pula disebut sebagai harapan dan membantu manusia menjaga keseimbangan dan memberi perspektif baru. Kijang pula menurut falsafah Cina merujuk kepada kehidupan yang panjang, kebaikan dan kemakmuran. Unsur-unsur rekaan dan falsafah ini akan memberi makna dan tafsiran yang tepat kepada logo. Masyarakat Cina percaya bahawa gabungan antara unsur-unsur yang dinyatakan sebelum ini memberi unsur baik atau buruk kepada logo. Feuchtwang, Michael & Thomas Ng, S. (2006).

Logo sepatutnya mempunyai warna-warna tertentu dan bersesuaian dengan konsep serta makna reka bentuk kerana setiap warna mempunyai erti dan simbolisme

yang tersendiri. Warna utama seperti biru adalah warna yang universal dan boleh digunakan sebagai perangsang yang berkuasa. Walau bagaimanapun, warna biru juga melambangkan kerohanian, kesejahteraan dan rahmat kehidupan. Tujuan utama logo dicipta adalah untuk memberi pengiktirafan kepada kepelbagaian masyarakat dan kebudayaanya. Unsur-unsur rekaan seni penting untuk logo yang mempunyai motif dan warna kerana setiap motif dan warna akan memberi makna yang tersendiri.


Simbol kijang yang terdapat dalam logo Bank Negara Malaysia ini direka menggunakan unsur rupa. Unsur warna biru pula digunakan sepenuhnya dalam setiap simbol yang terdapat dalam logo ini supaya penggunaan warna yang tidak bertepatan dapat dielakkan. Konsep logo ini menggunakan gaya abstrak terutama pada motifnya. Penggunaan gaya yang ringkas dan mudah difahami orang ramai tidak akan membuat orang ramai berasa keliru dengan simbol yang digunakan. Ia juga menggunakan motif yang sangat sesuai dan hanya berkaitan dengan identiti kebudayaan negara. Logo tersebut direka mengikut prinsip reka bentuk. Konsep reka bentuk logo yang dihasilkan sangat jelas iaitu simbol seekor kijang, bulan sabit dan matahari. Ia tidak kelihatan seperti sebuah logo yang *cliche* dari segi visualnya. Logo ini dipenuhi dengan daya imaginasi yang tinggi dan mampu memberikan kesan imej visual yang lengkap. Sebuah gaya rekaan logo yang mempunyai inspirasi dari sesuatu objek akan dipandang tinggi dan berkualiti.

Reka bentuk logo ini mempunyai ciri-ciri identiti khas iaitu keseimbangan yang tepat dan motif yang bersifat kebangsaan. Fungsi logo adalah untuk mewakili sesuatu jenama atau perkara. Logo memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia untuk membezakan antara makhluk hidup dan tempat berkomunikasi. Logo Bank

Negara menggunakan tanda pengenalan identiti yang kuat dengan elemen kenegaraannya sebagai sebuah bank pusat di Malaysia.


4.7.1 Analisis Unsur Warna Duit Syiling Kijang Kelantan

Berkenaan dengan penggunaan warna untuk simbol (Rajah 4.2), kelihatan satu konsep warna yang akan terlibat iaitu tona warna tunggal biru yang digunakan dalam logo Bank Negara Malaysia. Namun jika merujuk kepada Rajah 4.3, tona warna tunggal atau bertanda “A” merujuk kepada simbol dengan satu skima warna sahaja. Tona dua warna bertanda “B” merujuk kepada simbol dengan dua skima warna manakala skima warna pelbagai bertanda “C” merujuk kepada simbol yang menggunakan lebih daripada dua warna. Simbol kijang pada Rajah 4.2 adalah contoh lambang yang menggunakan konsep tona warna tunggal. Walaupun ia menggunakan satu warna, simbol itu masih kelihatan eksklusif disebabkan oleh elemen rupa dan kesederhanaan konsep reka bentuknya. Simbol kijang pada logo Bank Negara tidak menggunakan konsep tona dua warna kerana walaupun warna putih merupakan sejenis warna namun ia tidak mempunyai sebarang unsur dan pengertian seperti warna-warna lain yang tidak dipaparkan dalam kajian ini. Namun terdapat contoh penggunaan konsep pelbagai skima warna yang boleh dirujuk kepada Bank Negara (Rajah 4.3) iaitu penggunaan warna biru, emas dan monokrom. Setiap warna pada lambang mempunyai erti tersendiri untuk Bank Negara.



Rajah 4.2: Unsur warna dalam simbol kijang.

Setiap warna yang terdapat dalam simbol melibatkan satu proses kerja. Ini bermakna lebih banyak warna yang digunakan dalam simbol itu maka ia akan meningkatkan kos pengeluaran logo. Kajian ini mendapati bahawa warna adalah salah satu unsur yang memberikan nilai estetika kepada simbol terutama warna biru. Pemilihan warna yang tepat untuk simbol, kebiasaanya sangat dititik beratkan oleh perancang supaya warna yang digunakan bagi tujuan pengeluaran lain-lain peralatan mampu menarik perhatian pengguna. Walau bagaimanapun, Bank Negara cenderung memilih satu warna sahaja untuk logo mereka supaya kos operasi pentadbiran dapat dikurangkan. Warna biru dan putih dikelasifikasikan sebagai warna yang biasa dalam simbol kerana keupayaan kedua-dua warna tersebut untuk dipadankan dengan semua warna pada papan tanda dan peralatan keluaran mereka.



Rajah 4.3: Skima warna simbol.

Warna untuk sebuah simbol itu mempunyai maksud tersendiri, menggambarkan makna tertentu dan begitu istimewa kepada Bank Negara Malaysia. Konsep skima warna untuk simbol pada logo Bank Negara itu boleh dibahagikan kepada tona warna tunggal sahaja iaitu warna biru dan dikategorikan sebagai konsep keterbalikan tona warna. Setiap skima warna yang dipilih sebagai warna korporat bank pusat mempunyai kos yang berbeza, mempunyai jangka masa tertentu dan proses penghasilan yang berlainan juga bergantung kepada jumlah warna yang digunakan. Lebih banyak warna yang digunakan dalam simbol maka kos pengeluaran akan lebih meningkat. Kemasan warna biru tua dan putih yang tidak keterlaluan sangat sesuai untuk menghasilkan simbol dalam logo Bank Negara Malaysia.


Kemasan warna biru tua yang digunakan dalam logo Bank Negara lebih popular kerana nilai eksklusif yang dimilikinya. Warna biru mencerminkan dan melambangkan imej korporat sebuah bank pusat yang tersohor di peringkat dunia. Penggunaan satu skima warna biru bagi simbol kijang digunakan supaya mudah dikenali ramai

disamping dapat mengukuhkan jenama. Warna biru dan putih dikategorikan sebagai warna yang sesuai digunakan untuk semua simbol dalam logo bank pusat tersebut.

Warna biru bagi setiap simbol hendaklah berdasarkan kepada imej yang melambangkan Bank Negara Malaysia. Bank Negara telah mengenal pasti bahawa hanya satu warna sahaja digunakan iaitu warna biru bagi simbol-simbolnya untuk segala urusan pentadbiran dan aktiviti operasi mereka. Konsep skima warna biru pada simbol kijang dalam logo bank pusat adalah untuk menjimatkan kos percetakan berbanding dengan konsep warna yang pelbagai. Bank Negara memilih skima warna biru kerana ia adalah skima warna yang bertepatan bagi bank pusat itu dan mudah diterima oleh semua golongan masyarakat.

4.7.2 Analisis Unsur Rupa Duit Syiling Kijang Kelantan

Rupa yang khusus berkaitan dengan simbol kijang tidak mempunyai unsur rupa yang tepat daripada keadaan semula jadi haiwan tersebut. Unsur rupa bagi simbol kijang adalah berbentuk organik dan kelihatan sangat ringkas. Ciri-ciri unsur rupa bagi simbol kijang bergantung kepada di mana ia digunakan. Rupa simbol seekor kijang haruslah berkait rapat dengan motifnya. Walaupun kijang dilukis secara ringkas namun rupa haiwan itu hendaklah berkaitan dengan motif haiwan yang digambarkan. Rupa dalam dua dimensi digunakan untuk menghasilkan motif kijang dalam logo bank pusat itu dan digunakan dalam hampir semua peralatan yang melibatkan percetakan logo Bank Negara (Rajah 4.4).



Rajah 4.4: Unsur rupa dalam simbol kijang.

Simbol dengan rupa dua dimensi sesuai untuk jenis peralatan rasmi seperti alat tulis dan pengeluaran wang kertas. Manakala simbol dalam rupa tiga dimensi pula sesuai untuk pengeluaran duit syiling atau cenderamata berdasarkan logam piuter yang diukir khas ke atasnya. Simbol kijang dengan rupa tiga dimensi dalam duit syiling bernilai satu ringgit sempena ulang tahun ke-20 penubuhan Bank Negara Malaysia (Rajah 4.5) sangat sesuai untuk pengeluaran duit syiling secara terhad itu. Simbol kijang yang sama turut dikeluarkan pada tahun 2003 dalam bentuk wang syiling peringatan. Simbol kijang dalam wang syiling peringatan keluaran tahun tersebut mempunyai ukiran bentuk dan rupa kijang lebih realistik dan halus berbanding ukiran simbol kijang dalam duit syiling satu ringgit sebelumnya.




Rajah 4.5: Simbol kijang dalam duit syiling peringatan.

4.7.3 Analisis Unsur Tekstur Duit Syiling Kijang Kelantan

Kesan tekstur penyaduran yang merupakan satu kemasan permukaan bagi simbol kijang untuk duit syiling atau beberapa cenderamata berasaskan bahan logam yang ditemui banyak menggunakan bahan logam khas yang tertentu. Tiada sebarang bahan saduran lain selain campuran logam tembaga, nikel dan aluminium digunakan untuk tujuan kemasan permukaan duit syiling bagi semua simbol yang ada. Tiada sebarang bahan enamel pada duit syiling sebagai salah satu teknik kemasan permukaan bagi melindungi simbol-simbol. Enamel adalah sejenis bahan yang sering digunakan untuk tujuan hasil kerja ukiran logam (Rajah 4.6).

'Anodizing' adalah salah satu teknik kemasan permukaan simbol pada bahan logam terutama bahan logam seperti aluminium. *'Laminating'* pula adalah salah satu teknik kemasan permukaan yang menggunakan bahan jenis plastik ke atas sesuatu permukaan tertentu yang hanya sesuai untuk kemasan permukaan seperti wang kertas. Sejenis proses kemasan permukaan untuk simbol ke atas duit syiling adalah ukiran lukisan, percetakan dan penyaduran logam.



Rajah 4.6: Unsur tekstur dalam simbol kijang.

Bahan-bahan seperti akrilik, epoksi (sejenis teknik lekat), poliester, poliuretana dan polivinil klorida adalah bahan yang digunakan sebagai salutan untuk simbol ke atas cenderamata tertentu namun ia tidak sesuai untuk permukaan duit syiling. Salah satu fungsi utama kemasan permukaan adalah untuk mengelakkan kerosakan pada mana-mana permukaan simbol. Fungsi utama yang lain bagi kerja-kerja kemasan permukaan adalah untuk tujuan nilai estetik supaya kemasan permukaan dapat dijadikan sebagai pelindung dari sinaran ultra ungu (UV) matahari yang boleh mempengaruhi dan mengubah warna sesuatu simbol terutamanya ke atas bahan yang berasaskan kertas (Rajah 4.7).




Rajah 4.7: Penggunaan bahan epoksi plastik pada duit syiling peringatan.

4.7.4 Analisis Unsur Ruang Duit Syiling Kijang Kelantan

Unsur ruang yang dikhaskan untuk simbol kijang dan simbol-simbol lain yang terdapat pada logo Bank Negara itu tidak dipengaruhi oleh motifnya. Motif yang digunakan untuk menghasilkan simbol kijang pada logo Bank Negara tidak akan mempengaruhi ruang komposisinya. Ruang simbol kijang dalam logo Bank Negara ditetapkan pada tempat yang tertentu dengan komposisi ruang yang seimbang antara ketiga-tiga simbol yang ada dalam logo Bank Negara Malaysia khususnya kedudukan kijang dalam mana-mana penempatan peralatan kepunyaan atau keluaran Bank Negara namun ia bukanlah suatu peraturan yang harus diikuti. Terdapat tujuan nilai estetik bagi penggunaan simbol yang ditetapkan di bahagian hadapan, atas, kiri atau kanan malah bahagian belakang bagi komposisi ruang logo Bank Negara (Rajah 4.8).

Kedudukan simbol kijang pada logo Bank Negara tidak bergantung kepada kategori, situasi dan permintaan. Simbol kijang dan simbol lain yang terdapat dalam logo tersebut tidak berubah daripada kedudukannya sekarang dan kekal sebegini seperti mana ia mula-mula direka. Simbol kijang dan simbol-simbol lain yang terdapat pada duit syiling satu ringgit Bank Negara keluaran tahun 1979 boleh diperbaiki lagi. Ini kerana ukiran logo yang tertera terlalu kecil, ukiran bangunan utama Bank Negara lebih

besar daripada ukiran semua simbol yang ada dalam duit syiling tersebut dan kedudukan logo secara keseluruhannya kurang seimbang.



Rajah 4.8: Unsur ruang dalam simbol kijang.

4.7.5 Analisis Unsur Garisan Duit Syiling Kijang Kelantan

Unsur garisan simbol kijang dan simbol-simbol lain di atas logo berbentuk abstrak pada duit syiling kijang Kelantan yang terdapat di Muzium Negara dengan menggunakan teknik ‘*dot effect*’ atau kesan titik yang bertukar menjadi garisan titik putus yang membentuk simbol kijang. Simbol kijang yang terdapat pada logo Bank Negara Malaysia turut berbeza dari segi garisan kijang sebenar dan garisan kijang dalam logo Bank Negara. Simbol kijang mempunyai garisan simetri dan membentuk elemen reka bentuk seni. Simetri digunakan pada banyak reka bentuk seperti lencana atas bangunan, tembikar dan tekstil mengenai reka bentuk elemen pintu, tingkap, dan perhiasan (Rajah 4.9).

Garisan simbol kijang untuk duit syiling kijang Kelantan ini banyak terdapat pada bangunan milik Bank Negara terutama di pintu masuk utama dan perkarangan bangunannya yang mudah dilihat kerana ia menjadi laluan masuk orang awam ke bank pusat tersebut. Terdapat ukiran cenderamata yang memaparkan simbol kijang pada logo bank pusat menggunakan garisan yang menambahkan lagi tahap eksklusif logo bank pusat itu. Simbol kijang pada logo Bank Negara haruslah mempertimbangkan aspek estetika, budaya tempatan dan teknikal.



Rajah 4.9: Unsur garisan dalam simbol kijang.

Unsur garisan bagi simbol kijang pada duit syiling kijang Kelantan ini dihasilkan berdasarkan kepada kewarasan akal fikiran dan mengikut kreativiti artis untuk menentukan kedudukan yang tepat bagi simbol kijang pada logo bank pusat itu. Simbol harus berada pada kedudukan di mana ia mudah dilihat. Kedudukan simbol pula dipengaruhi oleh konsep pengiklanan, strategi dan nilai estetikanya.

4.8 Perbincangan

Selepas mengumpulkan semua data perpustakaan dan data pemerhatian, kerja-kerja menganalisis data mulai dijalankan. Penulis mengambil masa kira-kira hampir empat bulan untuk menganalisis data. Penemuan yang diperoleh daripada kajian ini adalah berdasarkan kepada kajian perpustakaan dan pemerhatian yang dibuat oleh penulis. Kajian ini mendapati bahawa semua aspek di bawah kajian adalah sangat penting untuk perkembangan simbol. Penemuan utama untuk kajian ini mendapati simbol dapat dikelaskan berdasarkan beberapa aspek seperti penampilan fizikal, fungsi, jenis grafik dan penggunaan bahan. Aspek penampilan fizikal adalah tentang ciri bentuk dan rupa simbol. Kategori jenis simbol di bawah aspek ini adalah simbol kijang pada duit syiling lama keluaran Bank Negara. Aspek kedua berada di bawah kategori berfungsi seperti papan tanda, pengenalan dan maklumat. Kategori di bawah jenis grafik dibahagikan kepada dua jenis seperti tanda dan simbol. Jenis terakhir adalah di bawah kategori penggunaan jenis bahan yang digunakan untuk membuat simbol atau logo bank pusat.

Kajian ini juga mendapati bahawa semua elemen seperti proses reka bentuk, bahan, warna simbol, bentuk dan rupa, motif, kemasan permukaan, saiz dan penempatan menyumbang secara langsung untuk penghasilan logo sebagai satu pakej yang lengkap. Setiap elemen atau aspek saling melengkapi antara satu sama lain untuk mencapai nilai simbol yang tinggi dari segi konsep reka bentuk dan diterima orang awam.

4.9 Analisis Duit Syiling Kijang Kelantan

Duit syiling kijang Kelantan ini dihasilkan pada tahun 1400-1780 masihi. Medium yang digunakan dan keluasan sebenar artifak ini tidak diketahui namun duit ini dikenali dengan nama dinar emas. Dalam hasil seni ini, artis telah mencipta tiga bahagian iaitu bahagian hadapan, pertengahan dan akhir. Di bahagian depan, artis menfokuskan pada satu simbol utama iaitu haiwan seperti kijang yang asal-usulnya dikatakan bermula apabila seorang pedagang Arab telah menghadiahkan seekor kijang kepada pemerintah perempuan di Kelantan iaitu Che Siti Wan Kembang. Di bahagian tengah duit syiling kijang Kelantan, artis mengukir rupa matahari dalam bentuk gelung dengan komposisi dan bentuk fizikalnya yang bulat dan rupa bulan yang hampir menyerupai ciri-ciri bulan sabit. Terdapat tiga unsur rekaan mewakili duit syiling kijang Kelantan ini iaitu unsur garisan, rupa dan tekstur. Motif bulatan kecil yang mengelilingi bingkai duit syiling kijang Kelantan itu mempunyai kesan pengulangan garis-garis titik halus yang memenuhi keseluruhan bingkai duit syiling (Rajah 4.10).



Rajah 4.10: Lukisan simbol kijang yang ditempa pada duit syiling.

4.9.1 Ringkasan Duit Syiling Kijang Kelantan

Duit Syiling kijang Kelantan atau dinar emas Kelantan yang merupakan hasil ukiran semula oleh Allahyarham Encik Abdul Wahab bin Haji Tahir yang dipercayai mempunyai keunikan tersendiri tentang seekor haiwan iaitu kijang yang terkenal dalam lanskap kisah masyarakat Melayu dahulu kala. Duit syiling kijang Kelantan ini adalah simbol erti kehidupan yang ingin dinikmati dan merupakan pengalaman peribadi seorang raja dalam menghargai seterusnya mencetuskan inspirasi untuk mewujudkan duit syiling yang bersimbolkan haiwan unik ciptaan Ilahi.

Kijang mempunyai signifikan yang kuat terhadap nilai dan simbol kebudayaan Melayu nusantara. Ia tercipta dari spesies haiwan eksotik yang hidup liar di dalam hutan sebagai ekosistem penting alam semula jadi. Sifat-sifat kijang dan karektoristik yang ada dalamnya tidak ubah seperti sifat manusia terutama kanak-kanak yang cergas dan bijak. Mengambil contoh dari haiwan yang sukar dan jarang didekati ini, ia memberikan kita pemahaman bahawa untuk menjadi lincah seperti kijang, dapat berlari dengan pantas dan dipenuhi dengan sifat kasih sayang merupakan antara falsafah penting yang berkait rapat dengan asas kehidupan manusia dan betapa pentingnya alam semula jadi kepada kita.

Makna simbol haiwan ini terhadap kehidupan masyarakat Melayu melahirkan satu lambang semangat dan perasaan mengenai sesuatu yang berbeza daripada kelaziman. Simbol kijang diilhamkan dari keindahan alam haiwan yang sering menceritakan tentang pentingnya setiap fungsi dan sifatnya yang unik. Kijang adalah mengenai asal usul permulaan kebudayaan Melayu dengan kisah-kisah mitos dan dongeng yang diceritakan oleh nenek moyang kita turun temurun.

Kijang bukan hanya sebahagian daripada haiwan tetapi juga penting dalam ekosistem alam sekitar. Sudah tentu setiap kijang yang habitat asalnya di hutan belantara tidak terkira bilangannya tetapi kijang membiak dengan banyak dan menjadi lebih kuat apabila berkumpulan kerana semakin besar kumpulan kawanan kijang itu maka semakin kuat hubungannya. Malangnya tidak semua kijang terselamat dari bahaya kerana haiwan ini sering terdedah dengan aktiviti pemburuan dan menjadi sumber makanan oleh haiwan pemangsa yang lain.

Namun sifat semula jadi kijang yang boleh menghidu musuh atau ancaman mampu menghindarkan haiwan ini dari ditimpa masalah dan boleh menjalani kehidupan tanpa banyak gangguan. Seekor kijang, mempunyai satu isyarat organ deria yang sangat unik seperti menggerakkan dan mengangkat ekornya ke atas jika ia berhadapan dengan bahaya atau menghadapi ancaman. Kehidupan haiwan ini semestinya sangat mencabar untuk dilalui kerana memerlukan kekuatan tinggi untuk kelangsungan hidupnya di dalam hutan. Kijang yang dipelihara di zoo atau taman haiwan pula akan menjadi jinak dan mudah dihampiri malah boleh dibelai. Sifatnya yang lincah, pintar dan pantas merupakan kunci segala nilai karektoristik yang tinggi yang ada pada haiwan ini. Haiwan ini melambangkan semangat yang kental dan jitu.

4.10 Analisis Duit Syiling Bulion

Duit syiling bulion ini dihasilkan pada tahun 2000. Medium yang digunakan adalah emas tulen dengan ketumpatan 99.9 peratus dan berkeluasan diameter 28mm x 28mm. Dalam hasil seni ini, artis telah mencipta tiga bahagian iaitu bahagian hadapan, pertengahan dan akhir. Di bahagian depan, artis menfokuskan pada satu simbol utama iaitu kijang yang kebiasaanya diceritakan dalam mitos dan kisah dongeng Melayu dahulu kala. Di bahagian tengah duit syiling bulion, artis mengukir rupa seekor kijang yang sebenar dengan komposisi dan bentuk fizikalnya yang hampir tepat. Terdapat tiga

unsur rekaan mewakili duit syiling bulion ini iaitu unsur garisan, rupa dan tekstur. Di latari dengan motif bulatan kecil dikeliling bingkai duit syiling bulion dengan pengulangan garis titik halus yang memenuhi keseluruhan bingkai duit syiling (Rajah 4.11).



Rajah 4.11: Simbol rupa kijang yang bergaya pada permukaan duit syiling bulion.

4.10.1 Ringkasan Duit Syiling Bulion

Duit syiling bulion atau syiling kijang emas adalah simbol kekuasaan alam semula jadi dan kijang sebagai detik permulaan dan pengakhiran sebuah simbol kekuatan. Pendekatan simbolisme yang digunakan dalam kebanyakan motif haiwan muncul dalam pelbagai gaya dan ada yang dirancang sepenuhnya dari simbol seekor kijang tanpa melalui pengalaman sebenar atau merasai makna kehidupan haiwan tersebut. Biasanya, kijang adalah haiwan yang sangat unik, haiwan tersebut diukir dalam gambaran rupa sebenarnya seperti yang ditunjukkan dalam gambar di atas.

Ukirian dibahagian sisi menunjukkan cabang-cabang pokok dan daun-daun, rumput, lalang dan tumbuhan hutan yang ditempatkan di antara kijang. Inilah intipati simbolisme yang ditunjukkan tentang hubungan antara haiwan dan alam semesta.

Dalam duit syiling bulion atau syiling emas kijang ini, artis berusaha sebaik mungkin untuk menanamkan kepentingan unsur budaya tradisional yang kuat terutama berkaitan dengan budaya Melayu. Duit syiling bulion atau syiling emas kijang bukan sekadar syiling biasa tetapi mempunyai motif-motif alam semula jadi yang unik untuk tatapan masyarakat lain di dunia. Berbentuk seperti kijang sebenar dengan bentuk kesan tekstur di bahagian atas badannya, syiling kijang emas mengandungi unsur rekaan yang bergaya dengan hiasan motif flora dan fauna di dalamnya.

Kijang dan alam hutan semula jadi mewakili dua simbol mistik Melayu. Yang pertama adalah pepohon hutan semula jadi yang memelihara dan menyediakan tempat tinggal bagi semua binatang yang tinggal di dalamnya. Kijang juga banyak dikenali dalam kisah mitos masyarakat Melayu. Dalam sebuah animasi terkenal terbitan tempatan sekitar awal tahun 1980-an dahulu haiwan tersebut menjadi subjek utama penceritaan hikayat dongeng melayu lama, terdapat juga kijang yang menjadi simbol dalam ukiran stupa “The Panchatantra” di India membentuk gunungan yang memberi gambaran kesucian, mistik dan ajaib.

Pepohon hutan juga mewakili motif lain dan memberi makna apabila pohon atau hutan dimusnahkan maka kehidupan flora dan fauna turut bakal terancam. Kijang digunakan untuk menandakan detik permulaan dan penamat sebuah penceritaan. Artis menggambarkan kisah seekor kijang dalam mitos dan dongeng dengan cara tersendiri dan mengekalkan jiwa seni mengenai tradisi Melayu dan penciptaan tuhan. Syiling emas kijang adalah lambang sebuah kehidupan alam semulajadi secara keseluruhan.

Di permukaan sisi duit syiling bulion atau syiling emas kijang, motif flora itu menceritakan kisah yang berkaitan dengan seluruh alam kehidupan ciptaan esa. Dalam menyampaikan gaya Malaysia dalam ukiran duit syiling bulion ini, tugas sebagai seorang artis atau pengukir telah memperkenalkan kebudayaan Melayu dengan

kandungan nilai estetikanya yang tersendiri. Artis mencuba versi gaya seni Malaysia sendiri namun masih berdasarkan budaya kemelayuan yang kuat sebagai asas utama.

Artis yang menghasilkan syiling emas kijang ini berjaya menzahirkan haiwan seperti kijang dalam ukirannya di mana dia tidak mengubah sedikit pun rupa asal kijang kepada rupa yang lebih ringkas. Idea kombinasi kijang dan pohon-pohon hutan sangat berkaitan dengan budaya Melayu walaupun dengan gaya ukiran tersendiri. Artis cuba menekankan metafora di sebalik kijang yang dipanggil kijang emas serta hubungan alam dengan tuhan. Kijang seperti haiwan yang penuh mistik kerana terdapat satu semangat kuat yang dilahirkan oleh haiwan ini sehingga menjadi bijak dan lincah.

4.11 Analisis Kijang Dalam Hikayat Sang Kancil


Imej kijang yang di muat turun di dalam sekeping gambar pada tahun 2016. Imej kijang di muat turun sewaktu penulis melayari internet berkaitan kijang. Pada bahagian atas di sebelah kiri tanduk kijang bermula dengan subjek pertama; ekor kijang pendek di bahagian belakang badannya. Kijang mempunyai saiz badan yang sederhana dan berbulu merah keperangan.



Rajah 4.12: Rupa sebenar kijang dalam logo Bank Negara Malaysia.

Semuanya bermula dengan hanya seekor haiwan eksotik yang merupakan antara spesies terancam. Kijang ialah haiwan yang sangat berbeza dan unik dengan haiwan-haiwan yang lain. Tanpa sebarang kesan artistik dan dramatik terhadap simbol kijang yang dihasilkan sebagai motif dalam logo Bank Negara Malaysia. Kijang akan melibaskan ekornya ke bahagian atas setinggi yang boleh sekiranya ia menghidu bahaya atau ancaman di sekelilingnya. Keunikan haiwan ini ialah ia mengawal sifatnya untuk beralih dari satu daratan ke tempat yang lain dan berhenti seketika kemudian beralih ke sana dan ke sini.

Kijang mewakili keindahan alam haiwan dengan penuh kepintaran yang dikurniakan tuhan kepada haiwan ini. Allah mencipta haiwan ini, kemudian artis mereka bentuk rupa kijang menjadi sebuah logo sehingga ia kekal dikenali sampai sekarang. Artis memberi penekanan kepada kijang dan ukuran saiz yang kijang lebih besar daripada simbol-simbol lain dalam logo Bank Negara. Artis cuba mengikuti sifat-sifat asal fizikal rupa kijang yang sebenar apabila ekornya digambarkan mencapai tahap yang lebih tinggi dan memberi satu isyarat amaran dan kecemasan yang unik.



Rajah 4.13: Simbol kancil dalam filem animasi yang cukup popular terbitan Filem Negara Malaysia (Fotografi oleh Hassan Muthalib).

Kijang tidak pernah hilang dalam penceritaan alam Melayu sejak turun temurun. Dalam Hikayat Sang Kancil dan Monyet yang diterbitkan pada tahun 1983, pelukis animasi tersebut iaitu Hassan Muthalib bermain dengan metafora kisah-kisah rakyat seperti dalam filem animasi terbitan antarabangsa keluaran Walt Disney. Pada kenyataannya, Hikayat Sang Kancil dan Monyet hanyalah sebuah animasi yang sengaja dicipta sebagai sebuah ilusi tersirat apabila terdapat nasihat teladan yang kuat yang boleh diterjemahkan secara jelas kepada masyarakat.

Walaupun tidak nampak jelas seekor kijang namun kijang, kancil, pelanduk dan rusa adalah dari kumpulan spesies yang sama hanya fizikal sahaja yang membezakan mereka antara satu sama lain. Namun daya kepintaran, aksi kelincahan dan tahap ciri istimewa tersendiri seperti mampu mengesan bahaya menceritakan segala keajaiban ciptaan haiwan ini. Mustahil bagi kita untuk membuat satu persatu kisah-kisah rakyat dari setiap spesies yang sama namun dengan mengangkat kancil dari kumpulan spesies kijang ini sedikit sebanyak mewujudkan satu kisah-kisah rakyat yang berbeza dengan yang sedia ada. Kejayaan filem animasi mengenai kancil ini mempunyai cerita unik dan tersendiri untuk diberitahu. Hikayat Sang Kancil telah mengembara selama bertahun-tahun, tidak pernah berhenti bercerita dan menyampai, tidak pernah gagal membuatkan rakyat menangis dengan air mata kerana pengajaran di sebalik kisah yang disampaikan.

Hikayat Sang Kancil cuba memecah tradisi penerbitan animasi antarabangsa terutamanya dari Hollywood dan akhirnya berjaya membuktikan dan memberi kesan bermakna kepada kebudayaan dan peradaban masyarakat Malaysia. Orang tidak mungkin akan mentertawakan Hikayat Sang Kancil yang produksinya berdurasi tidak sampai 10 minit dan mustahil cerita sebegini ditolak oleh rakyat kerana ia begitu dekat dengan kehidupan sosial masyarakat ketika itu. Namun jika ada jalan cerita dan pasukan produksi animasi yang kuat dan bagus di sebalik Hikayat Sang Kancil ini maka segala

sikap-sikap positif yang disampaikan oleh karektor setiap haiwan dalam hikayat ini benar-benar menjadi simbol kebudayaan masyarakat Melayu.

4.11.1 Ringkasan Kijang Dan Hikayat Sang Kancil

Hikayat Sang Kancil bukan sekadar sebuah cerita rakyat untuk komuniti tertentu di dunia ini malah ia sebagai simbol kekuatan komunikasi yang sangat tinggi yang ada dalam setiap karektornya. Terpulang kepada penonton untuk mentafsirkan setiap simbol sebagai mekanisme penting dalam komunikasi. Kancil, pelanduk, rusa dan kijang walaupun berbeza saiz, nama, warna dan jenis namun mereka boleh hidup aman damai dengan semua yang lain, sentiasa memberi kisah inspirasi kepada orang lain dan mengisi segala aktiviti kehidupan manusia dengan penuh nasihat. Namun begitu, simbol kekuatan komunikasi yang cuba disampaikan dalam bentuk kisah-kisah rakyat ini dapat mengeratkan silaturahim dan tidak membiarkan hubungan sesama manusia itu terlerai. Jika semua aspek tersebut dilepaskan maka pegangan tersebut pasti akan hilang. Tetapi jika anda tidak memberikan nilai yang cukup dalam kehidupan kita ia tidak akan berfungsi dengan baik. Moral cerita ini akan menjadi pesanan dan azimat tentang kancil atau kijang yang mempunyai isi tersirat yang tinggi. Tanpa penceritaan hikayat sebegini, kita tidak mungkin tahu kewujudan sifat haiwan itu sama sekali. Perkara yang lebih penting sekali dalam cerita sebegini untuk pembuatnya mendapat kesan yang tepat. Ini adalah bagaimana mesej diberitahu dan cerita ini dikongsi. Kijang akan sentiasa hidup di hutan selagi ada sumber makanan dan tidak dibunuh oleh pemburu atau haiwan pemangsa yang lain.

4.12 Ringkasan Analisis

Penjelasan dan penyelidikan pada bab ini akan diringkaskan dengan terperinci. Analisis dari lima unsur rekaan mengenai kijang yang dilakukan menggunakan analisis

berdasarkan konsep ikonografi. Pendapat dari falsafah juga telah dikenal pasti dan simbol haiwan yang digunakan oleh artis dalam setiap karya di analisis. Simbol kijang yang telah digunakan oleh artis boleh didefinisikan dengan jelas kerana rupa dan identiti. Simbol seperti kosmos (matahari dan bulan sabit), syiling kijang Kelantan, duit syiling bulion, Hikayat Sang Kancil tidak hanya digunakan dalam semua karya dalam simbol haiwan ini tetapi juga terhadap karya seni lain.

Simbol pertama yang digunakan pada duit syiling kijang emas Kelantan ialah kijang, matahari dan bulan sabit. Penulis juga telah mengenal pasti simbol lain yang dalam syiling bulion iaitu pokok dan tumbuh-tumbuhan. Manakala dalam Hikayat Sang Kancil pula banyak simbol-simbol yang memberi makna seni digunakan untuk menujukkan aksi pergerakan, penyatuan, kepintaran, kecergasan, keunikan dan penuh nilai tradisi kebudayaan Melayu.

Simbol kedua yang digunakan dalam duit syiling bulion telah dikenal pasti dalam karya ini yang menggambarkan kijang seperti keindahan flora dan fauna, kekayaan alam semula jadi, lanskap budaya Melayu dan keistimewaan seni rekaan. Simbol kijang yang digunakan dalam logo Bank Negara memberi tumpuan kepada budaya, warisan dan kehidupan sosial Melayu. Kijang tidak diterjemahkan sebagai jurucakap yang menceritakan tentang kemelayuan semata-mata tetapi sebagai simbol komuniti kehidupan bersama mengenai sebuah kekeluargaan. Kisah kijang selalu berdasarkan budaya Melayu dan simbol haiwan ini yang ditunjukkan dalam logo Bank Negara melambangkan peradaban masyarakat Melayu dari semasa ke semasa.


Warna dan rupa yang digunakan menunjukkan aspek warisan tradisi yang jelas. Simbol kijang menunjukkan kredibiliti haiwan ini dalam menginspirasikan sesuatu yang

baru dalam logo Bank Negara. Tidak wujud cerita rakyat mengenai haiwan ini jika haiwan ini tidak memberi kesan dan impak besar untuk mewakili keindahan budaya dalam masyarakat Melayu. Simbol kijang juga turut digunakan dalam seni batik sebagai karya seni ciptaan yang penting dalam budaya Melayu. Batik berasal dari kata 'titik' dan untuk menciptakan keindahan batik para artis menggunakan kreativiti dan imaginasi mereka untuk mewakili reka bentuk motif Melayu. Ia melambangkan kepentingan batik kepada masyarakat dan kecantikan yang dibuat pada kain itu akan menceritakan kisah bagi penonton.

Tidak banyak maklumat atau penjelasan bergambar mengenai penghasilan logo Bank Negara Malaysia yang digunakan dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, penulis merujuk kepada Muzium Seni di Sasana Kijang untuk tujuan kajian bergambar. Bank Negara telah membina sebuah bangunan khas untuk mempamerkan bukti-bukti fotografi, bahan visual dan artifak dalam koleksi mereka dari awal penubuhannya hingga kini. Simbol kijang adalah tempaan lukisan yang pertama pada mata wang syiling emas Kelantan sebagai tanda dagang dan menjadi jenama semasa era pemerintahan kesultanan Negeri Kelantan. Lukisan kijang ini ditempa sebagai sebuah jenama yang telah digunakan dari kurun ke-14 sehingga kurun ke-15.

Merujuk kepada Rajah 4.14, contoh simbol ini terdiri daripada beberapa unsur dan prinsip rekaan seni seperti garisan, warna, rupa, bentuk, keseimbangan dan komposisi. Elemen garisan membolehkan bentuk simbol perisai menjadi cemerlang dan kontras dengan simbol lain. Unsur warna biru menunjukkan kesepadan. Unsur rupa yang ada dalam logo Bank Negara juga membuatkan semua simbol di dalamnya kelihatan harmoni. Walau bagaimanapun, unsur ruang menunjukkan keseimbangan elemen dari segi komposisi grafik.

Garisan, rupa dan warna simbol berkaitan antara satu sama lain yang terdapat dalam simbol kijang yang melambangkan kemewahan, cergas, kasual, aksi dan pergerakan (Rajah 4.14). Dengan merujuk kepada Rajah 4.14, beberapa jenis rupa disebut rupa kijang yang kasual kerana hanya unsur garisan sahaja. Rupa kijang yang ‘sporty’ memberi rupa yang estetik kerana menggunakan motif haiwan tempatan yang kebanyakannya bercirikan nasional. Mempunyai gaya kekuasaan dan kekuatan yang digambarkan melalui motif matahari. Aksi dan pergerakan ekor kijang seolah-olah sedang melibas ekornya. Pergerakan dan imej aksinya ditunjukkan oleh pergerakan garisan dan sifat reka bentuk kijang tersebut. Gaya dan rupa simbol adalah sifat psikologi untuk lambang (Werkman, 1974).



Rajah 4.14: Unsur-unsur seni rekaan dalam simbol.

4.13 Ringkasan Motif Pada Simbol

Terdapat motif berupa simbol-simbol lain dalam logo Bank Negara Malaysia. Motif berupa simbol-simbol tertentu yang dimasukkan ke dalam logo bank tersebut.

Hasil analisis penulis mendapati motif adalah salah satu elemen visual dalam simbol yang mencipta imej logo Bank Negara Malaysia. Motif dalam simbol boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu motif prima dan sekunder. Motif kijang, matahari dan bulan sabit adalah motif-motif yang terdapat dalam logo Bank Negara namun motif kijang adalah motif prima diikuti oleh bulan sabit dan matahari sebagai motif sekunder. Motif bulan sabit dan matahari yang terdapat pada logo Bank Negara Malaysia hanyalah untuk tujuan hiasan semata-mata dan ia dipanggil motif untuk mencipta imej tertentu pada simbol berdasarkan jenis dan kegunaannya.

Penggunaan simbol haiwan berupa organik dan mempunyai sifat tertentu adalah motif utama yang terdapat pada simbol kijang dalam logo Bank Negara Malaysia. Penemuan motif haiwan yang banyak digunakan bukan sahaja dalam logo Bank Negara Malaysia malah pada logo-logo bank dan syarikat korporat terkenal di Malaysia sebagai logo korporat mereka. Terdapat kombinasi logo korporat, jenama dan nama yang boleh dikelaskan sebagai motif abjad dan haiwan. Motif kijang dibuat berdasarkan rupa kijang tempatan yang ditemui secara liar di dalam hutan.

Motif kijang dapat divisualkan dengan kaedah dua dimensi dan tiga dimensi sama ada melalui cetakan pada permukaan kertas dan kaedah tiga dimensi iaitu rupa atau motif kijang yang ditempa dengan ukiran di atas permukaan duit syiling. Warna motif utama simbol kijang pada logo adalah warna biru dan tiada warna lain bagi motif sekunder.

Sehingga kajian ini dijalankan, motif dalam simbol terdiri daripada semua unsur yang ada di dalamnya termasuk logo. Motif merupakan aspek penting untuk menyokong penciptaan beberapa imej untuk simbol. Motif pada simbol boleh

diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu motif prima dan motif sekunder (Rajah 4.15).

Motif prima ialah objek. Ia merupakan motif yang penting dan banyak ditonjolkan berbanding motif sekunder yang hanya digunakan sebagai sokongan atau kelebihan kepada motif prima (Werkman, 1974). Dengan merujuk kepada simbol Rajah 4.15, motif yang ditandakan sebagai "A" adalah motif prima, manakala motif yang ditandakan sebagai "B" adalah motif sekunder. Motif prima adalah lebih penting daripada motif sekunder.



Rajah 4.15: Tanda "A" adalah motif prima, manakala tanda "B" adalah motif sekunder.

Motif prima pada simbol kijang mestilah menonjol, mudah dilihat dan menarik perhatian berbanding dengan motif sekunder seperti matahari dan bulan sabit. Berdasarkan pemerhatian contoh simbol dan motif haiwan yang sering digunakan sebagai simbol sesebuah bank biasanya digunakan bersama abjad, angka, kaligrafi. Penggunaan motif haiwan pada simbol atau logo bank tidak begitu popular berbanding dengan penggunaan motif abjad, angka dan geometri.

Motif atau corak geometri merupakan motif yang popular dalam simbol. Motif geometri muncul seperti bentuk empat segi, bercorak geometri, bujur, bulat dan lain-lain corak. Sifat semula jadi merujuk kepada bentuk atau corak seperti gunung, benda, pokok dan objek semula jadi yang lain. Akhirnya motif organik adalah simbol utama dalam logo Bank Negara yang mengangkat kijang sebagai simbol utama dalam logo Bank Negara Malaysia. Berdasarkan pemerhatian dari data mengenai simbol yang terkumpul, didapati bahawa simbol dapat dibezakan dengan motifnya. Simbol dengan hanya motif grafik dipanggil tanda penghubung.

Kajian ini juga mendapati bahawa simbol pada logo Bank Negara adalah berdasarkan beberapa aspek penting yang diambil. Aspek penting tersebut adalah nilai estetika, pemasaran, teknikal dan praktikal. Aspek estetika merangkumi prinsip reka bentuk seperti keseimbangan, perpaduan, keharmonian, kontra dan irama. Aspek kedua adalah pemasaran yang termasuk strategi pemasaran dan konsep pengiklanan seperti ‘*trend*’ rekaan, gaya dan isu yang dapat mempengaruhi orang ramai. Aspek yang ketiga merupakan aspek teknikal pada logo. Aspek keempat adalah berdasarkan lokasi praktikal atau tempat logo itu ditetapkan pada mana-mana bahagian. Aspek praktikal ini didasarkan pada fungsi simbol sebagai tanda tarikan, keperluan grafik serta mudah dilihat oleh orang.

4.14 Ikonografi Simbol Kijang Dalam Logo Bank Negara



Rajah 4.16: Logo Bank Negara Malaysia (Ilustrasi oleh penulis 2016).

Menurut pendapat Dr. Marzudi bin Md Yunus, Pensyarah Kanan dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya menyatakan hasil dari temu bual yang dijalankan ialah seperti berikut:

- Artis mereka logo Bank Negara ini dengan simbol kijang sebagai simbol utama logo pada bahagian bawah.
- Warna biru digunakan untuk mencantikkan kijang. Pada masa yang sama artis juga menggunakan beberapa unsur-unsur rekaan seperti garisan, rupa, warna dan ruang untuk melengkapi komposisi keseluruhan logo.
- Motif berupa bulatan yang merupakan sebahagian simbol logo ini diwarnakan dengan biru gelap melatari belakang kijang. Artis menggunakan warna putih pada kijang, menyerlahkan lagi motif kijang.
- Motif kijang mengisi bahagian bawah logo di tengah pusat kedudukan.
- Artis menggunakan teknik keterbalikan warna biru kepada putih untuk menonjolkan kijang.
- Pada latar belakang, artis menekankan pada warna yang kosong untuk menyerlahkan makna cerita dan falsafah di sebalik simbol yang digunakan dalam logo ini.

- Secara keseluruhan, artis menggunakan teknik rupa untuk menaikkan simbol dan warna.
- Semua subjek dan motif yang dipilih oleh artis jelas menekankan kepada kepentingan simbol-simbol dalam warisan dan budaya Melayu.
- Kijang mempunyai peranan dalam budaya Melayu terutamanya bagi masyarakat yang tinggal berhampiran dengan hutan. Mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan kijang dan ia menjadi simbol kelincahan.
- Sifat kijang yang liar bergerak bebas di hutan ibarat memerhatikan bulan dan matahari di langit tinggi merupakan simbolik cerita logo ini.
- Oleh itu, kijang mempunyai tempat istimewa dalam masyarakat Melayu dan simbol kepada Melayu sendiri.
- Kijang, bulan sabit dan matahari sering berkait rapat antara satu sama lain. Ketiga-tiganya tidak boleh dipisahkan kerana hubungan alam semula jadi yang sangat kuat.
- Simbol dan motif kijang dalam kalangan masyarakat Melayu boleh ditemui bukan sahaja di atas duit kertas Malaysia tetapi wujudnya dan penerapannya dapat dilihat di kesultanan Kelantan, jata, stupa dan cenderamata malah nama bangunan turut dinamakan ‘Sasana Kijang’.
- Salah satu artifak yang paling terkenal adalah duit syiling emas kijang.
- Kijang diukir pada dinar emas Kelantan dalam rupa dan bentuk asalnya. Ia berasal dari seekor kijang. Disebabkan ekor kijang yang direka panjang daripada ekor sebenar namun ia tidak menghilangkan ciri asalnya.
- Artis menggunakan simbol kijang, bulan sabit dan matahari untuk mencipta cerita yang mempunyai kaitan antara satu sama lain.
- Penggunaan simbol kijang di Kelantan mencerminkan pemahaman artistik rakyat dari perspektif falsafah Melayu.
- Simbol kijang berkait rapat dengan identiti budaya Melayu dan keindahan haiwan unik ciptaan Tuhan.
- Di sebalik keindahan haiwan kijang pada logo bank ini, tersembunyi pemahaman tentang falsafah subjek tersebut.
- Simbol kijang dalam logo Bank Negara digunakan kerana motif ini digunakan secara meluas dalam himpunan cerita dongeng dan hikayat Melayu.
- Dengan motif tambahan seperti matahari dan bulan sabit, menjadikan kesepadan simbol-simbol yang penting antara satu motif dengan yang lain.

- Kijang dalam logo ini jelas menekankan simbol lambang kebebasan kerana bentuk fizikalnya yang mampu berlari bebas di bumi. Ini menggambarkan betapa bebasnya kita menjalani proses kehidupan.
- Banyak budaya di seluruh dunia menggambarkan kijang sebagai haiwan yang penuh semangat, kelincahan, kepintaran dan kebanggaan.
- Ini dapat dilihat daripada cara haiwan itu berlari bebas di hutan dengan penuh kebanggaan dan kebebasan. Pantas, lincah, kuat dan kadang-kadang kelihatan penuh aksi gaya yang lemah gemalai.
- Cara kijang memberi isyarat bahaya menambah kepada nilai unik yang utama pada haiwan tersebut.
- Kijang boleh berjalan di tanah dan berlari di bukit seperti manusia dan kijang juga mempunyai kemampuan untuk pergi dengan bebas kerana itulah banyak budaya percaya bahawa mereka melambangkan kehidupan abadi; hubungan antara langit dan bumi.
- Dalam logo Bank Negara simbol kijang menjadi tanda kepada tradisi dan budaya.

4.14.1 Tafsiran Peribadi

Dalam logo ini, artis menggunakan satu warna biru yang bersifat universal. Oleh itu, warna biru bercirikan kekuatan, boleh dipercayai dan merupakan agen komunikasi visual yang berwibawa untuk sebuah organisasi bagi sebuah bank seperti Bank Negara Malaysia. Di samping itu, motif kijang, matahari dan bulan sabit dalam logo ini telah mewujudkan satu bentuk irama dan pergerakan. Walau bagaimanapun, menggunakan warna biru dan putih dalam latar belakang membuatkan logo bersifat mendatar dan membosankan kerana warna latar belakang yang terlalu mudah menjadikan penonton tidak terlalu menumpukan pada elemen dan motif yang lain. Walaupun melihat warna latar belakang seperti kosong namun menggunakan hanya satu warna untuk menghasilkan sebuah logo sudah cukup memberikan impak kepada penonton dan mudah diingati, selain itu warna biru juga membuat perasaan tenang dan harmoni kerana ia berkaitan dengan langit dan laut. Dalam hal ini juga, responden dalam

wawancara ada menyebutkan, "biru didefinisikan sarat dengan emosi, kesedihan dan tekanan".

Selain itu, tidak ada kemungkinan untuk melihat emosi dalam setiap simbol kijang atau matahari atau bulan sabit kerana semua rupa setiap simbol tersebut telah direka dengan ringkas dan ada yang tidak jelas sehingga kini iaitu kenapa rupa ekor kijang itu direka dengan panjang. Hakikatnya ekor kijang yang sebenar hanya pendek dan tidak seperti digambarkan dalam logo tersebut. Masih ada rasa keraguan dan pertanyaan sehingga kini sebab rupa kijang kijang tersebut sedemikian rupa tanpa jawapan yang konkret. Dalam erti kata lain, terdapat rasa tidak puas hati pada simbol kijang itu kerana dilihat terlalu kontra dan berlawanan dengan rupa kijang yang sebenarnya, ini menggambarkan bahawa persoalan mereka serius sehingga simbol ini seolah-olah menjadi perdebatan di antara satu sama lain tanpa kepastian, mengundang spekulasi dan kecaman kerana mereka bebas menyuarakan pendapat masing-masing.

Tambahan pula, simbol-simbol yang mempunyai makna yang berbeza apabila diletakkan secara besama dalam satu zon kedamaian kerana berwarna biru, zon kekuatan kerana terdapat simbol matahari atau zon keagamaan kerana bulan sabit sinonim dengan Islam. Persoalan-persoalan ini membuatkan penonton berada dalam situasi kebingungan sama ada ingin berasa tenang dengan warna yang mendamaikan atau ingin berasa berkuasa seperti kuatnya simbol matahari atau juga ingin berasa penuh keislaman oleh kerana makna yang cukup jelas menggambarkan simbol bulan sabit. Akhirnya ia boleh mewujudkan satu gambaran perasaan tidak puas hati kerana terlalu banyak elemen dan simbol yang hendak digambarkan dalam sebuah logo Bank Negara. Walaupun logo simbol ini boleh dikatakan hanya sebuah ekspresi dari seorang artis terhadap simbol-simbol tertentu namun ia telah memberi satu perspektif yang berbeza

apabila melihat dan menghayati logo Bank Negara Malaysia dengan lebih mendalam. Pakar akademik yang di temui bual ada memberitahu penulis, bahawa simbol dalam logo ini akan mencari dirinya atau identitinya, apa yang dicerminkan dalam logo Bank Negara ini menjelaskan bahawa setiap simbol dalam logo telah melambangkannya satu pencarian jawapan kepada semua persoalan yang pernah dan sedang berlaku.

Mengikut ungkapan penulis, logo ini memaparkan sebuah perjuangan kebudayaan Melayu. Logo ini melambangkan simbol sebuah perjuangan kerana dimulakan dengan seekor kijang yang berpijak di tanah sedang mengharungi kembara perjuangan menuju ke alam semesta. Oleh itu, tidak ada kesalahan atau kebenaran ketika simbol kijang ini direka seolah-olah memulakan perjuangan dengan dirinya sendiri yang ingin merentasi lapisan langit. Walau bagaimanapun, ia mungkin dapat disimpulkan sebagai semangat ingin tahu yang mendalam dan mempunyai suatu niat baik dan murni atas sebuah perjuangan. Namun akhirnya sebagai haiwan yang penuh sifat kepintaran, maka ia sepatutnya menjadi permulaan sebuah pengembalaan semangat kental tanpa batasan. Tidak syak lagi, ia boleh diibaratkan seperti manusia yang sememangnya mempunyai satu perasaan ingin menjadi lebih baik kepada lebih kuat dan berkuasa. Dari pandangan penulis, elemen kekuatan, kedamaian dan keislaman dalam sebuah kumpulan di sebelah bawah, kiri dan kanan seharusnya diberi lebih pencerahan yang jelas tentang makna sebenar simbol-simbol tersebut itu direka sedemikian.

Akhirnya, tidak mungkin penulis dapat mengetahui semua perasaan penonton apabila menghayati logo Bank Negara ini atau penulis hanya semata-mata untuk menggambarkan sebuah rekaan logo tanpa sebarang makna yang mendalam

disebaliknya. Oleh itu, ia menjadikan penonton bebas untuk menilai berdasarkan perasaan mereka terhadap simbol yang ada dalam logo tersebut.

4.14.2 Ciri-ciri Utama Dalam Logo Bank Negara

Penulis tertarik dengan keunikan simbol kijang, jadi penulis telah mendapati simbol kijang ini sebagai simbolik dan kiasan untuk sebuah penyatuan pelbagai elemen (untuk melakukan pengembalaan) khususnya berpindah dari satu tempat habitat ke suatu tempat yang lain. Dari segi jenis sebegini, kijang akan melakukan pergerakan gaya bebas dengan beberapa langkah yang comel selain cuba untuk menyesuaikan dengan persekitaran yang baharu. Kijang tidak menyerang dan bertindak ganas jika ia sedang terancam sebaliknya haiwan ini seperti mempunyai sifat pertahanan diri dan tidak mengendahkan pihak yang mengancamnya walaupun tahu dirinya dalam bahaya.

Melihat logo bank ini, kedudukan kijang seolah-olah menoleh ke arah sesuatu lokasi atau tempat, kijang melakukan aksi gaya ekornya seperti melibas ke atas. Simbol ekor ke atas dan melibas ini seolah-olah memberi isyarat tertentu sama ada berada di dalam zon bahaya atau terdapat musuh di persekitaran. Kijang akan memberi satu isyarat unik tertentu sebagai satu agen komunikasi di kalangan mereka supaya mencari tempat perlindungan dan segera menyelamatkan diri bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini seperti dimakan haiwan pemangsa atau diburu oleh pemburu haram.

Isyarat unik ini memberikan satu idea apabila berhadapan dengan musuh maka dengan segera bergerak ke kawasan yang lebih selamat. Selain itu, aksi mengangkat ekor ini juga memberi banyak versi selain isyarat bahaya. Di sini penulis

menggambarkan kijang sedang mengalami normal kehidupan haiwan seperti perasaan kemesraan dan kegembiraan.

Selain itu, simbol kijang yang terletak di tengah pusat logo dan di bahagian yang paling besar kedudukannya serta mempunyai warna cerah menjadikan simbol kijang lebih kelihatan dominan daripada simbol-simbol yang lain. Kaki kijang menggambarkan ia cuba bergerak dan berjalan ke hadapan dan jelas seperti sedang membuat kawad jalan kaki. Arah mata kijang tidak dapat dipastikan sama ada memandang ke hadapan atau sebaliknya kerana tiada sebarang tanda atau unsur berbentuk mata dalam simbol kijang tersebut. Kaki kijang direka sedang memijak tanah dan ia cuba untuk membuat keseimbangan walaupun tidak dapat dipastikan sama ada kijang sedang berjalan atau berlari. Namun, jika isyarat ekor menunjukkan ia naik ke bahagian atas penulis beranggapan kijang sedang dalam proses berjaga-jaga.

Dari segi konsep warna biru laut yang melatari warna logo Bank Negara ini memberi satu persepsi misteri atau realiti kerana warna biru menjadikan logo bank ini bersifat universal dalam pelbagai tafsiran. Logo ini mempunyai latar belakang warna yang mudah dan semula jadi telah membezakan bahagian kecerahan dan kegelapan dan setiap simbol telah digabungkan ke dalam salah satu logo yang bersepadu. Artis telah mereka simbol kijang ini dengan rupa bentuk yang lebih besar daripada simbol-simbol lain tetapi dia telah meletakkannya di pusat tumpuan logo bank ini dengan penggunaan warna cerah yang membuat penonton secara tidak sengaja akan melihat simbol kijang itu terlebih dahulu. Simbol kijang ini telah memberi kesan misteri kerana artis tidak mereka ekor kijang dengan saiz yang tepat sepenuhnya sama ada artis sedar atau sebaliknya tidak dapat dibuktikan sebab dia berbuat demikian.

Selain itu, simbol lain telah direka lebih kecil daripada simbol kijang kerana artis terlalu menekankan pada simbol kijang yang dominan bagi menyokong bukti kekuatan. Jelas sekali ia dapat dilihat dari saiz badannya, simbol yang direka sedikit besar ini telah menunjukkan makna kekuatan dan meyakinkan. Walaupun rupa kijang tidak kelihatan seperti rupa sebenar kijang namun ia tetap menarik perhatian kerana mempunyai keunikan dan perbezaan. Simbol kijang ini diletakkan hampir dari bahagian tengah logo ke bawah pusat bulatan.

Di samping itu, artis mereka simbol-simbol lain kepada separuh lagi di bahagian atas simbol kijang yang membuat komposisi simbol-simbol menjadi kukuh dan kuat. Lihatlah simbol kijang sekali lagi, kijang telah diletakkan dalam kedudukan hampir dekat dengan matahari berkedudukan di kiri sementara bulan sabit berada di kedudukan kanannya. Simbol kijang dengan saiz yang besar di dalam logo ini, mewakili rasa kuasa, naluri dan semangat yang kuat. Artis mereka dengan kontras warna yang kuat, telah menonjolkan simbol-simbol yang berlatar warna biru gelap itu yang mampu membawa maksud sifat yang bertanggungjawab, kekuatan dan kepercayaan.

Simbol kijang lebih dominan daripada simbol-simbol lain seolah-olah ia mempunyai kekuatan tersendiri, namun artis mereka simbol kijang ini dalam rupa separa realiti dan gambaran ilusi yang menggambarkan seekor kijang sebagai simbol penuh dengan jiwa yang kental, aksi kelincahan atau kekuatannya diinspirasikan dengan penambahan berlebih-lebihan pada ekornya supaya kelihatan unik, berbeza dan tersendiri. Artis telah menggunakan unsur ruang yang besar bagi membezakan simbol kijang supaya gambaran aksi dan kelincahan haiwan itu dapat dizahirkan dalam bentuk yang ringkas.

Komposisi simbol kijang mengikut logik akal berada di bumi dan kedudukan simbol matahari diletakkan jauh dan saiznya sengaja direka kecil oleh artis untuk menunjukkan betapa ratusan juta kilometer jauhnya matahari dari bumi manakala simbol bulan sabit hanya ratusan ribu kilometer jauhnya dari bumi yang sentiasa mengelilingi bumi untuk menyinari malam planet bumi di mana tinggalnya haiwan ini.

Sebagai contoh, jata Negeri Kelantan secara kebetulan juga bersimbol kijang yang turut dikaitkan dengan negeri ini tentang cerita Che Siti Wan Kembang yang memelihara kijang sehingga diabadikan di dalam syiling emas Kelantan ketika itu. Namun pendapat penulis mengenai persamaan konsep komposisi ini hanya sebuah kajian pemerhatian dalam melihat dari aspek sudut rekaan, jelaslah bahawa simbol kijang begitu kuat daya tarikan kepada sebuah organisasi yang signifikan dengan penggunaan simbol haiwan ini walaupun konsep dalam kedua-dua logo sangat berbeza sama sekali namun hanya simbol kijang dan bulan sabit sahaja yang sama penggunaannya.



Rajah 4.17: Kijang dalam jata Negeri Kelantan.

Dalam logo jata Negeri Melaka ini terdapat simbol haiwan dari spesies keluarga kijang iaitu pelanduk yang kelihatan sedang menunjukkan aksi berdiri di atas tanah dan

melihat kepada simbol bulan sabit dan bintang di atasnya. Jata Negeri Melaka yang mempunyai simbol pelanduk menceritakan permulaan asal-usul Negeri Melaka iaitu bagaimana kisah pelanduk putih yang ditemui oleh Parameswara ketika itu sedang berehat di bawah sebuah pohon bernama Melaka. Simbol pelanduk dalam jata ini digambarkan berdiri gagah mendongak tepat ke arah simbol bulan sabit dan bintang.


Simbol pelanduk ini menggambarkan seolah-olah pelanduk sedang cuba meneroka sesuatu dan ingin mencapai hasrat hatinya. Simbol pelanduk ini berwarna coklat keperangan yang merupakan warna asal pelanduk yang mempunyai bulu keperangan dan persamaan ini menunjukkan bagaimana minda penonton akan menilai sendiri tentang makna mengenai simbol haiwan. Simbol pelanduk digambarkan seakan mencari sesuatu dengan mengangkat badannya ke satu tahap tertinggi. Simbol haiwan, kosmos dan alam semula jadi digabungkan bersama dan diletakkan di zon yang lebih ringan. Ketiga-tiga simbol ini juga adalah penggabungan untuk membentuk sebuah komposisi kesepaduan yang sama namun memberi maksud yang berbeza.



Rajah 4.18: Pelanduk dalam jata Negeri Melaka.

Ilustrasi Che Siti Wan Kembang sedang memegang kijang diabadikan dalam sebuah lukisan yang tidak dikenali pelukis asal lukisan ini namun ia memaparkan seorang wanita dipercayai gambaran Che Siti Wan Kembang dengan aksi binatang kesayangannya iaitu kijang. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kijang digambarkan dalam dua kedudukan berbeza iaitu sebagai haiwan yang disayangi dan yang sangat pintar. Sejak zaman dahulu sehingga sekarang, banyak versi kijang diterjemahkan dengan simbol tersendiri sama ada rupa yang sebenar atau tidak namun tetap memberi sesuatu makna disebalik ia ditampilkan menjadi subjek utama supaya dapat mencabar pemikiran seni penonton sendiri.

Dalam Rajah 4.19, lukisan menggunakan warna merah bagi persalinan pakaian wanita ini bersama perhiasan aksesori yang dipakai pada wajah dan badannya. Begitu juga, dia menggunakan warna hijau sebagai warna tema untuk latar belakangnya untuk menggambarkan kehijauan hutan semula jadi. Lukisan ini mempunyai persekitaran yang berbeza dan kedua-duanya menggambarkan wanita cantik, haiwan kesayangan dan alam hutan. Lukisan ini cuba menceritakan kepada penonton mengenai alam fantasi yang tiada penghujungnya



Rajah 4.19: Ilustrasi artis mengenai Che Siti Wan Kembang bersama kijang.

4.14.3 Impak Terhadap Masyarakat Dan Budaya Melayu

Apabila Dasar Kebudayaan Nasional ditubuhkan berdasarkan budaya Melayu sebagai budaya utama Malaysia dan Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama negara. Agama Islam juga menjadi agama rasmi dan setiap elemen seni dalam budaya harus mengikut budaya cara hidup Islam dan perintah ajaran Islam. Peraturan ini telah memberi petunjuk kepada rakyat Malaysia untuk mengenali identiti mereka sendiri (Rajendran & Wee, 2007). Oleh itu, sejak 1971 seniman Melayu telah mula mencari tempat mereka dalam konteks Melayu baharu dan ia berterusan sehingga tahun 1990-an.

Melihat penggunaan simbol kijang atau pelanduk ini banyak didapati dalam logo dan merupakan lambang sebuah organisasi, ia mengubah persepsi penonton terhadap simbol haiwan terhadap logo dan sedikit-sebanyak telah meningkatkan kesedaran mengenai identiti Melayu dan Malaysia. Walaupun ia kelihatan simbol yang lebih

kurang sama tetapi ia memberi pentafsiran berbeza-beza mengikut penilaian penonton. Oleh itu, simbol haiwan yang sama dalam kedua-dua logo ini menjadi simbolik keunikan orang Melayu yang begitu menekankan identiti dan ciri-ciri kemelayuannya. Rajendran (2013) menyebutkan bahawa;

“1970-an adalah masa yang penuh dengan persoalan tentang keadaan masyarakat Malaysia, yang keluar dari peristiwa traumatis [rusuhan kaum 13 Mei 1969]. Terdapat banyak kekeliruan, ketidakpastian dan kehilangan keyakinan yang sangat besar dalam politik Malaysia dan budaya Malaysia...Kami ditolak untuk bertanya "Apakah budaya Malaysia?"

Tambahan lagi, seniman Malaysia masih mencari-cari konsep mereka sendiri dan mengenal identiti mereka. Jadi mereka telah kembali ke adat dan budaya mereka dahulu untuk membawa kembali gaya Melayu dalam karya seni. Jadi karya seni telah menggabungkan antara Islam dan identiti Melayu pada tahun 1970 dan 1980 (Mahamood, 2007).

Sejak tahun 1980-an filem animasi terutamanya filem pendek Malaysia dengan tema kancil dan juga beberapa filem haiwan lain terbitan Filem Negara Malaysia begitu popular di Malaysia. Seperti yang telah disebutkan sebelumnya, UiTM yang merupakan pusat pengasuhan dan mempromosikan seni Islam-Melayu semenjak tahun 1970-an. Dalam hal ini, Sarena Abdullah (2011) menyatakan;

“Semasa tahun 1970-an dan 1980-an, dengan pengisytiharan negara budaya dan kebangkitan Islam yang selari, para seniman Melayu mula

menyalurkan minat mereka terhadap budaya Melayu dan agama Islam ke dalam seni sebagai cara untuk menerangkan identiti mereka. Perkara ini sebenarnya terjadi di kalangan seniman Melayu yang belajar atau mengajar di Sekolah Seni dan Reka Bentuk di ITM”.

4.14.4 Aspek Gaya Dalam Simbol Kijang Dalam Logo Bank Negara

Simbol kijang ini telah menjadi ungkapan dalam masyarakat pribumi. Ia dapat dilihat bahawa artis telah mencatatkan sejarah dengan penuh semangat terutamanya terhadap kepentingan simbol kijang yang merupakan simbol kemelayuan yang luar biasa di Malaysia. Artis menggambarkan simbol kijang berbeza daripada rupa asal kijang sebenar iaitu dari segi aspek fizikal ekornya. Namun untuk menunjukkan isyarat istimewa dan unik yang dimiliki oleh kijang ini, rekaan ekor sengaja dilebih-lebihkan gayanya agar kijang kelihatan seperti melibas ekornya.

Selain itu, artis menggambarkan bahawa simbol kijang ini sebagai pengaruh terbesar dalam kehidupan Melayu. Artis mengagumi simbol kijang bukan sahaja mempunyai nilai kebudayaan yang tinggi malah aspek seni yang di angkat menjadi suatu simbol yang lebih kuat untuk Bank Negara. Kini dapat dilihat, simbolik kekuatan dalam logo Bank Negara ini, simbol kijang itu dapat dirasai, kehidupan dan keunikan haiwan ini sebenarnya. Di samping itu, dalam perspektif lain artis telah menarik perhatian kepada penonton dengan jati diri kemelayuan yang kuat, tepat dan semangat untuk melakar kejayaan pada masa depan yang cemerlang.

Simbol kijang dalam logo Bank Negara Malaysia, bukan hanya sekadar logo semata-mata namun sebuah interpretasi seni budaya Melayu. Ia adalah satu jawapan

kepada semua aspirasi dan cabaran Bank Negara sepanjang masa. Semua keraguan dan persepsi yang timbul mengenai simbol kijang sebelum ini bukan isu besar untuk diperdebatkan. Simbol kijang merupakan cara bagi untuk menyatakan perasaan kebudayaan Melayu. Simbol kijang untuk logo Bank Negara juga adalah simbolik kehidupan masyarakat Melayu sebenarnya. Simbol haiwan ini telah mengajar kita supaya lebih kuat supaya menjadi pintar dan mempunyai nilai harga diri yang tinggi supaya dapat mencapai cita-cita yang dihajati.

4.14.5 Falsafah

Artis menggambarkan simbol kijang ini sebagai simbolik jati diri Melayu yang tinggi dalam seni logo. Oleh itu, inilah tujuan dan masa lambang simbol kijang itu diceritakan kepada semua orang supaya lebih menghargai seni budaya Melayu. Dalam istilah ini, terdapat kepintaran, ada ketangkasan dan ciri kemelayuan yang kuat. Artis telah menggunakan warna biru yang kuat untuk mewakili masa depan bank ini dan ia kekal sebagai misteri sehingga kini. Selain itu, simbol kijang dalam keadaan komposisi saiz yang besar berbanding simbol-simbol lain telah melambangkan masa depan dan sebuah aspirasi yang penuh cabaran.

Warna biru tua mewujudkan unsur keharmonian, titik fokus utama simbol kijang dalam logo ini adalah warna biru sahaja. Selain itu, elemen pergerakan walaupun ekor kijang ini melibas seperti menunjukkan seolah-olah pergerakan, tetapi hanya satu elemen aksi sahaja dapat ditemui dalam logo ini.


Berdasarkan penyelidikan ini, penulis menyatakan simbol utama kaum Melayu, dapat dilihat dengan jelas iaitu simbolik warisan Melayu lama. Simbol kijang diibaratkan budaya agung bangsa Melayu dan adalah lambang orang Melayu itu sendiri.

Simbol kijang ini juga menggambarkan identiti ketuanan Melayu. Sebaliknya, bukan Melayu tidak dapat dikaitkan dengan simbol ini kerana mereka tidak berada dalam konteks budaya Melayu walaupun mereka menyifatkan ini adalah pertembungan budaya antara dunia.

Di samping itu, dari segi gaya hidup masyarakat Melayu merasa lebih dekat dengan simbol kijang ini kerana ia tidak menjadikan haiwan seperti naga dan burung merak sebagai simbolik dalam kehidupan mereka secara berlebihan. Bukan Melayu tidak membawa simbol kijang ini sebagai peradaban kebudayaan mereka kerana simbol kijang tidak memberi mereka apa-apa makna kepada masyarakat mereka. Simbol kijang berdasarkan perasaan jati diri bangsa yang kaya dengan semangat patriotisme, oleh itu simbol kijang ialah seni dalam budaya Melayu dan kewujudannya sejak empayar kesultanan Melayu Melaka.

Jelas sekali, simbol kijang dengan sejarahnya yang panjang memberi ilham dan perasaan nasionalisme yang tinggi dalam logo Bank Negara. Simbol kijang sebagai sebahagian daripada konteks budaya Malaysia yang dimiliki oleh setiap orang Melayu. Oleh itu, ia merupakan elemen gaya hidup Melayu. Walaupun simbol kijang ini telah menggambarkan semangat kemelayuan yang jelas, namun artis berjaya mereka simbol yang mempunyai kesan jiwa yang baik dan positif serta penyayang. Sebagai contoh, artis adalah pelukis yang realistik, menyukai alam semula jadi, cintakan kedamaian dan berjiwa patriotik yang tinggi.

4.15 Ikonografi Simbol Kijang Dalam Stupa Borubudur



Rajah 4.20: Simbol kijang di Borobudur, Jawa, Indonesia.

Menurut pendapat Dr. Ruzeika Omar Basaree seorang artis terkenal dan bekas pensyarah di Universiti Malaya menyatakan hasil dari temu bual yang dijalankan ialah seperti berikut:

- Dalam masyarakat hindu, terutamanya di Indonesia, ukiran arca telah dikembangkan menjadi satu bentuk kesenian. Ukiran arca pada batu yang berkualiti tinggi boleh dilihat di stupa-stupa lama mereka di Borobudur, Jawa. Secara umum batu yang digunakan adalah batu kerikil dan kedua-duanya adalah sangat keras dan tahan lama.
- Kerja-kerja ukiran yang sangat baik dilakukan dalam rupa dan bentuk kijang, tanduk, badan dan ekor penuh dengan seni ukiran tradisional. Ia juga turut digunakan dalam ukiran kesenian Melayu.
- Corak atau motif kijang disesuaikan mengikut kedudukan di mana ukiran itu dibuat. Motif yang digunakan biasanya berbentuk haiwan dan organik.
- Kijang sesuai sebagai motif dalam pelbagai jenis ukiran kerana ia mewakili keindahan alam semesta dan tidak menyinggung perasaan orang-orang Islam atau lain-lain fahaman keagamaan.
- Penganut agama dan golongan bangsawan merupakan antara yang menggunakan stupa.
- Ukiran-ukiran kijang yang indah yang dihasilkan di stupa dikaitkan dengan simbol status peradaban dan secara tidak langsung telah memberi inspirasi bagi seni ukiran duit syiling Melayu lama.

- Pada asalnya, ukiran kijang yang dihasilkan adalah sebahagian daripada aktiviti seni untuk tujuan keagamaan sahaja. Keadaan berubah apabila ukiran kijang diberikan tempat istimewa di dinding-dinding stupa. Tukang ukir berbakat dan berkemahiran tinggi dalam seni ini biasanya ditetapkan sebagai "Pengukir Diraja".
- Ukiran stupa ini dihiasi dengan hiasan kasar dan tidak begitu kemas.
- Ukiran kijang di stupa ini juga tidak di cat dengan warna sebaliknya ia dibiarkan dengan warna batu asal melapisi ukiran dari semua bahagian ukiran.
- Pada masa yang sama, pengukir membuat ukiran kijang pada pelbagai jenis bahagian pada dinding stupa yang mempunyai simbol kijang.
- Kijang berada di dinding stupa dalam pelbagai rupa dan cerita tersendiri. Reka bentuknya berfungsi untuk menyampaikan suatu nasihat apabila ia diukir dalam gambaran kehidupan alam.
- Bagi masyarakat Melayu, kijang merupakan sumber makanan yang paling penting dahulu kala kerana aktiviti memburu adalah sumber mencari rezeki.
- Kijang diukir sedemikian rupa di dinding stupa adalah sebagai simbol untuk menceritakan keadaan ekosistem alam semula jadi dan kehidupan manusia.
- Kijang tersebut diukir secara kasar pada setiap dinding dan ruang stupa.
- Ukiran ini mempunyai fungsi tertentu, contohnya seekor kijang dapat meramalkan kawasan yang banyak sumber rezeki di hutan dan ini menunjukkan betapa cekapnya mereka mendapatkan makanan dari hasil hutan.
- Kehidupan kijang turut dikaitkan dengan kehidupan Melayu yang semata-mata bergantung kepada hutan sebagai sumber makanan.
- Kijang adalah sumber dorongan dan ketabahan yang diperlukan oleh Melayu ketika mereka berada di hutan.
- Terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa fungsi kijang juga adalah untuk membantu pemburu dari menjadi mangsa binatang buas yang lain.
- Dalam budaya Melayu, kijang memainkan peranan penting dalam cara dan gaya hidup Melayu. Ini kerana kijang menjadi simbol semangat tinggi bagi orang-orang Melayu selain menjadi perhiasan semata-mata.

4.15.1 Tafsiran Peribadi

Stupa “*The Panchatantra*” yang terdapat di Borobudur, Indonesia ini menggambarkan ukiran batu berbentuk simbol seekor kijang yang sedang duduk

menyimpulkan keempat-empat kakinya. Dari ukiran simbol kijang ini jelas, ia merupakan sebahagian daripada simbolik upacara ritual kesucian dan kepercayaan oleh masyarakat Hindu. “*The Pachatanra*” ini merupakan versi kisah-kisah kuno Hindu yang dikaitkan dengan Vishnu Sherma sekitar tahun 300 sebelum masihi dan ia merupakan himpunan cerita-cerita dongeng mengenai haiwan yang seakan-akan sama dengan hikayat sang kancil di Malaysia.

Kisah-kisah dongeng Jataka ialah kisah-kisah kehidupan Buddha sebelum dirinya dipanggil Bodhisattva. Cerita sebegini, kadang-kadang disebut “*The Golden Dear*” atau Rusa Emas yang muncul dalam Canon Pali (sebagai Ruru Jataka atau Jataka 482) dan di Jatakamala Arya Sura. Setelah Bodhisattva dilahirkan sebagai rusa jantan, dia membuat rumahnya jauh di dalam hutan yang subur. Jataka adalah rusa yang sangat indah dengan bulu keemasan yang berkilat seperti permata berwarna-warni. Matanya biru seperti nilam dan tanduk serta kukunya bersinar seperti kilauan batu berharga (Barbara O’Brien, 2017).

Bodhisattva menyedari penampilannya yang mempesonakan akan menjadikan dirinya mudah ditangkap, dibunuh dan kecantikan dirinya yang unik itu akan dihias di dinding. Oleh itu, rusa jantan ini membuat keputusan untuk menetap sahaja di dalam hutan yang tebal di mana manusia jarang menerokainya. Oleh kerana kebijaksanaannya, rusa jantan akhirnya mendapat penghormatan dari kalangan makhluk hutan yang lain. Dia membimbing haiwan lain di dalam hutan dan bertindak sebagai raja mereka, dia mengajar mereka bagaimana untuk mengelakkan jerat dan perangkap pemburu (Barbara O’Brien, 2017).



Rajah 4.21: Simbol rusa emas memainkan peranan dalam kisah Ramayana India yang bermula dari 1500 SM hingga 100 SM.

Suatu hari rusa emas ini mendengar tangisan seorang lelaki dari jeram yang arus sungai deras seperti hujan. Bodhisattva berseru dengan nada suara manusia, "Jangan takut!" Semasa dia menghampiri sungai, nampaknya lelaki itu memberi hadiah yang berharga iaitu air. Bodhisattva menguatkan dirinya dengan membenarkan lelaki yang letih itu untuk memanjat ke atas punggungnya. Dia membawa lelaki itu ke kawasan yang selamat dan menghangatkan lelaki itu dengan bulunya (Barbara O'Brien, 2017).

Lelaki yang duduk bersebelahan dengannya berasa bersyukur dan mengagumi rusa yang luar biasa. "Tiada siapa pernah melakukan apa-apa kepada saya seperti yang anda buat hari ini," katanya. "Hidup saya adalah milikmu, apa yang boleh saya lakukan untuk membayar anda?" Untuk itu, Bodhisattva berkata, "Apa yang saya minta ialah anda tidak memberitahu orang lain mengenai saya, jika orang tahu kewujudan saya, mereka akan memburu saya." Jadi lelaki itu berjanji untuk menyimpan rahsia rusa itu.

Kemudian dia terus memulakan perjalanan balik untuk kembali ke rumahnya (Barbara O'Brien, 2017).



Rajah 4.22: Simbol kijang di Borobudur, Jawa, Indonesia.

Pada masa itu, di negara ini mempunyai seorang ratu yang boleh melihat perkara-perkara luar biasa dalam mimpi yang akhirnya menjadi kenyataan. Suatu malam dia bermimpi tentang rusa emas yang pintar dan berkilat seperti permata. Rusa dilihat sedang berdiri di atas takhta, dikelilingi oleh keluarga diraja dan mengajar mantra menggunakan suara manusia. Ratu itu bangun dan pergi ke suaminya Raja, lalu memberitahu mimpinya yang menakjubkan ini dan dia meminta Raja pergi dan mencari rusa itu dan membawanya ke istana. Raja mempercayai cerita isterinya dan bersetuju untuk mencari rusa tersebut. Dia mengeluarkan satu pengisytiharan kepada semua pemburu untuk mencari rusa yang bersinar dengan tompokan warna emas yang banyak dibadannya. Siapa pun yang berjaya membawa rusa tersebut kepada raja maka akan menerima sebuah kampung yang kaya-raya serta sepuluh isteri yang cantik sebagai balasan.

Lelaki yang telah diselamatkan oleh rusa itu mendengar perintah Raja itu, dan dia berasa tidak tenteram dengan berita tersebut. Dia tetap berterima kasih kepada rusa, namun dia juga sangat miskin lalu dia membayangkan dirinya akan bergelut dengan kemiskinan sepanjang hayatnya. Kini kehidupan berada dalam genggamannya! Lantas apa yang perlu dia lakukan ialah memungkiri janjinya kepada rusa tersebut dengan memberitahu di mana rusa itu bersembunyi (Barbara O'Brien, 2017).

Semasa dia meneruskan perjalanananya, perasaannya dipenuhi dengan rasa syukur dan bernafsu. Akhirnya, dia mengatakan kepada dirinya sendiri sekiranya ingin menjadi orang kaya, dia perlu memungkiri janjinya. Sebagai penyelesaian, dia pergi mengadap Raja dan menawarkan dirinya untuk membawakan rusa yang dikehendaki. Raja itu berasa gembira lalu dia mengumpulkan sejumlah besar askar untuk pergi mencari rusa. Lelaki yang diselamatkan oleh rusa itu membimbing rombongan askar menyusuri sungai dan melalui hutan dan akhirnya mereka sampai ke tempat rusa tersebut yang ketika itu sedang meragut rumput tanpa berasa curiga (Barbara O'Brien, 2017).

"Di sini rusa itu, Yang Mulia," kata lelaki itu. Tetapi apabila dia mengangkat tangannya sambil menunjukkan tangannya, tiba-tiba tangannya jatuh seolah-olah ia telah dipotong dengan pedang. Raja telah melihat rusa emas itu yang berkilau di bawah matahari seperti permata yang berharga. Raja terus berkeinginan untuk mendapatkan makhluk yang indah ini lalu dia segera memasang anak panah ke busurnya. Bodhisattva sedar dia dikelilingi oleh pemburu. Daripada terus cuba melarikan diri, dia mendekati Raja dengan suara manusia; (Barbara O'Brien, 2017).

"Berhenti, wahai Putera Raja! Tolong jelaskan bagaimana Raja boleh menjumpai saya di sini?" Raja itu terkejut sambil meletakkan busurnya dan menunjukkan kepada lelaki yang diselamatkan dengan anak panahnya. Dan rusa itu berkata, "Sesungguhnya lebih baik mencari jalan keluar dari banjir daripada menyelamatkan orang yang tidak tahu berterima kasih daripadanya." Raja berkata "Kamu berkata-kata seperti sedang menyalahkan sesuatu, jadi apakah yang kamu maksudkan itu?"

"Saya tidak bercakap dengan niat untuk menyalahkan, Yang Mulia," kata rusa itu. "Saya bercakap dengan tepat kepada pelaku yang salah untuk mencegahnya berbuat salah lagi, sama seperti seorang ahli nujum yang berusaha keras dengan pelbagai ikhtiar untuk menyembuhkan anaknya sendiri. Saya bercakap dengan kasar kerana saya telah menyelamatkan lelaki ini dari bahaya dan sekarang dia membawa bahaya kepada saya."

(Barbara O'Brien, 2017).

Raja itu berpaling kepada lelaki yang diselamatkan. "Adakah ini benar?" dia tanya. Dan lelaki itu, yang kini penuh dengan penyesalan, memandang ke bawah dan berbisik, "Ya." Sekarang Raja semakin marah dan sekali lagi dia memasang anak panah ke busurnya. "Mengapa orang-orang yang paling rendah ini hidup lebih lama?" jeritnya. Tetapi Bodhisattva meletakkan dirinya di antara Raja dan orang yang diselamatkan. "Berhenti, Yang Mulia," katanya. "Janganlah menyerang orang yang telah dilanda penyakit." Rusa bergerak dan merendahkan diri kepada Raja. "Katakanlah, jika tuanku memaafkannya, demikian juga saya." Lalu Raja berjanji akan memberi ganjaran itu kepada orang yang dijanjikan kepadanya. Kemudian rusa emas dibawa ke ibu kota. Raja menjemput sang rusa berdiri di atas takhta dan membacakan mantra sebagaimana Ratu telah melihat dalam mimpiinya (Barbara O'Brien, 2017).

"Saya percaya semua perintah dapat disimpulkan seperti ini: Belas kasihan terhadap semua makhluk," kata rusa. "Manusia hendaklah berbelas kasihan kepada semua makhluk yang hidup dan menganggap semua makhluk sebagai keluarga mereka sendiri. Jika seseorang menganggap semua makhluk sebagai keluarganya sendiri, bagaimakah dia tergamak untuk merosakkannya? (Barbara O'Brien, 2017).

"Oleh sebab itu, orang-orang bijak tahu bahawa seluruh kebenaran wujud dalam perasaan belas kasihan. Raja yang dihormati, simpanlah ia di dalam hati dan amalkan sifat belas kasihan kepada rakyatmu seolah-olah mereka adalah anak-anakmu maka pemerintahanmu akan dimuliakan". Kemudian raja memuji kata-kata rusa emas dan akhirnya raja dan orang-orangnya mengamalkan sifat belas kasihan kepada semua makhluk dengan sepenuh hati mereka. Rusa emas kembali ke hutan manakala burung dan binatang menikmati alam kedamaian di kerajaan itu hingga ke hari ini (Barbara O'Brien, 2017).

4.15.2 Ciri-ciri Utama Dalam Stupa Borobudur

Rusa yang duduk bersimpuh keempat-empat kakinya apabila berada di tanah. Badan atasnya telah membongkok sedikit ke arah depan, posisi kaki depannya telah dilipatkan seolah-olah ia sedang berisitirehat. Untuk tujuan ini, posisi rusa ini menggambarkan ia sebagai haiwan yang tenang ketika sedang berehat namun menjadi agresif dan tangkas jika sebaliknya.

Walaupun sebahagian lagi kaki tidak kelihatan seolah-olah telah bersembunyi di belakang tubuhnya ia boleh disimpulkan bahawa setiap makna perilaku rusa itu dapat melambangkan kepercayaan, kesetiaan, kebijaksanaan, keyakinan, kecerdasan, kepercayaan dan kebenaran. Posisi rusa dalam keadaan separa tegak, kedudukan kaki

yang selari dan ukiran riak wajah yang kurang jelas. Lenggok tubuhnya membongkok ke hadapan sambil mengadap manakala kepalanya telah ditolak berhadapan melihat lawannya. Kelihatan ukiran tubuh rusa ini telah menggambarkan keseimbangan badannya kerana semua posisi kaki duduk. Namun kepala dan kaki depannya menggambarkan ia boleh dipercayai dan diyakini untuk duduk berbincang.



Rajah 4.23: Simbol kijang di Borobudur, Jawa, Indonesia.

Sebaliknya, ukiran ekor rusa di stupa ini tidak kelihatan panjang seperti logo Bank Negara. Simbol posisi duduknya boleh menggambarkan ketenangan, tiada tekanan, dan melambangkan simbol keberanian dalam tradisi budaya Melayu,

4.15.3 Impak Terhadap Masyarakat Dan Budaya Melayu Di Asia Tenggara

Cerita-cerita tentang rusa emas telah mempengaruhi seni dan budaya di Asia Tenggara. Hinduisme menunjukkan rusa emas dalam epik India Ramayana dan Buddhisme diabadikan dalam kisah-kisah dongeng Jataka. Kedua-duanya cuba menggunakan kisah-kisah untuk mengajar orang menjalani kehidupan sehari-hari mereka agar menjadi lebih baik.

Impaknya dalam masyarakat dan budaya di Asia Tenggara ialah meningkatnya cerita-cerita rakyat yang berbentuk nasihat dan pengajaran diceritakan secara turun-temurun daripada generasi terdahulu hingga kini. Pelbagai kisah mengenai haiwan yang dijadikan bahan cerita utama dan menjadi simbol kebaikan dan kekuatan dalam sesuatu karektor haiwan tersebut hendak disampaikan.

Simbol haiwan seperti rusa atau kijang diibaratkan sebagai simbol sifat-sifat kemuliaan dan kebaikan yang dicipta dari pelbagai hikayat alam haiwan seolah-olah dunia haiwan ini mempunyai satu dimensi yang manusia tidak dapat memahami dan mencari jawapan. Rusa dijadikan contoh dengan nilai-nilai murni yang diceritakan dalam setiap kisah dan ini memberi simbolik bahawa haiwan ini mampu memberi kesan yang baik kepada kebudayaan dan hidup bermasyarakat di Asia Tenggara.

4.15.4 Aspek Gaya Simbol Kijang Dalam Stupa Borobudur

Simbol kijang dalam stupa ini telah menjadi ikonik bagi masyarakat hindu di Indonesia. Ia menceritakan himpunan kisah-kisah dongeng masyarakat hindu dengan penuh nilai pengajaran dan nasihat seperti mana cerita-cerita rakyat dan mitos yang menggunakan subjek kijang dalam aspek penceritaan turun temurun. Simbol rusa atau kijang yang disampaikan dalam hikayat dongeng di India dan Malaysia mempunyai persamaan gaya dari segi kepintaran, kelincahan dan keunikian haiwan tersebut dalam cerita masing-masing.

Selain itu, simbol haiwan ini digambarkan memberi pengaruh besar dalam kehidupan masyarakat lain selain Melayu. Simbol rusa atau kijang mempunyai nilai seni kebudayaan dan aspek gaya yang di angkat menjadi suatu simbol yang berkuasa

untuk ketamadunan sejagat. Simbol kijang dalam logo Bank Negara ini bukan sahaja melambangkan identiti tempatan namun simbol tersebut turut dikongsi oleh budaya masyarakat dunia yang lain. Di samping itu, aspek gaya yang menarik perhatian, nilai karektoristik yang tinggi dan semangat juang yang ditunjukkan oleh haiwan ini jelas terpancar.

Simbol kijang dalam stupa ini bukan hanya sekadar simbol biasa namun ia sebuah agen penyampai bagi sebuah cerita yang hebat. Simbol kijang menjadi sumber inspirasi dan idea kepada Bank Negara untuk turut sama mengangkat simbol haiwan itu menjadi logo rasmi mereka. Simbol kijang merupakan cara untuk menyampaikan seni kebudayaan nusantara. Simbol rusa atau kijang merupakan simbolik amalan gaya hidup masyarakat melayu sejagat.

Simbol kijang juga menggambarkan sifat jati diri Melayu yang tinggi dalam keperibadian artis. Untuk tujuan ini, itulah masa perjuangan baginya untuk mengatasi keraguannya. Dalam istilah ini, ada kepintaran, ketangkasan dan ciri kemelayuan yang kuat. Artis telah menggunakan warna biru yang kuat untuk mewakili masa depan bank ini dan ia kekal sebagai misteri sehingga kini. Selain itu, simbol kijang dalam keadaan komposisi saiz yang besar berbanding simbol-simbol lain telah melambangkan masa depan dan aspirasi yang besar serta penuh cabaran.

4.15.5 Falsafah

Simbol rusa atau kijang ini mewakili semangat kegigihan dan kesungguhan yang menggambarkan seekor haiwan sebagai ikon. Unsur keseimbangan yang kontras telah membawa rasa harmoni dan variasi. Simbol rusa sebagai bayangan dan lambang

keadaan yang baik dan positif kerana ia telah diceritakan dari satu kisah ke satu kisah mengenai perjalanan kehidupan sebenar haiwan ini dalam bentuk mitos dan fantasi.

Simbol rusa juga digambarkan mempunyai kelembutan watak dan tingkah laku yang sopan melalui penceritaan kisah-kisah dongeng yang disampaikan. Simbol haiwan ini juga ibarat seorang manusia yang mempunyai sikap dan keperibadian yang mulia dan baik yang patut diamalkan. Apabila haiwan ini berbuat baik dan melakukan pertolongan kepada yang lain begitulah manusia juga akan berbuat perkara yang sama kepada sesiapa yang membantu mereka.




Rajah 4.24: Simbol kijang dalam ukiran arca stupa lain yang dijumpai di India

Simbol kijang atau rusa dalam stupa telah mencipta komposisi segi tiga piramid sempurna di tengah ukiran (Rajah 4.24). Komposisi seperti segi tiga piramid mewakili asas yang kukuh iaitu perpaduan dan kepercayaan manakala keseimbangan menunjukkan pencerahan dan keharmonian (Stemp, 2006). Dalam perspektif lain, segi tiga telah dikenali sebagai bentuk komposisi untuk mewujudkan keamanan dalam lukisan atau fotografi. Kawalan komposisi ini memberi tumpuan kepada kawasan tertentu, objek atau apa-apa pada lukisan, (Ray, 2014).

Dalam perspektif yang lain, watak kijang dalam ukiran stupa telah dicipta seperti bentuk segi tiga piramid di bahagian bawah pusat rusa. Untuk tujuan ini, simbol-simbol yang lain pula telah ditempatkan di sudut-sudut lain di sekeliling rusa. Sementara itu, pertemuan kepala rusa seolah berada di puncak piramid. Dengan melihat pada masa lalu, segi tiga piramid telah diiktiraf sebagai salah satu struktur seni bina yang pertama dan elegan di dunia.

Simbol kijang ini telah ditekankan pada keseimbangan dan keharmonian yang sedia ada dalam ukiran ini. Dalam hal, ini piramid juga mewujudkan medan sfera seperti dunia tiga dimensi yang harmoni dan berirama di sekelilingnya. Keharmonian dan keseimbangan yang besar menyebabkan kombinasi kontras, pengulangan bentuk piramid yang ada telah membuktikan satu aliran tenaga pada ukiran rusa itu. Walau bagaimanapun, sekiranya semua sebab-sebab ini telah menyebabkan secara tidak sengaja ia berlaku maka masih ada bukti yang boleh disangkal dan tidak dapat disahkan.

4.16 Ikonografi Simbol Kijang Dalam Stupa Bharhut



Rajah 4.25: Simbol kijang dalam stupa Bharhut di Muzium India
(Fotografi oleh Anndajoti) .

Menurut pendapat Encik Jeremy Pinto, Pensyarah Grafik dari Kolej Universiti Tuanku Abdul Rahman menyatakan hasil dari temu bual yang dijalankan ialah seperti berikut:

- Subjek pertama pada ukiran seni arca kijang ini bermula dengan satu bulatan besar berbentuk bulan yang sempurna pada latar belakangnya.
- Artis tidak menggunakan apa-apa warna untuk memberi penekanan kepada keindahan simbol kijang dan lain-lain di dalam bulatan ini.
- Di dalam bulatan, artis bermain dengan keindahan alam semula jadi dan menunjukkan pentingnya haiwan sebagai kawan baik dan sumber makanan bagi melengkapkan kehidupan.
- Artis mencipta sekumpulan haiwan iaitu kijang yang seolah-olah sedang berlari menyelamatkan dirinya.
- Pada setiap simbol kijang, tiada penggunaan warna-warna untuk diberi penekanan kepada suasana sekeliling.
- Kijang adalah haiwan yang sering diburu oleh pemburu semasa berada di hutan. Ia menjadi salah satu tradisi tempatan dan turut dijadikan sebagai acara berburu lalu diabadikan dalam ukiran arca.
- Kijang juga mempunyai rupa dan bentuk yang organik seperti corak atau motif flora dan fauna.
- Kijang juga dianggap sebagai simbol kehalusan budaya Hindu dan Melayu yang dapat dilihat pada proses ukiran logam.
- Identiti penduduk tempatan, latar belakang dan kepercayaan mereka terdapat pada ukiran arca logam kijang ini.
- Secara simboliknya, kijang adalah simbol imej haiwan yang berperwatakan kuat.
- Dari perspektif lain, kijang menggambarkan tahap simbolisme tertentu di mana subjeknya mempunyai kaitan dari setiap sudut.
- Kijang dalam ukiran logam stupa ini sepenuhnya meliputi kepekaan kisah dongeng Hindu. Mengapa kijang diceritakan? Kenapa bukan haiwan lain? Apa keistimewaan kijang? Apa kaitan dengan budaya Melayu?
- Cara mesej 'disembunyikan' dalam ukiran kijang ini mencerminkan etika khususnya masyarakat Hindu di mana seseorang tidak menyatakan makna secara langsung. Mesej yang disampaikan secara terus.
- Dalam ukiran-ukiran dahulu kala, bahasa simbolik pengukir itu telah digunakan sebagai cara yang halus untuk menyatakan kebimbangan yang mempengaruhi

kepercayaan agama seorang yang menghadapi realiti masalah yang menimpa dunia Hindu secara umum dan khusus.

- Imej hutan dan pemburu juga melambangkan psikologi kehidupan, berburu, sumber rezeki, kebudayaan orang timur, penghayatan masyarakat yang sangat menghargai warisan budaya dan alam semula jadi.
- Bulatan berdasarkan bentuk bulan, melambangkan jantung dan simbol matahari.
- Konsep ukiran ini bermula dengan bulatan yang menghasilkan simbol kijang, pokok dan manusia.
- Ini jelas menyatakan bahawa bentuk bulatan mempunyai sebab dan maknanya berhubung konsep ketuhanan dalam tafsiran kesenian Hindu dan Melayu.
- Kijang diciptakan sebagai simbol kebesaran ciptaan tuhan.
- Kijang juga boleh dikaitkan dengan kecantikan. Kecantikan rupa fizikal, semangat dan keindahan alam semula jadi.
- Dalam falsafah moden, banyak syarikat menggunakan kijang sebagai simbol atau lambang yang mewakili organisasi mereka.

4.16.1 Tafsiran Peribadi

Ukiran stupa ini telah menggambarkan kepelbagaiannya jenis kijang yang diukir dalam sebuah kepingan ukiran stupa yang dipercayai logam yang menceritakan segala tentang kehidupan dan kebudayaan masyarakat dahulu kala di India. Walaupun ukiran ini tidak dikenal pasti bila tarikh sebenar ia diukir namun kepingan ukiran stupa Bharhut yang mempunyai simbol kijang ini dipamerkan di sebuah Muzium India di Kolkata.

Simbol kijang dalam ukiran stupa ini telah membentuk kesatuan yang merupakan simbol paling umum yang boleh dijumpai dalam karya seni Melayu. Walau bagaimanapun, artis dan seniman Melayu yang dilahirkan dan dibesarkan di negara Islam seperti Malaysia kurang menumpukan simbol haiwan dalam hasil ukiran Melayu kerana ia bertentangan dengan ajaran Islam iaitu tidak menggambarkan apa-apa jua simbol haiwan sama ada dalam bentuk patung melainkan lukisan semata-mata.

Di samping itu, bentuk bulatan yang dibuat dalam ukiran stupa ini menggambarkan hubungan antara haiwan dengan manusia, budaya India yang berdasarkan kepercayaan, semangat dan identiti India yang kuat. Arah simbol kijang yang tidak selari dan berada dalam kumpulan berselerak digambarkan sebuah penceritaan kijang sedang diburu dan sedang menyelamatkan diri daripada pemburu. Simbol kijang memberi gambaran tentang aksi pergerakan yang lincah iaitu sifat karektor sebenar kijang.

4.16.2 Ciri-ciri Utama Dalam Stupa Bharhut

Stupa Bharhut ialah arca India awal pada zaman Shunga pertengahan abad ke-2 sebelum masihi. Ia sebuah rekaan hiasan stupa Bharhut yang hebat di Madhya Pradesh, India. Kebanyakan artifak stupa Bharhut telah banyak dimusnahkan manakala sebahagian besar peninggalan masih ada seperti kepingan ukiran arca stupa Bharhut yang kini berada di Muzium India di Kolkata. Gaya Bharhut, walaupun pada zaman dahulu sangat kuno dan primitif dari segi konsepnya namun ia menandakan permulaan tradisi pendengaran dan hiasan naratif Buddha terhadap bangunan-bangunan suci yang berterusan selama beberapa abad. Patung yang serupa dengan peninggalan cebisan stupa Bharhut terletak di seluruh India utara menunjukkan bahawa tapak Bharhut adalah tempat utama untuk jenis gaya ini (Encyclopaedia Britannica, 1988).

Ukiran-ukiran simbol yang diukir sedikit rata, tidak menonjolkan bentuk-bentuk tertentu, tepat, perincian yang elegan terhadap hiasan simbol-simbol yang ada dalam permukaan logam batu. Sebahagian atas stupa Bharhut ini menonjolkan simbol manusia berdiri iaitu ‘yakshas’ dan ‘yakshis’ (dewa alam lelaki dan perempuan) dalam agama

Buddha; motif yang banyak dalam ukiran stupa Bharhut ini adalah simbol kijang dan pokok-pokok (Encyclopaedia Britannica, 1988).

Semua simbol berpusat kepada kawanan kijang dan beberapa simbol manusia yang melakukan aktiviti keagamaan dan pemburuan. Simbol-simbol yang terdapat dalam stupa ini menggambarkan cerita Jataka (legenda kelahiran Buddha sebelumnya) dan peristiwa-peristiwa kehidupan Buddha dan dijadikan ikonografi bagi penganut Buddha. Seperti dalam semua arca India sebelum abad pertama selepas masihi, Buddha diwakili oleh simbol seperti roda, mahkota atau payung dan Buddha tidak pernah diukir dalam rupa bentuk manusia. Komposisi ini mudah, walaupun simbol kijang ini kelihatan naif dan bertindih-tindih namun ia sebagai usaha untuk membezakan unsur ruang. Haiwan-haiwan yang terdapat dalam stupa ini diperlakukan dengan ciri-ciri simpati dalam seni India (Encyclopaedia Britannica, 1988).

4.16.3 Impak Terhadap Masyarakat Dan Budaya Melayu Di Asia Tenggara

Sesungguhnya, dalam konteks seni moden Asia Tenggara khususnya di Malaysia, subjek, media dan karya seni telah menjadi semakin bervariasi sejak ribuan tahun yang lalu. Artis telah beralih dari perpindahan Melayu atau Islam ke gaya '*postmodern*'. Dalam hal ini, selalunya karya seni artis Melayu telah dikritik berbanding dengan karya-karya seni pasca moden atau orang-orang yang meneruskan ke arah pemodenan.

Seniman Melayu bimbang dengan masa depan yang terdekat dan bukannya melihat kembali atau memulihkan masa yang telah berlalu. Kecenderungan seni ini melambangkan cabaran, perpecahan dan juga hubungan perspektif yang menentukan

kelas masyarakat Malaysia yang semakin meningkat khususnya dalam konteks pembinaan dan pembentukan masyarakat Malaysia (Sarena Abdullah, 2011).

Sekitar 1990-an, masyarakat dan ekonomi di Malaysia telah dibangunkan dan beralih ke tahap yang lebih tinggi. Oleh itu, Malaysia telah menjadi lebih global lalu telah menjaskankan nilai seni Melayu itu sendiri. Penciptaan komposisi kijang sebagai simbol Melayu, dengan tema tradisional telah menggambarkan bahawa logo Bank Negara itu penuh dengan taat setia dan nilai kemelayuan yang sangat tinggi. Setiap simbol dan motif yang direka adalah cermin kehidupan sebuah masyarakat, keluarga, budaya dan pegangan agamanya serta kini simbol kijang menjadi sebahagian simbol utama budaya Melayu di Malaysia.

4.16.4 Aspek Gaya Dalam Simbol Rusa Dalam Stupa Bharhut

Ukirian kijang di stupa Bharhut itu banyak mempengaruhi gaya seni Melayu dan jelas kelihatan dalam simbol kijang Bank Negara Malaysia. Tanpa disedari seni Melayu juga dapat dilihat dalam seni India pada ukiran mereka kerana simbol haiwan seperti kijang atau rusa turut menjadi simbol utama budaya kemelayuan. Dari perspektif yang lain, ukiran ini telah digambarkan sebagai sebuah perjalanan kehidupan alam semula jadi yang tidak akan berhenti diceritakan sepanjang zaman.

Ukirian simbol kijang dapat dijelaskan bagaimana artis telah mengukir simbol haiwan ini dalam bentuk hampir realistik. Oleh itu, artis telah cuba untuk memodenkan ukirannya selari dengan kepercayaan dan identiti budaya sesebuah masyarakat. Boleh dikatakan; perjalanan gaya seni Melayu mulai bergerak lebih cepat dan lebih kuat

kerana sentiasa mengangkat martabat nilai budaya tradisional dan kemelayuannya ke peringkat tertinggi.

4.16.5 Falsafah

Ukiran ini digambarkan sebagai cabaran hidup di alam haiwan dan manusia. Melihat motif daun seperti motif pohon beringin dalam seni budaya Melayu. Konsep ukiran simbol kijang di stupa ini tiada siapa yang dapat menjelaskan situasi sebenar yang berlaku disebalik penceritaan kisah mitos ini sebenarnya. Ukiran simbol di stupa ini telah digambarkan bagaimana artis tersebut dapat dikaitkan dengan cara ia bereksperimen dengan gaya falsafah dan cara lama dalam watak-watak yang ada dalam hikayat Melayu lama dengan tema dan objek kebudayaan tempatan.

Simbol kijang menggambarkan haiwan yang pintar, tidak boleh dipandang rendah, berani menyahut cabaran, bersemangat tinggi, penuh dengan aksi pergerakan dan mempunyai sifat tujuannya hanya untuk mempertahankan dirinya. Ukiran simbol kijang ini telah digambarkan sebagai perjalanan kehidupan alam secara lumrahnya. Ia juga melambangkan simbol sifat-sifat manusia pada kini. Ukiran simbol ini telah menggambarkan cabaran artis itu sendiri. Ia boleh dikatakan, artis tidak dapat mengelak daripada terpalit dengan elemen kebudayaannya kerana mengetahui apa itu seni, potensi dan menyedari tema karya seninya. Jadi dari sini, artis cuba untuk mencabar dirinya sebagai seorang artis dan meningkatkan aspek artistiknya.

Ukiran simbol kijang ini memaparkan kehebatan dan keunikan budaya dan jiwa Melayu. Dari segi budaya, dapat dilihat, identiti kemelayuan mengenai unsur-unsur budaya dan seni yang dizahirkan sangat ketara. Simbol kijang bukan hanya sebuah

konsep budaya, tetapi juga ia membangkitkan rasa kenegaraan di kalangan orang Melayu.

4.17 Ringkasan

Simbol kijang telah mencipta identiti, watak, dan bentuk yang unik dalam logo dan ukiran secara kiasan bagi menggambarkan pemahaman, pengaruhnya dan kesetiaannya terhadap budaya Melayu. Di samping itu, simbol kijang memberi kesan kepada masyarakat dan gaya hidup Melayu yang membesar dengan cerita-cerita yang disampaikannya. Budaya kemelayuan yang jelas telah berakar dan ditanam sejak zaman kanak-kanak hingga sekarang.

Walau bagaimanapun, asal usul simbol kijang ini bersifat universal kerana bukan sahaja Melayu menggunakan simbol ini sebagai identiti mereka malah kijang juga turut dikongsi simbolnya dalam penceritaan rakyat Asia yang lain dan dijadikan ukiran arca dalam rumah ibadat mereka. Simbol kijang melambangkan disiplin, cerdas, keberanian, ketepatan, kepercayaan, tidak pernah berputus asa, semangat keinginan tinggi, berjuang untuk kebaikan dan sebagainya.

Simbol kijang sebagai tema karya seni budaya Melayu bagi menggambarkan perasaan, keinginan sesuatu, kepercayaan dan khidmat bakti untuk berjuang serta mencabar diri sendiri apabila melalui kesulitan dalam hidup. Simbol kijang tidak menggambarkan nilai kejahatan berbanding banyak nilai kebaikan ditampilkan. Walaupun harus diakui bahawa kepintaran, kebaikan dan kelincahan watak sebenar kijang namun di sebalik itu wujud satu simbol patriotisme dan kesetiaan di sebaliknya.

Simbol kijang itu menggambarkan keindahan budaya Melayu yang tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat dan budayanya. Simbol kijang ini mempunyai

perspektif estetika dan kritikal terhadap seni budaya Melayu. Komposisi rupa badan, kaki, dan warna latar belakang, bentuk, garisan, dan ruang menguatkan lagi simbol kijang dalam logo Bank Negara.

University Of Malaya

BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Tajuk dan subjek kajian ini adalah "Kijang Sebagai Simbol Dalam Rekaan Logo Bank Negara Malaysia". Berdasarkan subjek kajian ini, analisis dan penyelidikan telah dipertimbangkan sepenuhnya. Kesimpulannya adalah semua bab dalam kajian penyelidikan disimpulkan berdasarkan objektif dan menjawab soalan penyelidikan. Penulis memilih Bank Negara Malaysia sebagai sampel organisasi untuk kajian kes ini kerana logonya diinspirasikan daripada duit syiling emas Kelantan yang telah dihasilkan oleh Allahyarham Encik Abdul Wahab bin Haji Tahir iaitu seorang pengukir terkenal di Malaysia atas permintaan Gabenor Bank Negara Pertama Allahyarham Tun Ismail Mohamed Ali supaya menggayakan semula versi kijang tersebut untuk dijadikan logo rasmi Bank Negara (Bank Negara Malaysia, 2006, Graphic Identity Standards). Penyelidikan ini meliputi pemahaman ikonografi dan unsur rekaan seni. Di samping itu, penyelidikan ini dapat memberi kajian penyelidikan yang komprehensif, pengertian yang mendalam dan pemahaman falsafah simbol kijang terhadap reka bentuk logo Bank Negara Malaysia. Kesimpulannya sebagai menjawab soalan penyelidikan dan memberi cadangan untuk penyelidikan pada masa depan.

5.2 Kepentingan

Kata kunci yang diperoleh daripada soalan penyelidikan mengenai "Pentingnya unsur-unsur rekaan seni dalam mereka bentuk simbol haiwan terhadap logo Bank Negara Malaysia sebagai panduan kualiti reka bentuk". Kesimpulannya, bagi menjawab soalan penyelidikan dan menyimpulkan kenyataan justifikasi ikonografi sama pentingnya dalam mereka bentuk logo Bank Negara berdasarkan dapatan tersebut dari persampelan pakar dan data deskriptif.

Oleh itu, ia menunjukkan bahawa Bank Negara Malaysia sebagai sebuah organisasi dan bank pusat negara yang dipercayai boleh memberi sumbangan besar kepada pencapaian organisasi mereka pada masa hadapan. Dalam terma reka bentuk, logo Bank Negara Malaysia mempunyai banyak nilai reka bentuk seni dan makna yang simbolik. Logo Bank Negara bukan sahaja berfungsi sebagai logo yang penuh bercirikan kebudayaan dan kebangsaan negara malah ia direka cipta dengan rekaan yang mudah, seimbang dan tersendiri. Menggunakan cara dengan menanamkan ke dalam minda penonton, ia mampu mewujudkan kesedaran terhadap sebuah jenama dan menunjukkan kesetiaan ke atas sebuah jenama (Yin, 2003).

5.3 Kaitan

Kata kunci yang diperoleh daripada soalan penyelidikan ialah "Apakah simbol yang terdapat pada motif kijang?". Hal ini dapat disimpulkan dengan penemuan hubungan dan perkaitan antara ikonografi dan unsur rekaan seni dalam mereka bentuk logo. Dengan mengaitkan konsep ikonografi dan unsur rekaan seni dalam mendefinisikan simbol itu mampu menjadikan reka bentuk logo dalam komponen keseimbangan yang baik. Di samping itu, konsep ikonografi tentang simbol juga dapat menentukan makna dan keterangan ringkas mengenai simbol supaya ia dapat mewujudkan sebuah logo yang berkesan dan harmoni berdasarkan lima unsur rekaan seni.

Dalam buku *The Element of Design Graphic* menyatakan untuk mencapai kesepadan visual hendaklah dengan menetapkan matlamat utama reka bentuk grafik. Apabila semua unsur rekaan dapat diikat, maka sebuah reka bentuk telah dianggap bersatu (Alex W.White, 2011). Tiada mana-mana bahagian tertentu akan dilihat sebagai lebih penting daripada keseluruhan reka bentuk. Keseimbangan yang baik di

antara kesatuan (unity) dan kepelbagaiannya (variety) harus ditetapkan bagi mengelakkan kekacauan atau reka bentuk yang tidak bermaya (Lovett, 2012).

Oleh itu, untuk penemuan dan analisis daripada kajian dan responden, penulis bersetuju dan mendakwa konsep ikonografi dan unsur rekaan seni diperlukan sebagai kriteria dalam menentukan reka bentuk logo. Dari maklumat dalam kajian literatur mengenai kedua-dua perkara ini dan pernyataan masalah yang diberikan oleh responden telah menerima rasional simbol haiwan dalam mereka bentuk logo.

5.4 Kesimpulan Kepada Objektif Penyelidikan

Kajian ini dijalankan adalah untuk memenuhi objektif penyelidikan. Objektif pertama adalah untuk mengenal pasti signifikan unsur-unsur rekaan seni yang terdapat dalam simbol yang menggunakan kijang dalam logo Bank Negara Malaysia serta aspek kepentingan simbol seperti proses reka bentuk, bahan, warna, bentuk dan rupa, motif, kemasan permukaan, saiz dan penempatan. Setiap unsur ini memerlukan penjelasan khusus dan terperinci bersama-sama dengan ilustrasi jika perlu. Kajian ini berfungsi sebagai data panduan untuk pereka dan pihak berkaitan terutama pihak bank. Dalam erti kata lain, dokumen ini akan digunakan sebagai data panduan kepada pereka yang mereka lambang, simbol dan logo serta pihak tertentu pada masa akan datang. Jika pereka mempunyai persoalan tertentu, mereka boleh merujuk kepada kajian ini untuk mendapatkan rujukan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Objektif kedua adalah untuk mengetahui apakah makna kajian motif kijang di dalam simbol logo Bank Negara Malaysia dalam aspek seperti proses rekaan, bahan, warna, bentuk dan rupa, motif, kemasan permukaan, saiz dan penempatan. Dari keseluruhan kajian, simbol bermula dari pengenalan definisinya dalam bab satu, kajian

literatur dalam bab dua, revolusi sejarah kijang dalam bab tiga, analisis data dan perbincangan dalam bab empat dan akhir sekali bab lima untuk menyimpulkan bahawa objektif umum dan tujuan kajian simbol adalah untuk komunikasi. Jenis komunikasi di sini adalah komunikasi visual. Bahan kajian yang digunakan oleh penulis seperti duit syiling dan kertas, bangunan, peralatan, alatulis dan cenderamata adalah melalui simbol-simbol dalam logo bank itu sebagai media berkomunikasi.

5.5 Kesimpulan Kepada Soalan Penyelidikan

Setiap unsur rekaan seni seperti bentuk, warna, garisan, tekstur, rupa, motif dan komposisi menyumbang kepada keberkesanan simbol itu berkomunikasi. Pereka boleh menggunakan unsur rekaan seni dengan menyusun elemen di dalam simbol mengikut prinsip reka bentuk berdasarkan konsep reka bentuk yang diinginkan. Pereka juga boleh menggunakan bahan berkualiti yang sesuai untuk menghasilkan simbol logo. Penggunaan bahan yang baik dan berkualiti juga boleh menentukan tahap piawaian tertentu bagi penghasilan simbol logo. Pemilihan warna juga menyumbang kepada keberkesanan komunikasi. Unsur penting simbol boleh diserlahkan dengan penggunaan warna yang terang dan kuat untuk menarik perhatian orang ramai dalam setiap logo yang dihasilkan.

Bentuk, rupa dan pemilihan motif yang tepat juga boleh memberi kesan kepada komunikasi visual. Persamaan bentuk dan rupa simbol kijang akan menghasilkan reka bentuk yang harmoni. Motif juga boleh menyumbang kepada komunikasi kerana ia mencerminkan maksud dan status sesuatu simbol. Terdapat motif tertentu yang mempunyai makna tersendiri kepada individu tertentu. Sebagai contoh motif kijang yang menunjukkan kelincahan dan mencerminkan kepintaran mengenai sesuatu perkara. Akhirnya kedudukan simbol kijang dalam logo bank pusat itu sendiri adalah aspek yang

sangat penting untuk tujuan komunikasi, ini kerana simbol hendaklah diletakkan di suatu sudut yang memudahkan orang ramai memberikan perhatian terhadap rekaan simbol tersebut.

Penyelidikan ini juga dapat mengumpulkan data maklumat yang bersesuaian mengenai aspek proses reka bentuk, bahan, warna, bentuk dan rupa, motif, penamat permukaan, saiz dan komposisi logo. Aspek-aspek ini merangkumi maklumat penting bagi pereka yang berkeinginan untuk tahu mengenai tuntutan tugas atau projek mereka bentuk. Dengan adanya maklumat dan prosedur sebegini, diharap setiap aspek yang dinyatakan dalam kajian ini berperanan sebagai data panduan untuk pembangunan rekaan simbol dan logo. Sebagai kesimpulan, peranan data panduan dibahagikan kepada beberapa aspek seperti proses rekaan, bahan, warna, bentuk dan rupa, motif, saiz dan komposisi.

Reka bentuk adalah peringkat kerja yang sangat penting dalam proses pembangunan simbol dan logo secara keseluruhan. Ini kerana pada peringkat ini semua aspek penting seperti konsep reka bentuk, bahan, bentuk dan rupa berlaku. Pereka adalah orang yang sangat penting dan bertanggungjawab terhadap keseluruhan proses perkembangan rekaan simbol dan logo. Tugas pereka juga termasuk menjalankan tinjauan pasaran dan persekitaran. Untuk menghasilkan simbol yang baik, pereka mesti mempertimbangkan beberapa aspek seperti elemen estetika, gaya, ketahanan simbol, aspek teknikal dan fungsi simbol.

5.6 Cadangan

Pertama, setelah menyelesaikan analisis dan penyelidikan terhadap simbol, penulis ingin membuat cadangan seperti berikut; untuk memperbaiki simbol dari segi konsep reka bentuk dan praktikal, penulis ingin mencadangkan pembangunan insan dan sistem kerja yang lebih berkesan. Dalam pembangunan insan, subjek yang terpenting adalah pereka. Seorang pereka mestilah berkelayakan dengan ilmu pengetahuan dan reka bentuk yang diperlukan dengan sekurang-kurangnya bertaraf diploma seni reka. Pengetahuan dalam bidang seni dan reka bentuk juga akan membantu pereka untuk menguruskan konsep yang tepat dalam mereka bentuk sesuatu perkara mengikut elemen dan prinsip reka bentuk. Seorang pereka juga harus mengetahui perkembangan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Dalam kes ini, perkhidmatan yang ditawarkan adalah perkhidmatan perbankan. Oleh demikian pereka hendaklah mengetahui sebaik mungkin mengenai kerja yang hendak dilakukan.

Kedua, pereka mestilah berwibawa dalam setiap tugas yang diberikan. Pereka mesti mengetahui proses kerja pembangunan simbol dari peringkat cadangan hingga pengeluaran akhir. Seorang pereka juga harus berupaya dan mahir menggunakan perkakasan grafik untuk membangunkan simbol menggunakan perisian reka bentuk komputer, peralatan perancangan dan lain-lain alat yang diperlukan. Untuk mencapai aspek ini, organisasi atau syarikat perlu melatih pereka mereka secara sistematik sama ada di rumah, dalam talian dan sebagainya.

Ketiga adalah kemudahan tempat kerja yang selesa dan kemudahan peralatan yang sesuai untuk aktiviti reka bentuk. Kemudahan tempat kerja dan peralatan yang sesuai seperti komputer berspesifikasi tinggi, perisian komputer yang bersesuaian dan

bahan-bahan reka bentuk sangat penting bagi pereka kerana dengan adanya kemudahan yang lengkap sahaja akan membantu pereka untuk berfikir lebih kreatif bagi menghasilkan reka bentuk yang berkualiti.

Keempat, pihak bank harus membuat prosedur kerja yang sistematik dalam pembangunan simbol atau logo. Satu sistem piawaian yang sesuai untuk aktiviti reka bentuk simbol seperti sistem pengendalian piawaian dan prosedur berkualiti hendaklah berfungsi secara sepenuhnya terhadap kakitangan berkaitan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembangunan reka bentuk. Sistem reka bentuk yang cekap dan lancar akan membantu aktiviti reka bentuk itu menghasilkan konsep reka bentuk yang lebih baik untuk sesuatu simbol. Jabatan tertentu misalnya jabatan khas untuk kerja reka bentuk atau bahagian yang mengawal bidang seni kreatif harus mengawal semua aktiviti reka bentuk. Jabatan ini hendaklah diselia oleh kakitangan berkelayakan yang telah mengambil jurusan dalam bidang reka bentuk dan seni, merupakan pakar rujuk dalam bidang rekaan dan berkedudukan tinggi dalam hierarki perjawatan dalam sesebuah organisasi tersebut. Jabatan reka bentuk ini bertanggungjawab untuk menjalankan penyelidikan reka bentuk, pembangunan idea, membuat sampel '*mock-up*', kajian teknikal, kajian kos dan menghasilkan draf lukisan teknikal.

Kelima, segala tugas dan permintaan reka bentuk harus didokumentasikan dalam bentuk yang khusus agar dapat memastikan kegiatan rekaan menjadi lancar dan efisyen. Dokumen dalam bentuk borang hendaklah terdiri daripada kerangka reka bentuk, ringkasan reka bentuk peringkat awal dan bukti pengesahan atau kelulusan reka bentuk. Borang khas reka bentuk tersebut meliputi keseluruhan tugas-tugas dan keperluan reka bentuk. Dokumen ini berfungsi sebagai maklumat mengenai latar belakang projek yang

perlu dilakukan. Melalui dokumen ini, pereka harus mengetahui keperluan dan perancangan jadual kerja serta kerangka idea kasar dapat dibuat di peringkat awal.

Keenam, ringkasan rekaan peringkat awal adalah mengenai butiran perkembangan simbol yang mampu memberi input untuk menghasilkan konsep reka bentuk yang sesuai bagi sesuatu simbol. Konsep reka bentuk untuk simbol haruslah selari dengan ringkasan maklumat mengenai reka bentuk di peringkat awal. Ringkasan reka bentuk di peringkat awal itu sendiri akan memberi banyak manfaat kepada pereka kerana ia membantu pereka mendapatkan lebih banyak idea yang spesifik.

Ketujuh, semua kakitangan yang terlibat dalam pembangunan simbol perlu dilatih dengan baik. Pereka bentuk harus mampu mengendalikan dan menjalankan tugas reka bentuk termasuk penyelidikan, memahami '*trend*' dan kehendak pasaran serta dapat memvisualkan kehendak pelanggan ke dalam rekaan seni atau idea. Pereka juga harus mempunyai tahap pengetahuan dalam perisian reka bentuk dan mahir dalam penggunaan aplikasi grafik mengenai penghasilan simbol.

Kelapan, pihak bank juga harus melakukan penilaian secara berkala mengenai rekaan simbol dalam logo bank mereka sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Penilaian ini adalah untuk menentukan penerimaan simbol tertentu di kalangan orang awam. Dalam kes ini, penulis mencadangkan supaya penilaian itu dilakukan setiap hujung tahun.

Akhir sekali penulis mencadangkan motif yang dipilih hendaklah berkaitan dengan motif yang sesuai untuk sebuah bank. Syarikat kewangan atau perbankan di Malaysia sepatutnya mencipta motif tertentu yang berkaitan dan bercirikan budaya

negara ini sebelum merealisasikannya ke dalam bentuk simbol atau logo mereka. Ia secara tidak langsung akan membantu rakyat mengetahui budaya tempatan dan meningkatkan semangat jati diri terhadap negara kita.

5.7 Cadangan Untuk Penyelidikan Lanjutan

Berdasarkan hasil penemuan dari kajian ini, penulis ingin mengesyorkan penyelidikan lanjutan yang memberi tumpuan kepada pemilihan reka bentuk di kalangan orang ramai mengenai kesesuaian simbol dalam rekaan logo grafik bagi bank. Cadangan kajian penyelidikan lanjutan ini akan memberi tumpuan kepada jenis konsep reka bentuk yang disukai oleh orang ramai dan pengaruh budaya setempat kepada rekaan tersebut. Skop penyelidikan ini meliputi keperluan mereka di Malaysia dan mencari sebab kurangnya penggunaan motif tempatan sebagai simbol atau logo terhadap bank-bank tempatan berbanding penggunaan motif moden dan futuristik. Rasional kajian baharu ini disediakan adalah untuk memenuhi keperluan dan aspirasi kerajaan iaitu dapat mengangkat nilai seni budaya negara sebagai sebuah karya seni yang boleh dibanggakan. Aspek kepelbagaian budaya yang ada dalam negara ini akan memberi lebih banyak manfaat kepada warga Malaysia yang begitu berbangga dengan identiti tempatan masing-masing.

Kajian lanjutan ini akan membincangkan segala kekangan dalam tesis ini yang hanya menumpukan pada dokumentasi aspek unsur rekaan seni seperti garisan, warna, bentuk, tekstur dan rupa, motif, saiz dan komposisi ruang. Untuk menjalankan kajian lanjutan ini, penulis mengesyorkan supaya menggunakan kaedah soal selidik dan penyelidikan di lapangan. Kajian penyelidikan yang melibatkan sektor swasta atau syarikat biasanya agak sukar kerana keengganan sesebuah syarikat memberi kerjasama dan berkongsi maklumat atas sebab maklumat persaingan dalam pasaran.

5.8 Penutup

Kajian itu jelas menjawab soalan penyelidikan yang ditanya:

RQ1 - Apakah unsur-unsur rekaan seni yang terdapat dalam logo yang menggunakan haiwan sebagai simbol?

Kepentingan simbol haiwan dalam logo Bank Negara Malaysia dapat dilihat dalam jiwa setiap karya seni yang dihasilkan. Karya seni yang menggunakan simbol haiwan sebagai logo boleh didapati dalam penggunaan setiap simbol yang digunakan dan hubungan dengan budaya Melayu secara keseluruhan. Logo Bank Negara adalah sebuah logo yang sentiasa mengingati akarnya sebagai identiti kebangsaan dan kemelayuan. Unsur rekan seni seperti rupa kijang merupakan asas kepada simbol Melayu di mana budaya dan warisan akan sentiasa berkaitan dengan Bank Negara.

Elemen Melayu dengan mudah dikesan dalam logo Bank Negara Malaysia. Karya seni seperti syiling emas kijang, syiling bullion, Sasana Kijang, Hikayat Sang Kancil dan jata jelas melambangkan unsur-unsur kemelayuan dan kebangsaan yang digunakan dalam kehidupan masyarakat Melayu sehari-hari. Terdapat unsur keislaman dan kepercayaan agama lain dalam simbol haiwan untuk menekankan keindahan ciptaan Tuhan. Unsur moden juga turut digunakan dalam duit syiling lama dalam koleksi Bank Negara untuk membezakan kehidupan moden dan tradisional.

RQ2. Apakah simbol yang terdapat pada motif kijang?

Analisis dari logo Bank Negara Malaysia yang menggunakan haiwan sebagai simbol tertentu sangat jelas. Simbol yang bermotif kijang, rusa atau pelanduk dapat ditemui dalam pelbagai karya seni seperti duit syiling, arca, stupa, animasi, ilustrasi lukisan, jata, logo dan cenderamata. Pengulangan simbol haiwan yang sama telah

diterapkan dengan teliti. Simbol lain yang dapat ditemui dalam lukisannya ialah matahari, bulan sabit, pokok dan alam cakerawala yang digunakan secara meluas.

Simbol, motif, budaya dan Melayu sering disebut kerana kepentingannya. Setiap komuniti di dunia mempunyai budaya dan warisan yang mereka perlukan untuk dipelihara untuk tatapan generasi akan datang. Ledakan teknologi maklumat dan komunikasi berlaku untuk dekad yang lalu, budaya dan warisan Melayu kini telah terpinggir dan berada di belakang. Hari ini, generasi muda tidak memahami kepentingan simbol dan motif. Mereka mengambil mudah perkara-perkara yang dipertanggungjawabkan kerana mereka menganggap bahawa budaya boleh ditokok tambah. Adalah malang sekiranya budaya mengenai simbol kemelayuan ini pupus dan tiba-tiba suatu hari nanti kita dan generasi seterusnya tidak lagi dapat mengingati atau menghayati keindahann simbol dan motif yang ada di sekeliling kita. Akibatnya, para artis mengambil peluang ini untuk memanipulasi keindahan simbol dan motif untuk mencipta lukisan moden, animasi dan logo grafik.

Kijang ialah simbol keharmonian dan kebijaksanaan yang dapat dilambangkan di dalam logo Bank Negara Malaysia. Persoalan mengenai bangsa Melayu, sikap tanggungjawab, semangat kebangsaan, seni kebudayaan dan yang paling penting menjadi sebuah bank yang dipercayai dan diyakini. Inilah cara Bank Negara Malaysia menghargai kebudayaan negara dengan berkongsi keindahan simbol dan motif kebangsaan kepada semua orang.

RUJUKAN

- Abdul Halim Husain (2014). *Seni Pendidikan & Kebudayaan* (Cetakan Pertama). Tanjung Malim: Malim Sarjana.
- Abdul Aziz Shuaib & Enoch, O. F. (2013). *Integrating the Malay Traditional Design Elements into Contemporary Design: An Approach towards Sustainable Innovation*. Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan.
- Abdullah Mohamad (Nakula) (1978). *Falsafah dan Pemikiran Orang-orang Melayu: Hubungan dengan Islam dan Kesenian*. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia.
- Abdullah Mohamad (Nakula) (1980). *Falsafah dan Pemikiran Orang-orang Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia.
- Abdullah, S. (2011). Thematic approaches in Malaysian art since the 1990s. *Jati*, 16, 97-113.
- Adams, H. (2008). *What's American about American Art?: A Gallery Tour in the Cleveland Museum of Art*. Hudson Hills Press Inc., U.S.
- Ahmad Jamal, S. (1982). Seni lukis Malaysia--25 tahun / penyusunan dan teks. In N. Balai Seni Lukis (Ed.). Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Ahmad Arshad, Darwina and Ahmad, Hartini and Mustapa, Azrain Nasyrah and Mohtar, Shahimi. (2012). *Strategic change and transformation: A case study at Malayan Banking Berhad*. In: 3rd International Conference on Technology and Operations Management.
- Ahmad Suhaimi Mohd Noor (2011). *Sejarah Kesedaran Visual di Malaya*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 1963 (2011). Diambil Semula dari <https://www.dsdl.gov.my/jpkv4/images/perkhidmatan/penguatkuasaan-kawal-selia/>
- Alex W. White. (2011). *The Elements of Graphic Design*. (2nd ed.). Allworth Press.
- Ali, Z. (2010). *Malaysian Art: Selected Essays, 1979-2009*: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ali. (2004). *Pengalaman Anak Rusa*. Kuala Lumpur.
- A. Aziz Deraman (2003). *Masyarakat Dan Kebudayaan Malaysia*. (A. A. Deraman, Ed.) (Cetakan Ke). Kuala Lumpur: Dawama Sdn. Bhd.
- A. Aziz Deraman (2005). *Asas Pemikiran Kebudayaan Malaysia* (Cetakan 1). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Arney, Sarah. (1987). *Malaysian Batik: Creating New Traditions*. Kuala Lumpur: The Malaysian Handicraft Development Corporation.
- Azizi Bahauddin (2002). Contemporary Malaysian Art: *Intercultural Communication Studies XI: 2 2002*.
- Azizi Bahauddin & Aldrin Abdullah (2002). Contemporary Malaysian Art: An Exploration of the Songket Motifs Malaysia's Cultural Identity, 21-41.
- Azshakauthar, Mazlina, Khalilah (2014). *An Islamic Perspective on Public Art: A case Study of laman Seni 7, Shah Alam*. PhD Candidate (Built Environment), Kulliyyah of Architecture & Environmental Design.
- Bank Negara Malaysia. (1984). 25 Tahun Pertama 1959-1984. Kuala Lumpur.
- Bank Negara Malaysia. (2006). *Kedah and Perlis Currency Heritage*. Kuala Lumpur.
- Bank Negara Malaysia. (2002). *Sejarah Matawang Negeri-negeri Tanah Melayu*. Kuala Lumpur.
- Barbara. (2017). *The Golden Deer And Other Tales From Jataka*.
- Barrett, T. (1989). A consideration of criticism. *Journal of Aesthetic Education*, 23(4), 23-35.
- Barrett, T. (1994). Principles for interpreting art. *Art Education*, 47(5), 8-13.
- Bell, Clive. (1913). An Important Presentation and Defense of Artistic Formalism in the Philosophy of Art. *Art Boston, Massachusetts*.
- Benjamin Crabtree & William Miller (Eds.) (1999). *Doing Qualitative Research (2nd edition)*. London: Sage Bourassa, S. C., & Peng, V. S. (1999). Hedonic prices and house numbers: The influence of *Feng Shui*. *International Real Estate Review*, 2(1), 79-93.
- C.A.S., Williams. (1976). *Outline of Chinese Symbolism and Art Motives*. New York: Dover Publication, Inc.
- Che Su Mustaffa & Rasilah Mohd Rosli (2005). *Budaya Masyarakat Melayu*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Coffey & Atkinson. (1996). *Making Sense of Qualitative Data: Complementary Research Strategies*. SAGE Publications
- Cohen, S. (2008). *Animals as Disguised Symbols in Renaissance Art*. Leiden, Boston: Brill.
- Conway L. Morgan. (1999). Logo, Identity, Brand, Culture, Rotovision SA: Swilzerland.
- Che Su Mustaffa & Rasilah Mohd Rosli (2005). *Budaya Masyarakat Melayu*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.

- Chuch. G. (2001). Design It Yourself Logos, Letterheads & Business Cards. Rockport Publisher. Inc.
- Creswell, J.W. (1998). *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing Among Five Traditions*. Thousand Oaks: CA Sag Publications Inc.
- Creswell, J. (1998). *Research design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Datohaji S. Othman (1994). *The Craft of Malaysian*. Singapore: Editions Didier Millet.
- Davies, S. (1991). *Definitions of art*: Cornell University Press.
- Dawson, Catherine. (2010). Introduction to Research Methods 4th Edition: A Practical Guide for Anyone Undertaking a Research Project
- Degas. (2010). Art Review: Degas: Drawings and Sketchbooks. In T. Handicap (Ed.): Deborah Feller.
- Doyle, John R., and Paul A. Bottomley (2006), "Dressed for the Occasion: Font Product Congruity in the Perception of Logotype," *Journal of Consumer Psychology*.
- Dubey, J. (2014). Rebranding of Airtel: Did it Work? *Journal Of Marketing & Communication*, 9(3), 44-49.
- Dumas, M. (2003). Realistic interpretation of nature. Diambil semula dari http://www.natureartists.com/artists/artist_artwork.asp?ArtistID=54&ArtworkID=1579
- Durant, W. (1926). *The Story of Philosophy: The Lives and Opinions of the World's Greatest Philosophers*. New York: Simon & Schuster.
- E, S. (1998). *The encyclopaedia of Malaysia*. Vol.2. Plants. Archipelago Press an imprint of Didier Miller Pte. Ltd., Singapore.
- Edwards-Wright, T. (2011). *Your Favorite Color Has a Meaning*: Lulu.com.
- Elsergany, R. (2010, 2012). Architecture in Islamic Civilization. Diambil semula dari <http://islamstory.com/en/node/27402>
- Farish A. Noor (2002). *The Other Malaysia Writing on Malaysia's Subaltern History*. Kuala Lumpur: Silverfish Books.
- Feuchtwang, Michael & Thomas Ng, S. (2006). *Applying Knowledge-Based Expert Systems Approach for Feng Shui Design Evaluation*.
- Fred Willson, M. S. (2002). Shaps, numbers, patterns, and the divine proportion in God's creation *Acts & Facts*, 31(12), ii.
- Ghauri, Gronhaug (2005). Research Methods In Bussines Studies. Norway

- Gono. (2004). Panduan Penyenggaraan Rusa Tropis. Publisiti Biologi-LIPI. Bogor.
- Gregory. T. (2000). How To Design Logos, Symbols and Icons. North Light Book. Ohio.
- Hassan Mohd Ghazali (2012). *Seni Visual* (Cetakan pertama). Citra Grafik.
- Hashim Hj. Musa (2009). *The Evolution Of Islamic-Cultural Fusion , Identity , Islamic Resurgence And Current Challenges In The Malay Life 1, 1.*
- Hatcher, F. (2013). *Figurative Painting in a Contemporary Art World.* (Master of Fine Art), The Savannah College of Art and Design, Savannah, Georgia.
- Isaac. (1971). *What Makes The Sun Shines.* Little Brown Publisher. New York.
- Ismail Noor & Muhammad Azaham (2000). *Takkan Melayu Hilang Di Dunia. Selangor:* Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd.
- Jamal, S. A. (1982). Seni Lukis Malaysia 25. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Jeremy. J. P (2019) Pensyarah Grafik – Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman. Temubual oleh penulis, 2 Disember 2019, Kuala Lumpur.
- J.Lubliner, Murray. (1966). *Global Corporate Identity: The Cross-Border Marketing Challenge.* Massachusetts: Rockport Inc.
- Jung, C. (1964). *Man and His Symbols.* New York, NY : Dell Publishing.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan (Ed. Keempat). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Bahasa Malaysia.* (1993) (Cetakan Ke). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartika, D. S (2007). *Kritikan Seni.* Bandung: Rekayasa Sains.
- Laws of Malaysia: Federal Constitution, Article 160.* (1997). Percetakan Nasional Malaysia.
- Kazmierczak, E. (2001). *A semiotic perspective on aesthetic preferences, visual literacy and information design.* Information Design Journal.
- Krueger, Richard A. (2002). *Designing and Conducting Focus Group Interviews.* Thousand Oaks, CA: Sage.
- Laws of Malaysia: Federal Constitution, Article 160.* (1997). Percetakan Nasional Malaysia.
- Liu, L., Chen, R., Wolf, L., & Cohen-Or, D. (2010). *Optimizing Photo Composition.* Paper presented at the Computer Graphics Forum.

Liza Marziana Mohammad Noh, H. H., Abdul Latif Samian, Ahmadrashidi Hasan (2015). Formalistic as an Analysis Method in Signifying the Malay Cultural Symbol in Malaysian Modern Art of Paintings. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6 (4), 600.

Liza Marziana Mohd Noh, Ahmadrashidi Hasan, Hamdzun Haron, Abdul Latif Samian, NM Noh & Nurul Izzati Mohammad (2014). *Malay Symbol Expression: An Analysis on Techniques and Media in Malaysian Pictorial Art*. Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014 (e-ISBN 978-967-11768-7-0). 9-10 June 2014

Liza Marziana Mohd Noh, Hamdzun Haron, Abdul Latif Samian & Ahmadrashidi Hasan (2015). *Formalistic as an Analysis Method in Signifying the Malay Cultural Symbol in Malaysian Modern Art of Paintings*. Mediterranean Journal of Social Sciences, 6(4), 30.

Mahyudin Al Mudra (2007). Pandangan Hidup Melayu. Diambil semula dari <http://melayuonline.com/ind/culture/dig/1/pandangan-hidup-melayu>.

Marzudi. M. Y (2019) Pensyarah Kanan – Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya. Temubual oleh penulis, 17 Oktober 2019, Kuala Lumpur.

McGovern, E. (2009). *The Best Collection of Bank Negara Malaysia* (A. Razak Ed.). Kuala Lumpur: : National Bank Museum & Art Gallery.

Milton, Glaser. (2000). *Art Is Work: Graphic Design, Interiors, Objects, and Illustrations*. Overlook Press, New York, NY.

Mina Kaboudarahangi, Osman Mohd Tahir & Mustafa Kamal M.S (2012). *Iconographic Method and the Development of Emerging Garden'S Identity*. Journal of Basic and Applied Scientific Research, 2(4), 3724-3730.

Mohd Johari Abd Hamid & Hamzah Lasa (2013). *Estetika Seni Visual* (Cetakan Pertama). Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohd Koharuddin Mohd Balwi (2005). *Peradaban Melayu*. Universiti Teknologi Mara. Kuala Lumpur

Mohd Faizuan Mat (2013). *Reading Objects: A Paradox of Interpretation in Malaysian Contemporary Art*. Universiti Malaysia Sarawak. 6(June), 101-110.

Mohamed Noor Othman (2014). *Isu dan Pemikiran dalam Seni Visual*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamed Ali Abdul Rahman, (2000). *Modern Malaysian Art: Manifestation Of Malay Form And Content*. Selangor: Biroteks, Universiti Teknologi MARA.

Morgan. (1999). *Logo, Brand, Identity Culture*. California.

Morser, Kalton (1971). *Survey Methods In Social Investigation*. New York

- Muhd Halim Shah Abdul Murad (2009). *Sains, Agama Dan Budaya Di Alam Melayu* (Cetakan Pertama). Kuala Lumpur: Dawama Sdn. Bhd.
- Mulyadi Mahamood (2007). *Modern Malaysian Art from the Pioneering era to the Pluralist Era (1930s-1990s)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mulyadi Mahamood, Dzul Haimi Md Zain, Ruzaika Omar Basaree & Zakaria Ali (2012). *Taman Nurani*. Kuala Lumpur: Galeri PETRONAS.
- Mulyadi Mahamood (1992). *Era Pluralis dalam Seni Moden Malaysia (The Pluralist Era in Modern Malaysian Art)*. *Fantasi*. 77, 5-8. Kuala Lumpur: Creative Enterprise.
- Morgan, L. (2000). Form and meaning in figurative painting. *Sherratt (ed.)*, 925-946.
- Morris, T. J. (2011). *ACE Folk life guide*. North Amrica: TJ Morris Publishing.
- Morton, A. L. (1977). *Rethinking Symbolism Dan Seperber*. (J. Goody, Ed.). Paris: Syndics of the Cambridge University Press.
- Munusamy, R. & Dolah, J. (2016). *Symbolic form in Patrick Low's Photography from 2005-2010*. Symbolic form in Patrick Low 's Photography from, (April).
- Nik Abdul Rahman (2002). *Sejarah Kelantan Sebelum Long Yunus-Satu Gambaran Umum*. In N. H. Nik Abdul Rahman, *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah* (ms. 1-14). Kuala Lumpur: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Oaks, E. D. H. (2009). Learning and Latter-day Saints. *Ensign*, 39, 22-27.
- Orchard, Andy (1997). Dictionary of Norse Myth and Legend.
- Osman Bakar, & Ruzaika Omar Basaree (1995). Kesenian Islam Suatu *Perspektif* Malaysia. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Othman Mohd Yatim (1995). *Islamic Arts*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panofsky, E. (1955). *Meaning in the Visual Arts*. New York: Doubleday.
- P.Barnard, T. (2004). *Contesting Malayness: Malay Identity Across Boundaries*. Singapura: Singapore University Press, National University of Singapore.
- Parker, D. H. (2013). The Principles of Aesthetics *The Principles of Aesthetics*: Lulu.com.
- Pattanaik, D. (2003). *Indian Mythology Tales, Symbols, and Rituals from the Heart of the Subcontinent*. Rochester, Vermont: Inner Traditions.
- Pawang Ana & Raja Haji Yahya (1988). *Hikayat Malim Dewa* (Ketiga). Singapura: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Philip. (1971). *The Mouse Deer on Malayo-Indonesian Folklore: Alternative Analasyisi and Significance of Trickster Figure in South East Asia*.
- Piyadasa, R. (1993). *Modern Malaysian Art, 1945-1991: A Historical Review. In Tradition and Change*. Queensland: University of Queensland Press, Australia.
- Piyadasa, R. (2000). *Rupa Malaysia: Meninjau Seni Lukis Malaysia*. Malaysia: Balai Seni Lukis Negara
- Piyadasa, R. (2003). *Issues of culture, Nationhood and Identity in Modern Malaysian Art. Tirai Panggung*, 6, 74-95.
- Poppy. E. & Mark. A. Thomas. (2004). *Exploring The Elements of Design*. Clinton Park. New York.
- Rahmah Bujang, & Nor Azlin Hamidon, (2002). *Kesenian Melayu*. (Prof. Madya Dr. Ton Ibrahim, Ed.). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Rahman, M. Y. A. (2012c). History of 'The Duel'- From the perspective of Artist Gallery
- Redza Piyadasa (2002). *Masterpieces from the National Art Gallery of Malaysia*. Kuala Lumpur: National Art Gallery.
- Rene. (1973). *Sign, Symbols and Ornaments*. John Wiley & Son Incorporated. USA.
- Rosnawati Othman (2009). *Motif Langkasuka: Asal usul rekabentuk seni ukir Melayu*. Kertas kerja dibentang di Seminar Alam Melayu: Menjejaki Langkasuka, anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rudolf Arnheim. (1974). *Art and Visual Perception: A Psychology of Creative Eye*. University of California Press, Berkeley, CA 94720, U.S.A.
- Ruzeika. O. B (2019) Pensyarah – Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya. Temubual oleh penulis, 4 Disember 2019, Kuala Lumpur.
- Ruzaika Omar Basaree, Rafeah Legino & Mohd Yusof Ahmad, (2014). *The Philosophy and Geometric Patterns of Malay Woodcarving*. Culture Center, University of Malaya, Kuala Lumpur, Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Faculty of Administrative Science & Policy Studies, University Teknologi MARA, Shah Alam.
- Sabapathy, T.K. (Ed.) (1994). *Vision and Idea: Relooking Modern Malaysian Art*. Kuala Lumpur: National Art Gallery.
- Sarena Abdullah (2011). *Thematic Approaches in Malaysian Art Since The 1990s*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. 16 (December), 101-110.
- Saunders (2007). Research Methods For Business Students. University of Surrey. England.

- Seminar Kebudayaan Malaysia.* (1999). Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian & Pelancongan Malaysia.
- Siti Zainon Ismail (1985). *Getaran Jalur dan Warna*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Solehah Ishak (2010). *Seni & Budaya Kelantan*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Solehah Ishak (2010). *Kelantan Sebagai Pusat Kesenian Melayu Tradisional: Perkembangan, Pelestarian dan Identiti*. In H. Dollah, *Seni dan Budaya Kelantan* (ms. 1-20). Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Soon, S. (2013). *Four Currencies in Contemporary Practice Vol. 2. Narratives in Malaysian Art* (ms. 319).
- Stake, R. E. (1995). *The Art Of Case Study Research*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Stemp, R. (2006). *The secret language of the Renaissance: decoding the hidden symbolism of Italian art*: Sterling Publishing Company, Inc.
- Suhaimi. (2014). *Koleksi Cerita Rakyat Sabah*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Sullivan, G. (2005). *Art practice as research: Inquiry in the visual arts*. Thousand Oaks: SAGE Publication.
- Syed Ahmad Jamal (2010). *Rupa dan Jiwa* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thom, P. (2000). *Making Sense: A Theory of Interpretation*: Rowman & Littlefield Publishers.
- Tjeptjep Rohidi Rohendi (2000). *Kesenian dalam Pendekatan Kebudayaan*. Bandung: Accent Graphic Communication.
- Tjeptjep Rohidi Rohendi & Abdul Halim Husain (2015). *Metodologi Penyelidikan Seni* (Cetakan Pertama). Tanjong Malim, Perak: Malim Sarjana.
- Wagner F.A. (1959). *Indonesia, the Art of an Island Group*. New York: Crown Publisher Inc.
- Walter. (2012). *Malaysian, Fables, Folk Tales and Legends*. Silverfish Book Publisher. Kuala Lumpur.
- Wan Abdul Kadir (1993). *Beberapa Aspek Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kota Bharu dan Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Wan Abdul Kadir (2000). *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang-orang Melayu*. Selangor: Masfami Enterprise.
- Whittick, & Arnold. (1960). *Symbols, Signs and Their Meaning*. London: Leonard Hill (Books).

- William, B. (1969). *The Malay*. Encyclopedia of Britannica
- Yin, R. K. (2003). *Case Study Research: Design and Methods*: SAGE Publications.
- Zakaria Ali (1991). *The Malaysian's of Malaysian Art: The Question of Identity*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia.
- Zawiyah Baba (2010). *Warisan Seni Ukir Kayu Melayu: Legacy of the art of Malay woodcarving*. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.